

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

September - Disember 2015



UMP memperoleh
Status Autonomi

Kolaborasi industri
lonjakkan kecemerlangan UMP

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Bangunan KPU UMP
Pekan mula beroperasi
November 2015



Bangunan PTMK
dan PBMSK di UMP
Pekan siap sepenuhnya



Kandungan



4 Pengarah Urusan Motorola kongsi kepakaran dengan pelajar UMP



6 UMP lahir graduan perintis program dwijjazah Mekatronik hasil kerjasama dengan HsKA



8 10 pelajar FKKSA tempa kejayaan dalam Simposium Kejuruteraan Kimia

- 9 Kalaborasi industri lonjatkan kecemerlangan UMP
- 10 Bangunan KPU UMP Pekan mula beroperasi November 2015
- 11 Bangunan PTMK dan PBMSK di UMP Pekan siap sepenuhnya
- 12 UMP sentiasa relevan dalam pasaran pengajian tinggi negara
- 13 UMP-ITB anjur persidangan antarabangsa IMEC dan APSCOMS
- 14 UMP-UNS jalin kerjasama tawar program dwi-PhD
- 15 UMP teroka kerjasama dengan Universiti KAZATU Kazakhstan
- 16 UMP meterai hubungan kerjasama dengan Guizhou University
- 17 UMP bakal jalin kerjasama dengan Purdue University
- 18 Penyelidik muda menang enam pingat di IWIS 2015 Poland
- 19 Pensyarah FKKSA menang Anugerah TESLA IBC Cambridge bagi penerbitan biografi
- 20 UMP terima anugerah CREAM bagi penerbitan Jurnal IJAME
- 21 Al-Majallah menang Anugerah Buku Negara 2015
- 22 Pelajar UMP harumkan nama universiti di KIDE 2015
- 23 Penyelidik UMP cemerlang di PECIPTA 2015
- 24 Pensyarah UMP menang Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI
- 25 FKKSA, Petronas LDPE kongsi kepakaran tangani letupan silo dan elektrostatik
- 26 Perisian Bahasa Isyarat e-MySL & MyKOD diiktiraf
- 27 Mahasiswa cipta produk dari bahan kitar semula
- 28 UMP dan Yayasan Sabah jalin hubungan kerjasama akademik
- 29 UMP meterai kerjasama dengan JKR Malaysia bagi pembangunan BIM dalam industri binaan
- 30 Penyelidik FTeK dan FKASA pantau kualiti udara akibat jerebu
- 32 UMP jalin kerjasama dengan Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.
- 33 Persidangan COMRET kumpul tenaga pakar kaji nadir bumi
- 34 Kongsi budaya dalam Malam Antarabangsa UMP
- 35 UMP lancar program RCP bantu pelajar tingkat penguasaan Bahasa Inggeris
- 36 Anugerah Pelajaran Diraja hadiah hari jadi istimewa Mohamad Arif
- 37 Ng Teck Huai terima Anugerah Pelajaran Diraja
- 38 Program Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami bantu ibu tunggal dan miskin
- 39 Pasukan *Elixir Racing* sekolah kluster harumkan UMP
- 40 UMP kongsi amalan terbaik penggunaan teknologi dalam P&T
- 41 UAE anjur Pemantapan Program Profesional bersama 15 rakan strategik
- 42 FKKSA anjur program QGen bantu remaja
- 43 18 staf sertai Bengkel Latihan Juruaudit Program Profesional UMP
- 44 IPS anjur Bengkel Penambahbaikan Polisi dan Garis Panduan Pengajian Siswazah
- 45 FSKKP rai pelajar pascasiswazah
- 46 Klik-Klik Lensa
- 48 Warga UMP jayakan Kempen 3R tingkat kesedaran pengurusan sisa pepejal
- 49 UMP hadiah jasa staf bersara
- 50 Anugerah Kokurikulum & Sanjungan iktiraf pencapaian pelajar
- 51 Warga UMP semarakkan kemeriahan ExpoKonvo2015
- 52 UMP *Colour Run* meriah
- 53 Konvoi Berbasikal Mahasiswa hangatkan promosi ExpoKonvo UMP
- 54 Jejak Asnaf Kembali ke Sekolah Bantu Pelajar Susah
- 55 2,000 hadir Menelusuri Jejak Merdeka
- 56 UMP anjur Ceramah Kenegaraan
- 57 BLPK anjur Program Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja
- 58 50 staf baharu sertai Program Transformasi Minda
- 59 80 staf baharu sertai Program Orientasi
- 60 UMP bangukan model kompetensi dan kepimpinan staf
- 61 50 staf tingkat pengetahuan pengurusan arkib berkesan
- 62 Program *Leadership Diagnostic* menilai prestasi kepimpinan ketua
- 63 UMP anjur program pengurusan bakat staf bukan akademik
- 64 Program TransU perkukuh perasaan sayang kepada universiti
- 65 UMP laksana Program Pengurusan Bakat *ULead*
- 66 60 staf sertai *ULead* UMP tingkat kompetensi kepimpinan staf
- 67 BLPK anjur program kesiapsiagaan menghadapi banjir
- 68 Program Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian, Pemangkin 'Menuju Kegemilangan' UMP
- 69 BLPK anjur TransU sasar elemen menuju kegemilangan
- 70 Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Uji Ketahanan Disiplin dan Mental Peserta
- 71 Pelajar tunai tanggungjawab pilih perwakilan dalam pilihan raya kampus
- 72 MPP UMP yang baharu angkat sumpah tunai kewajipan
- 73 Kembara ASEAN bantu madrasah di Filipina
- 74 Projek Kiluan Mutiara manfaatkan pelajar di negeri Perlis dan Thailand
- 75 Duta Jauhar bantu 15 usahawan wanita Johor
- 76 Mahasiswa UMP dan MBM bersama komuniti Kota Pariaman
- 77 2,000 mahasiswa berjalan 10 ribu langkah
- 78 1,000 Mahasiswa bincang hala tuju cabaran kontemporari
- 79 Mahasiswa bergotong-royong memasak bubur Asyura
- 80 PEKA 2 anjur Kem Kecemerlangan Perintis Muda Pahang
- 81 PEKA 5 anjur Klinik Bot Kawalan Jauh
- 82 Projek Kiluan Mutiara bantu sekolah kluster kecemerlangan
- 83 Kesukarelawan Pendidikan Mahasiswa UMP bersama pelajar SMK Tengku Indra Putra 1
- 84 10 atlet ke Ho Chi Minh, Vietnam
- 85 Pusat Sukan anjur UMP Pekan *Sports Day* 2015
- 86 Sumber Manusia
- 87 Jejak Alumni
- 88 Terbitan Terkini
- 90 Rencana/Artikel Pilihan
- 92 Rencana/Artikel Pilihan



PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitaiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my



JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri
maffendi@ump.edu.my

Muhammad Kairus Ibrahim
kairus@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Aras Bawah, Anjung Selatan
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Salam 1 Malaysia dan salam 1 UMP.

Terima kasih kepada semua pembaca yang masih setia menunggu keluaran *CREATE* untuk edisi terakhir bagi tahun 2015. Tiada apa yang lebih menggembirakan apabila melihat universiti ini terus bergerak maju ke hadapan. Malah, perkara yang lebih menggembirakan dan membanggakan apabila masyarakat setempat juga turut menikmati manfaat daripada kewujudan UMP sebagai sebuah institusi kerakyatan. UMP tidak hanya meletakkan sasaran menjadi sebuah universiti yang memiliki kecemerlangan akademik dan penyelidikan, tetapi juga peranan signifikan sebagai agen transformasi sosioekonomi masyarakat.

Penghujung tahun 2015 ini begitu bermakna dan melewati 13 tahun penubuhan apabila UMP mendapat status autonomi yang telah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusuh. Kewujudan UMP menjadikan Kawasan Perindustrian Peramu di Pekan sebagai hab industri automotif yang terkemuka di negara dan UMP sendiri bekerjasama dengan pemain utama industri automotif termasuklah Mercedes-Benz dan DRB-HICOM.

Lebih membanggakan UMP membuktikan keupayaan untuk bekerjasama dengan institusi terkemuka di luar negara seperti Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) di Jerman. Malah UMP turut menjalinkan persahabatan dengan pertukaran memorandum dengan sebelas rakan industri seperti Evolva SA dari Switzerland dan disaksikan sendiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada Majlis Pertukaran Memorandum dengan Rakan Industri pada 29 November baru-baru ini .

UMP juga berbangga kerana berjaya melahirkan seramai 2,553 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam ijazah sarjana kedoktoran, ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma pada Majlis Konvokesyen ke-10. Pada majlis yang sama juga turut mencatatkan seramai 50 orang graduan antarabangsa turut sama berjaya menamatkan pengajian.

Saya percaya, walaupun saban tahun sidang editorial *CREATE* banyak memaparkan kejayaan UMP, ia bukanlah sesuatu yang lapuk untuk diceritakan pada setiap keluaran. Ini kerana, setiap kemenangan dan kejayaan akan sentiasa direkodkan tanpa puas dalam lipatan sejarah UMP. Rekod kejayaan dan pengalaman manis ini akan sentiasa dikenang seiring dengan perkembangan UMP.

Semoga tahun 2015 mencipta banyak sejarah dan memori dan 2016 akan membawa lebih banyak kenangan manis kepada semua warga UMP.

Selamat membaca!

Saiful Bahri Ahmad Bakarim



Kolaborasi industri lonjakkan kecemerlangan UMP

Kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sejak 13 tahun lalu dapat memberi impak dan limpahan peluang penajanaan pendapatan melalui pertambahan kegiatan ekonomi seperti jualan makanan, sewaan rumah dan perkerjaan dan kepakaran penyelidikan yang ada di UMP telah turut memberi manfaat kepada pembangunan setempat.

Masyarakat setempat dapat turut menikmati manfaat daripada kewujudan universiti ini sebagai sebuah institusi yang merakyat. Tidak hanya UMP meletakkan sasaran untuk menjadi sebuah universiti yang memiliki kecemerlangan akademik dan penyelidikan, tetapi juga peranan signifikannya sebagai agen transformasi sosioekonomi masyarakat.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, UMP bekerjasama erat dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sejak tahun 2011 bagi melaksanakan Program Empower ECER Mahkota. Perlaksanaan program memberikan impak positif dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat melalui latihan akademik untuk pelajar sekolah serta program latihan kemahiran dan keusahawanan untuk para belia, ibu tunggal dan

komuniti umum di sini.

"Begitu juga dengan projek Kompleks Makanan Laut dan Pusat Pemrosesan Hasil Laut yang menempatkan empat unit restoran, empat unit pusat pemerosesan hasil laut dan empat unit gerai jualan hasil laut serta kemudahan lain seluas 6.998 ekar Kuala Pahang yang kini sedang dibina oleh ECERDC dengan input UMP dari segi reka bentuk, kerja pembinaan dan pengisian perniagaan kelak dapat memberi faedah yang berganda kepada para usahawan tempatan yang telah dilatih melalui program Empower ECER Mahkota," katanya dalam Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman dengan Rakan Industri yang berlangsung di UMP Pekan pada 29 November 2015 yang lalu.

"Kewujudan UMP turut memberi nilai tambah kepada hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kawasan Perindustrian Peramu di Pekan sebagai hab industri automotif yang terkemuka di negara yang mana UMP telah turut mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan pemain utama industri automotif di Kawasan Perindustrian Peramu termasuklah Mercedes-Benz dan DRB-HICOM dan ramai graduan UMP telah turut ditawarkan pekerjaan di sana.

"Malahan UMP turut menjalinkan kerjasama dengan BMW Malaysia yang telah menyumbangkan sembilan unit enjin dan dua unit kereta keluaran syarikat tersebut bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

"Lebih membanggakan UMP telah membuktikan keupayaannya untuk membentuk kerjasama akademik yang lestari dengan institusi-institusi terkemuka di luar negara. Kementerian Pendidikan Tinggi melihat bahawa kejayaan penawaran program dwijjazah di peringkat Sarjana Muda antara UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) di Jerman sebagai pencapaian yang membanggakan dalam konteks kecemerlangan kerjasama akademik di peringkat antarabangsa," ujar beliau.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, bagi membolehkan universiti ini terus kekal berdaya saing dengan prestasi yang cemerlang, UMP memberikan tumpuan terhadap pelebaran jaringan kolaborasi strategiknya dengan rakan-rakan awam dan industri.

"Ia adalah penting kerangka kolaborasi universiti dengan industri yang terstruktur dan

terkelola secara strategik akan memberikan pulangan nilai yang tinggi kepada kedua-dua belah pihak.

"Kolaborasi ini telah memberikan manfaat yang tidak sedikit dalam konteks pembangunan akademik dan latihan, pemindahan teknologi dan inovasi, pengembangan aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan, serta penyuburan agenda keusahawanan," katanya.

Majlis menandatangani pertukaran memorandum antara UMP dan sebelas rakan industri. Program disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh, Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd. Taib.

Hadis bertukar dokumen Ketua Pegawai Bisnes, Pascal Longchamp, Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Ibrahim Ahmad, Pengarah Eksekutif Cosway (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Berjaya Group, Dato' Azlan Meah Haji Ahmad Meah dan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sapawi haji Ahmad, Ketua Pegawai Operasi Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Razwin Sulairee Hasnan Termizi, Ketua Eksekutif &



Presiden Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Negeri Sabah (SEDIA), Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari, Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ir. Haji Adanan Mohamed Hussain, Ketua Pegawai Operasi Ranhill Utilities Sdn. Bhd., Faizal Othman dan Pengarah Urusan IMASPRO Resources Sdn. Bhd. (IRSB), Naib Presiden Kanan Divisyen Pembangunan Bisnes **Johor Corporation**, Haji Aminudin Dawam serta Pengarah Urusan Gaya Naturals Sdn. Bhd, Marinah Harris Embiricos.

Turut diadakan kerjasama dengan Syarikat antarabangsa Evolve SA Switzerland yang dijangkakan membawa pelaburan lebih kurang 25 juta *Swiss Franc*.

Majlis Amanah Rakyat pula membangunkan Gelatin Halal yang bernilai RM 20 juta, manakala kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Yayasan Sabah akan membangunkan program *foundation* sebagai *Feeder*

Programme dwijajah.

Melalui kerjasama dengan JKR Malaysia pula, UMP akan menyalurkan kepakaran akademiknya bagi menjayakan agenda nasional BIM atau *Building Information Modelling* dengan sokongan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sementara itu, Johor Corporation pula merupakan rakan kongsi UMP bagi Projek Keratin dan *Dial Clean* dan BiotechCorp sebagai rakan kongsi bagi Projek MBA Biotech dan Projek Penanaman Nilam di Taman Bioaromatik Pahang.

SEDIA Corporation pula bekerjasama dengan UMP bagi melatih staf SEDIA dan syarikat berkaitan di Sabah dalam memproses produk tenusu manakala IMASPRO Corporation Berhad adalah rakan kerjasama bagi Produk Pisoptera.

Begitu juga dengan Ranhill Utilities Sdn. Bhd. pula adalah rakan kongsi UMP bagi Projek

Phytogreen. Manakala Cosway (Malaysia) Sdn. Bhd. akan bekerjasama dengan UMP bagi memasarkan Produk Kacip Fatimah dan Produk Tongkat Ali.

Kerjasama dengan Gaya Naturals Sdn. Bhd. pula akan menyaksikan kerjasama penyelidikan dengan UMP dalam penghasilan produk berkaitan nilam. Kerjasama yang dimeterai dengan Gaya Naturals pula diketuai Puan Marinah Harris akan banyak memudahkan cara dalam menjalankan penyelidikan bersama untuk inisiatif UMP bagi membangunkan Taman Bioaromatik Pahang di Kampung Serengkam, Mukim Luit, daerah Maran.

Grasse Institute of Perfumery di Perancis juga telah memperlihatkan minat yang mendalam untuk bekerjasama dengan UMP dalam penyelidikan industri bahan pewangi (*perfumery*) secara intensif. Ianya bakal mengubah landskap tanah terbiar di Pahang dengan

ladang satelit untuk tanaman nilam secara komersial di mana ia merupakan satu produk yang mempunyai nilai yang tinggi serta dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat.

Dalam majlis itu juga, Dato' Seri Idris juga menyampaikan status autonomi kepada UMP serta menyaksikan penyerahan bantuan peralatan permulaan perniagaan kepada sepuluh peserta Latihan Kemahiran & Keusahawanan Empower Ecer Mahkota yang berpotensi yang telah terpilih untuk menerima bantuan.

Mereka adalah Kamaliah Abdul Rahman, Faridah Haji Othman, Rosniyati Adnan, Nor Hasmidar Mat Saharuddin, Rosnani Abd Rani, Che Rahayu Che Yussof, Noraini Yusof, Norlizana Razali, Tuan Pah Faridah Said Mohammad dan Nor Fatiha Mohd Hari Raya dalam usaha memulakan perniagaan dalam bidang masing-masing.



UMP lahir graduan perintis program dwijazah Mekantronik hasil kerjasama dengan HsKA

Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada kali ini menyaksikan seramai 2,553 graduan yang terdiri daripada 39 Ijazah sarjana kedoktoran, 106 ijazah sarjana, 1,510 ijazah sarjana muda dan 873 Diploma bergraduasi pada majlis konvokesyen yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang pada 17 dan 18 Oktober 2015 yang lalu.

Konvokesyen kali ini juga mencatatkan seramai 50 orang graduan antarabangsa yang mengikuti pengajian termasuk tujuh daripadanya merupakan graduan program prasiswazah.

Lebih membanggakan seramai sepuluh graduan menerima dua ijazah serentak setelah menamatkan pengajian dwijazah Ijazah Sarjana Muda Mekantronik program HsKA-UMP.

Graduan ini juga turut menerima ijazah dari Rektor Hochschule Karlsruhe University of Applied Science (HsKA), Prof. Dr. Karl-Heinz Meisel. Mereka adalah Ayuni Mohammad Borhan, Chew Yen Ying, Muhammad Alif Hafiz Abd. Aziz, Muhammad Hafiz Mustapha, Muhammad Redzuan Samad, Nik Mohd. Irfan Nik Mohd. Kamal, Norazmin Ayob, Nuremalina Ahmad Sahrul, Syuhada Syamira Hassan dan Wan

Nurul Farah Liyana Razali.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor UMP mencemar duli mengurniakan Ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada graduan pada sesi pertama konvokesyen.

Turut hadir Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Di-Raja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Tengku Abdullah bertitah, melewati 13 tahun UMP telah mencapai satu tahap kematangan yang tersendiri berpaksikan bidang-bidang fokus dan kebitaraannya termasuk dalam agenda kesukarelawan, keusahawanan dan pembangunan komuniti.

"Landskap pendidikan tinggi di seluruh dunia sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran besar. Justeru, UMP perlu memenuhi kehendak dan keperluan sezaman khususnya dalam soal melahirkan modal insan, yang hari ini merupakan kekuatan bagi sesebuah negara di samping meneruskan usaha

menjana ilmu demi kepentingan manusiawi serta mengasuh dan membentuk pemimpin masa depan," titah baginda.

Menurut baginda, sektor pendidikan tinggi adalah faktor kritikal yang seharusnya mampu mentransformasi negara melalui penghasilan modal insan yang berkualiti dan berketerampilan.

"Justeru, bagi menentukan Malaysia berjaya muncul menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan turut menjadi pemain utama dalam ekonomi global, satu-satunya pilihan ialah menggerak cergas serta menggembelngkan seluruh rakyat Malaysia sebagai modal insan negara agar mereka berpotensi, berkemahiran dan berbakat.

"Selain itu, nisbah rakyat yang berpendidikan tinggi yang lebih besar tentunya menjadi satu daripada faktor yang mencipta kemakmuran dan kesejahteraan negara," titah baginda.

Baginda berbangga dengan kejayaan UMP yang berjaya menerima penarafan Autonomi pada tahun ini dan menyeru pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Universiti untuk terus mendukung aras akauntabiliti dan pematuhan yang tinggi bagi memastikan kecemerlangan tadbir urus secara lestari dan berintegriti

dilaksanakan di universiti ini.

Menurut baginda, dengan penarafan autonomi ini juga, UMP perlu terus menggiatkan inisiatif bagi mengembangkan karakter globalnya dengan meneroka peluang kerjasama dengan institusi dan organisasi di peringkat dalam dan antarabangsa.

"Begitu juga dengan keupayaan UMP berkerjasama dengan institusi dan organisasi dalam dan antarabangsa yang berkredibiliti dan berpotensi tinggi sebagai mana yang telah dan sedang dilakukan kini memberi jenama yang besar dan tanda mutu yang tinggi kepada UMP," titah baginda.

Dalam majlis itu juga, Tuanku Canselor turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perniagaan) kepada bekas Duta Besar Jerman di Malaysia, Dr. Günter Gruber yang berperanan besar terhadap kerjasama akademik antarabangsa sehingga termetrainya kolaborasi strategik dengan institusi Jerman Karlsruhe University of Applied Sciences dan Reutlingen University untuk berkerjasama dengan UMP untuk penawaran program dwijazah di peringkat Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Mekantronik dan Kejuruteraan Perniagaan sejak enam tahun.



Sementara itu dalam majlis yang sama, seramai 16 orang graduan menerima anugerah kecemerlangan. Graduan Ng Teck Huai dan Mohamad Arif Muahzim dinobatkan penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Tan Sok Yee dan Muhamed Yusuf Shahul Hamid menerima Anugerah Canselor dan Ng Eng Khoon serta Ong Pui Jun menerima Anugerah Emas Universiti.

Manakala Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang diterima Cheah Kar Jun dan Nurul Hafiza Mohamed Aliasrudin serta Anugerah SriKandi Matahari dinobatkan kepada Nurul Nadia Ibrahim. Hadiah Kecemerlangan Hei Tech diterima Sue Qi Jian, Hadiah Kecemerlangan Ir. Ke Book Hee oleh Low Yee Hwa dan Hadiah Kecemerlangan Sapura Industrial Berhad dianugerahkan kepada Nur Afifah Abu Hanifah Lim.

Begitu juga dengan Hadiah Kecemerlangan Telekom Malaysia Berhad dianugerahkan kepada Ahmad Syazwan Zul, Hadiah Kecemerlangan Perodua oleh Tan Shy Ching Hadiah Kecemerlangan Petronas Penapisan (Terengganu) Sdn. Bhd. oleh Low Wai Mun dan Hadiah Harapan Kimia Industri dianugerahkan kepada Nurul Huda Ramly.





Pengaruh Urusan Motorola kongsi kepakaran dengan pelajar UMP

Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri program *Industrial Talk by CEO* bersama Dr. Hari Narayanan yang merupakan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn. Bhd. anjuran Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) pada 27 Oktober 2015 yang lalu di Perpustakaan UMP Kampus Gambang.

Menurut Pemangku Timbalan Pendaftar JJIM, merangkap Pegawai Fokal Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di UMP, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, program sehari itu menampilkan Dr. Hari Narayanan yang mempunyai berpengalaman lebih 23 tahun bersama syarikat Motorola Solutions Malaysia Sdn. Bhd. untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Projek.

Ujarnya, pelaksanaan program ini juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang dilancarkan oleh KPT bagi mewujudkan graduan berpengetahuan luas yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja.

Selain itu, menerusi program ini juga membolehkan para pelajar mendapat pelbagai input berguna dalam dunia kerjaya. Saya harapkan menerusi program ini mampu meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan para graduan kelak.

“Program ini juga turut diadakan di kampus UMP Pekan pada sebelah petangnya bersama pelajar tahun tiga dan empat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti

Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE). Dr. Hari Narayanan banyak berkongsi pengalaman sepanjang berkecimpung dalam pengurusan projek,” katanya.

Bagi Dr. Hari Narayanan, dalam pengurusan projek kita perlu disiplin dalam merancang, dan menguruskan sumber bagi mencapai sasaran yang kita kehendaki.

Katanya, pengurusan projek ini mempunyai empat fasa iaitu permulaan, perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta kawalan.

Manakala pelajar, Muhammad Naquiddin Afif Hussin 21 berkata, banyak ilmu yang diperoleh sepanjang sesi ini digunakan antaranya seperti mengetahui proses di dalam operasi dan bagaimana cara yang lebih sistematik untuk memulakan sesuatu projek.

Sementara itu rakannya, Siti Fatimah Sedek Muhammad, 21, melahirkan rasa bertuah kerana dapat mempelajari banyak perkongsian pengalaman dengan Dr Hari yang mempunyai banyak pengalaman dalam pengurusan projek. Selain itu juga beliau dapat memperoleh maklumat dengan lebih jelas tentang *process life cycle* dalam pengurusan projek.



10 pelajar FKKSA tempa kejayaan dalam Simposium Kejuruteraan Kimia

Berita dan foto oleh: DR. RUZINAH ISHA

Sepuluh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) seliaan Dr Azizul Helmi Sofian menang tempat ketiga dalam dua kategori yang dipertandingkan sempena 'National Chemical Engineering Symposium 2015' (NACES) yang berlangsung di Curtin University, Kampus Miri Sarawak pada 6 Disember 2015 yang lalu.

Simposium yang bertemakan 'Tug of War: Fossil Fuels against Renewables' itu berjaya mengumpulkan penyertaan daripada 17 buah universiti tempatan dan luar negara termasuk Institut Teknologi Bandung (ITB) dan National University of Singapore (NUS).

Dr Azizul berkata, NACES merupakan platform terbaik bagi para mahasiswa untuk mempamerkan daya pemikiran yang kreatif, memupuk cara komunikasi yang berkesan serta ilmu teknikal bagi menyelesaikan isu dan permasalahan global.

"Simposium ini adalah platform integrasi dikalangan mahasiswa kejuruteraan kimia di seluruh Malaysia

maupun luar negara. Dalam masa yang sama simposium ini turut mempromosikan kepentingan pengamalan kejuruteraan secara profesional dan kelestarian pembangunan ekonomi dan sosial," katanya.

UMP telah mengambil bahagian dalam tiga kategori daripada tujuh kategori yang dipertandingkan, iaitu *Technical Case Study*, *Technical Essay Writing* dan *Chemical Engineering Challenge*.

Program menyaksikan UMP berjaya mendapat tempat ketiga dalam kategori *Chemical Engineering Challenge* yang membawa pulang RM 500 berserta sijil penghargaan.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan juara dimenangi oleh Institut Teknologi Bandung, Indonesia (ITB).

Lebih menarik pelajar UMP, Lee Chea Hui yang mewakili universiti dalam kumpulan campuran lima universiti juga meraih tempat ketiga dalam kategori *Technical Case Study* yang membawa pulang hadiah RM500 dan sijil penghargaan.



Bangunan KPU UMP Pekan mula beroperasi November 2015



Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) yang merupakan nadi terhadap pembangunan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan mula beroperasi pada 2 November 2015 yang lalu. Projek ini menelan kos sebanyak RM53 juta.

Serahan bangunan dibuat melibatkan pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd dalam majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna KPU di UMP Pekan pada 1 Oktober 2015.

Majlis dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah Cawangan Kerja Pendidikan, Ir. Shahrudin Shahril dan Ketua Penolong Pengarah Kanan bahagian Pengurusan Projek 7, CKP (Projek UMP), Ir. Radzuan Mokhtar, Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Wakil Pegawai Penguasa (Projek UMP), Ir. Abu Bakar Md. Sidek dan Presiden Syarikat Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd., Datuk Baderisham Haji Jolly serta Timbalan Presidennya, Dato' Adi Munawar Haji Md Din.

Menurut Ir. Shahrudin, projek KPU direka bentuk dengan inspirasi terjemahan elemen senibina yang mempunyai ciri-ciri *eco sensitive design* yang mengadaptasi konsep '*Natural air circulation*' dan '*Passive Solar Screen*' yang menonjolkan reka bentuk permukaan bumbung yang besar membolehkan dinding berkaca yang optima

dibina untuk mendapatkan pencahayaan semulajadi yang maksima.

"Elemen kubah sebagai struktur utama di ruang Pusat Pentadbiran iaitu Canseleri menonjolkan imej Kompleks Pentadbiran ini sebagai *landmark* kepada pembangunan UMP secara keseluruhannya. Komponen-komponen lain bagi bangunan ini adalah *Chiller Room* dan *Cooling Tower*, *Refuse Chamber*, *Pump House*, *Hose reel Pump Room* untuk melengkapi sistem kemudahan bangunan bagi kebolehfungsian bangunan secara menyeluruh," katanya dalam menyampaikan ucapan.

Tambah beliau, projek ini juga berjaya dilaksanakan dengan menggunakan komponen *Industrialised Building System* (IBS) dengan skor 70 peratus. Beliau menegaskan kepada pihak kontraktor dan juga pegawai-pegawai JKR supaya semua aduan kecacatan oleh pihak pengguna di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu diberi perhatian serta tindakan segera dan ditangani dengan cekap dan berkesan.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Daing berkata, KPU menempatkan beberapa jabatan iaitu Pejabat Naib Canselor, Jabatan Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi dan Jabatan Bendahari.

Katanya, sepanjang pembinaan berjalan berbagai isu telah dan terpaksa dihadapi antaranya perubahan reka bentuk kubah, penyiapan dan pemasangannya, isu cuaca yang di luar jangkaan dan pematuhan kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Penyelamat dan BOMBA Malaysia berkaitan kelulusan pelan bangunan.

Namun hasil kerjasama semua segala rintangan berjaya ditempuhi dan beliau berpuas hati dengan komitmen semua pihak.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yunus, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Pemangku Pengarah Kerja Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta, Marzuki Mokhtar.

Hadir sama perunding-perunding yang terlibat iaitu Zulshafii Architect selaku Perunding Arkitek, Perunding Global Prefab Sdn. Bhd. selaku Perunding Awam & Struktur, Jurutera Perunding Techique selaku Perunding Elektrikal, Elmec Consultants Consortium Sdn. Bhd. selaku Perunding Mekanikal, serta Contract Management Consultant selaku Perunding Ukur Bahan yang banyak memantau, menyelia, mengawal dan mengawas projek ini dengan penuh dedikasi sehingga ianya siap dengan jayanya.



Bangunan PTMK dan PBMSK di UMP Pekan siap sepenuhnya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. menyerahkan bangunan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) kepada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 26 Oktober 2015 yang lalu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, UMP Pekan itu dihadiri Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob, Pengarah Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang, Dato' Ir. Haji Abdul Jalil Haji Mohamed, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Timbalan Pendaftar Kanan

(Jabatan Penyelidikan & Inovasi), Datin Hajah Fazia Ali, Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Pemangku Pengarah PTMK, Roslan Awang Abdul Rahman.

Menurut Dato' Ir. Haji Abdul Jalil, pihak JKR berasa bangga kerana telah diberi kepercayaan oleh KPM bagi melaksanakan projek pembinaan UMP Kampus Pekan.

"Bagi pembinaan bangunan ini bakal menempatkan PTMK, PBMSK dan Dewan Kuliah Utama yang bernilai RM 70 juta menerusi Kontraktor Pembinaan Jaya Zira.

"Bangunan ini merupakan nadi kepada pembangunan ICT dan bahasa di UMP Pekan kerana ianya berfungsi sebagai pusat ICT dengan reka bentuknya inspirasi terjemahan elemen seni bina yang mengadaptasi konsep *Clean Cut* dan *spatial landscape oasis* dengan kolam buatan sebagai mercu tanda.

"Strategi reka bentuk bangunan ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mana pengguna IT akan diterokai di dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya," katanya.

Tambah beliau, kompleks ini terdiri daripada dua blok akademik utama dan satu blok dewan kuliah utama direka bentuk seolah olah memberi gambaran spine vista kepada bangunan kerana bentuk bangunan tersebut.

Malahan, keseluruhan projek yang dilaksanakan serentak ini terdiri daripada

dua projek iaitu Projek Kompleks Pentadbiran Utama dan projek pusat PTMK dan PBMSK dengan kos kontrak bernilai RM123 Juta yang dimulakan pada 6 Julai 2012.

Katanya, Projek Bangunan PTMK dan PBMSK ini merupakan projek keempat yang disiapkan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya.

"Dengan penyerahan ini maka lengkaplah sebahagian misi JKR Malaysia untuk projek Pembangunan UMP Kampus Pekan ini. Sebelum ini antara projek yang telah siap iaitu Perpustakaan UMP, UMP FAsa 1B, Kompleks Pentadbiran Utama, serta bangunan PTMK dan PBMSK.

Manakala menurut Profesor Zulkefli pula, bangunan ini merupakan salah satu daripada projek UMP di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi memberi perkhidmatan dan pentadbiran yang lebih berkualiti kepada warga UMP setanding dengan pertambahan pelajar di UMP kini.

Beliau percaya dengan pembinaan ibu pejabat baharu yang serba moden ini akan memberikan prasarana kerja yang lebih cemerlang serta dapat memberi keselesaan, kesenangan dan semangat baharu kepada petugas yang bertugas.

PTMK mula beroperasi pada 16 November 2015 manakala PBMSK dijangka akan memulakan operasi di bangunan baharunya pada 18 Januari 2016.



UMP sentiasa relevan dalam pasaran pengajian tinggi negara

Seramai 2,274 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan 300 mahasiswa untuk program Diploma hadir mengikuti Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar baharu (MINDS) yang berlangsung pada 3 Septemehr 2015 yang lalu ini di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, daripada 63,942 permohonan dari calon lepasan STPM, Matrikulasi dan setaraf, hanya 49,481 calon atau 77.38 peratus telah diberikan peluang melanjutkan pengajian di Universiti Awam (UA) seluruh negara, termasuklah di UMP.

"UMP berjaya meningkatkan peratusan calon cemerlang yang layak ditawarkan tempat pengajian di sini. 72 peratus calon yang mendaftar untuk program pengajian Sarjana Muda merupakan pelajar cemerlang yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0 di peringkat STPM, Matrikulasi dan setaraf.

"Perkembangan ini membuktikan bahawa UMP sentiasa relevan dalam pasaran pengajian tinggi negara sebagai antara pilihan utama calon-calon cemerlang untuk melanjutkan pengajian, sebagai mana yang diaspirasikan melalui Pelan Strategik UMP 2011-2015," katanya.

Menurut beliau, sesi kemasukan kali ini juga mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila UMP menerima kumpulan pertama mahasiswa yang merintis program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan (*Business Engineering*) yang ditawarkan dengan kerjasama Reutlingen Universiti di Jerman.

Dengan iklim pengajian tinggi yang semakin mencabar, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, realiti pasaran pekerjaan

dilihat semakin kompetitif, maka sewajarnya mahasiswa meneliti tahap kesiap-siagaan mental dan fizikal dalam menentukan kecemerlangan aras prestasi sebagai seorang mahasiswa yang holistik di universiti ini.

Menyedari pentingnya sistem pendidikan dalam membentuk sifat kemenjadian individu secara holistik ini, maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 atau PPPM (PT) yang dilancarkan pada 7 April 2015 telah menggariskan perimeter dan wajaran bagi aspek ini.

Melalui lonjakan pertama ini, UMP komited untuk memberikan peluang kepada anda sekalian sebagai mahasiswa untuk menikmati pendidikan holistik yang menjurus kepada enam atribut atau domain utama iaitu pertama, etika dan kerohanian; kedua, kemahiran memimpin; ketiga, identiti nasional; keempat, kemahiran bahasa; kelima, kemahiran berfikir; dan keenam, pengetahuan.

Menurut beliau, seseorang mahasiswa hanya boleh dikatakan sebagai seimbang pencapaiannya sekiranya keenam-enam atribut ini dikuasai sebaik mungkin, sekaligus menjadikannya graduan yang holistik.

"Maka, satu kerangka pemikiran dan disiplin yang khusus perlu didakap oleh mahasiswa sekalian bagi mencapai penguasaan keenam-enam atribut ini sepanjang pengajian di sini.

Selain itu, pencapaian akademik semata-mata tidak lagi menjadi ukuran tunggal kecemerlangan anda. Di bawah PPPM (PT), satu sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) dengan matriks pengukuran baharu telah dibangunkan dan kini dalam peringkat pengujian di lima buah Universiti Awam seluruh negara termasuk UMP.

Justeru katanya, melalui sistem CGPA

baharu yang menuntut mahasiswa bukan sahaja menguasai akademik, tetapi juga kemahiran insaniah yang holistik dan seimbang meliputi aspek kemahiran berfikir dan budaya ilmu; kemahiran berbahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan satu bahasa global; jati diri kebangsaan; perpaduan negara; kepemimpinan; kemahiran menyelesaikan masalah; akhlak dan, penetapan minda dan kesediaan keusahawanan.

Dalam majlis ini beliau turut mengingatkan mahasiswa mengenai pinjaman dana PTPTN dan tanggungjawab membayar semula wang pembiayaan tersebut sebaik sahaja memulakan alam kerjaya selepas bergraduat kelak kerana PTPTN ini dibiayai oleh dana awam, maka kegagalan membayar balik pinjaman akan menyulitkan generasi selepas anda untuk membiayai pengajian mereka pula.

Dato' Dr. Daing juga menyeru mahasiswa untuk menikmati pengalaman kampus yang tidak hanya terdapat dalam makmal dan dewan kuliah, tetapi juga menghargai nilai kemanusiaan melalui gerak kerja libat sama masyarakat (*community engagement*) dan kesukarelawan yang amat signifikan dalam konteks memupuk jiwa prihatin dalam diri mahasiswa.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Yusoff, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat, Profesor Dr. Zulkifli Yaacob dan Pemangku Pendaftar, Abdul Rahman Haji Safie.



UMP-ITB anjur persidangan antarabangsa iMEC dan APCOMS

Oleh: ZURYATY ZOL

Jalinan kerjasama strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Institut Teknologi Bandung (ITB) berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa iMEC-APSCOMS 2015 anjuran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP dengan kerjasama Fakulti Teknologi Industri, ITB, Indonesia bertemakan *'Materials, Manufacturing and systems for Tomorrow'*.

Program dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur pada 12 November 2015 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Rektor ITB, Profesor Dr. Kadarsah Suryadi. Turut hadir Dekan FKP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengerusi iMEC 2015, Profesor Madya Dr. A.K. Prasada Rao serta Pengerusi APCOMS 2015, Profesor Dr. Abdul Hakim Halim serta Atase Pendidikan, Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur, Profesor Dr. Ir. Ari Purbayanto.

Dalam ucapan perasmianya, Datuk Dr. Abu Bakar, menyatakan bahawa seminar antarabangsa anjuran bersama UMP-ITB ini dapat mengukuhkan jalinan dan hubungan antarabangsa di antara kedua-dua pihak sejak tiga tahun lalu.

Di samping itu juga katanya, persidangan antarabangsa ini merupakan platform kepada para peserta untuk berinteraksi dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai penyelidikan semasa dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Rosli berkata, seminar antarabangsa ini menyaksikan hampir 200 orang peserta daripada dalam dan luar negara yang telah mendaftar untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam bidang *'Manufacturing System, Manufacturing Automation, Manufacturing Processes dan Materials'*.

"Pengetahuan dan penemuan baharu tidak boleh dihasilkan tanpa sebarang aktiviti penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersialan.

"Justeru, penganjuran iMEC-APSCOM 2015 secara langsung menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pascasiswazah serta pihak industri dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan bersama-sama membentangkan hasil penyelidikan masing-masing.

"Selain itu, dengan adanya platform ini, iMEC-APSCOM 2015 telah memulakan proses untuk mendapatkan penemuan baharu dan daripada penemuan tersebut diharapkan akan terhasil produk dan perkhidmatan untuk pasaran sama ada diperingkat kebangsaan dan juga antarabangsa," katanya.

Ucuptama program disampaikan Profesor B.S. Murty dari Indian Institute of Technology Madras, India yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Nano Materials* dan Profesor Dr. Dradjad Irianto, ITB yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Manufacturing Systems*.

Lebih 100 tetamu hadir sepanjang program berlangsung dan peserta kemudiannya berpeluang melawat sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.



UMP-UNS jalin kerjasama tawar program dwijjazah Kedoktoran

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan University of Nice Sophia Antipolis (UNS) dari Perancis bagi menawarkan program dwijjazah kedoktoran (PhD) dengan memfokuskan dalam pembangunan dan penyelidikan pada 9 Oktober 2015 yang lalu di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Kuala Lumpur.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani memorandum persefahaman (MoU) manakala bagi pihak UNS diwakili Timbalan Naib Canselor (Hubungan Antarabangsa), Profesor Jean-Christophe Martin.

Hadir sama Pengarah Pusat Universiti Malaysia-Perancis (Malaysia), Profesor Datuk Seri Dr. Md Zabid Abdul Rashid yang juga merupakan Presiden dan Naib Canselor UNIRAZAK dan Pengarah Pusat Universiti

Malaysia-Perancis (Perancis), Dr. Maxime Feraille, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), UMP, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, jalinan kerjasama ini bakal memanfaatkan hubungan dua hala terutamanya dalam menggunakan akses kemudahan penyelidikan, mobiliti pelajar dan jaringan (*networking*) kedua-dua universiti.

"Kita tahu UNS terkenal dengan penyelidikan dan melibatkan institusi seperti EURECOM, InRIA, LEAT dan 13S yang memberi tumpuan terhadap bidang berkaitan komunikasi, kejuruteraan perisian dan teknologi maklumat.

"Justeru, melalui program ini, kita mengharapkan lebih banyak penyelidikan dapat dijalankan terutamanya melibatkan penyelidikan di fakulti ini berdasarkan konsep menang-menang dan perkongsian maklumat," katanya.

Pada masa ini, UMP telahpun menerima dua calon pelajar yang akan mengikuti program ini di FKEE dan beliau percaya banyak lagi bentuk kerjasama bakal diadakan termasuklah Fakulti Pengurusan Industri mahupun lain-lain fakulti.

Program pertukaran staf dan mobiliti pelajar yang bakal dijalankan ini juga akan mewujudkan persekitaran antarabangsa dengan kejayaan beberapa program mobiliti lain yang dilaksanakan termasuklah dari Indonesia, Sudan dan Kazakhstan.





UMP teroka kerjasama dengan Universiti KAZATU Kazakhtan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kazakh Agro Technical University (KAZATU), Kazakhstan bertempat di Hotel Sama-sama, KLIA, Sepang pada 27 Disember 2015 yang lalu.

Majlis menandatangani perjanjian ini disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Rektor Kazarkh Agro Technical University (KAZATU), Professor Dr. Kurishbayev Akhylbek Kazhigulovich.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, universiti amat berbesar hati apabila pihak KAZATU telah menunjukkan minat yang ketara dalam membentuk hubungan kerjasama yang lebih erat dengan UMP.

"Pemeteraian ini merupakan langkah

strategik yang membolehkan kedua-dua universiti ini terus berdaya saing dalam pendidikan tinggi global.

"Antara bidang kerjasama yang telah dikenal pasti seperti penawaran program-program aktiviti pengajaran, penyelidikan, pertukaran staf dan mobiliti pelajar. KAZATU akan memperoleh kelebihan berdasarkan kepakaran dalam Kejuruteraan, Teknologi dan Sains dalam pendidikan yang akan memberi manfaat bersama untuk kedua-dua pihak.

"UMP berbangga kerana dapat mengadakan kerjasama dengan KAZATU yang merupakan salah sebuah universiti yang mempunyai pengalaman 58 tahun dalam bidang agro pertanian di Kazakhstan," katanya.

Tambah beliau lagi, selain itu, ia turut mempunyai ramai tenaga pengajar

bertaraf doktor Falsafah (PhD) serta memiliki kemudahan makmal dan infrastruktur yang lengkap.

Beliau berharap kedua-dua universiti ini dapat meneroka peluang penyelidikan bersama dalam bidang kejuruteraan, teknologi, sains dan kemanusiaan terutamanya dalam hal perkara alam semula jadi.

Ujarnya lagi, UMP berbesar hati untuk menerima mobiliti pelajar dari KAZATU untuk merasai pengalaman kampus di Malaysia pada masa akan datang.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut iaitu Pengarah Pusat Akademik, Persatuan Dialog Malaysia-Turki, Profesor Madya Dr. Anvarjon Ahmedov, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Saiful Bahri Ahmad Bakarim.





UMP meterai hubungan kerjasama dengan Guizhou University

Jalinan kerjasama erat Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Guizhou University (GU) China bakal memanfaatkan bidang akademik dan penyelidikan membabitkan kedua-dua universiti.

Pada 15 Disember 2015 yang lalu berlangsungnya Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di UMP Pekan antara Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Presiden GU, Profesor Madya Chi Yong yang hadir bersama delegasi iaitu Pengarah Pejabat Pertukaran dan Kerjasama Antarabangsa, Xia Weilan, Dekan Kolej Sains, Wang Pu, Dekan Kolej Pengurusan dan Ekonomi, Li Pingli dan Timbalan Dekan Kolej Bahasa Luar Negara, Hu Ronghua.

Manakala UMP pula dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik

& Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, pihak universiti amat mengalu-alukan kehadiran rakan strategik UMP dari China yang buat pertama kalinya berpeluang berkunjung dan menyaksikan sendiri kampus UMP di Pekan.

"UMP juga sememangnya telah mempunyai jalinan kerjasama erat dengan beberapa universiti dari China. Justeru, dengan kerjasama ini bakal merencanakan lagi program kerjasama dengan pihak GU," katanya yang hadir mengalu-alukan kedatangan delegasi.

Sementara itu, bagi Profesor Madya Chi Yong, pihaknya bertuah kerana berpeluang berkunjung dan melawat kampus UMP yang indah serta teruja dengan kemudahan dan juga kecanggihan makmal yang terdapat dalam universiti ini.

Dalam masa yang sama UMP turut meraikan kunjungan wakil wakil Kedutaan Yemen ke UMP. Mereka adalah Kaunselor Kebudayaan, Rushdi Saeed Alkoshab dan Penolong Personel, Hussien Ali dalam yang hadir bagi membincangkan berkaitan pertukaran pelajar dan pembiayaan pengajian pelajar Yemen yang menyambung pengajian di universiti ini.



UMP bakal jalin kerjasama dengan Purdue University

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani surat niat (Loi) dengan Purdue Polytechnic, Purdue University pada 16 November 2015 yang lalu sebagai usaha dalam menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan inovasi, program pertukaran pelajar dan staf serta dalam bidang akademik termasuk menawarkan khidmat nasihat dalam aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Prof. Dr. Zularisam Ab. Wahid berkata, Loi yang ditandatangani ini merupakan platform ternaik fakulti ini dalam mempromosikan kerjasama global dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

“Delegasi UMP telahpun mengadakan lawatan penanda aras ke Purdue Polytechnic di Purdue University, Indiana, USA terutamanya bagi program Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) dan Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal),” katanya.

Ujarnya, tujuan utama lawatan penanda aras ini adalah untuk mendapatkan informasi berkaitan bagaimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan bagi kedua-dua program tersebut di Purdue Polytechnic. Di samping itu, lawatan ke fasiliti-fasiliti berkaitan dan perbincangan secara terperinci turut dijalankan bersama pensyarah dan staf dari kedua-dua program.

Hadir dalam program, Dekan Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Dr. Ridzuan Darun, Ketua Program Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur), Dr. Nurhidayah Azmy, Ketua Program Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal), Dr. Raihana Zahirah Edros dan, Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar, Haryani Abdullah.

Selain itu, delegasi turut berpeluang mengadakan perbincangan dengan pihak Iowa State University (ISU) dalam kunjungan pada kali ini.



Penyelidik muda menang enam pingat di IWIS 2015 Poland

Penyelidik muda Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih tiga pingat emas dan tiga pingat perak serta dua anugerah khas pada Pameran dan Pertandingan Rekreasi, 9th International Warsaw Invention Show (IWIS 2015) di University Warsaw, Poland pada 28 Oktober 2015 yang lalu.

Penyelidik muda yang berjaya meraih emas terdiri dari Nurul Adilah Rosnan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan hasil penelidikannya yang bertajuk *Impregnated Mussel Shell (Ims) For Castor Methyl Ester (Cme) Synthesis As Future Energy*. Lebih menarik menerusi hasil penelidikan ini juga, Nurul berjaya menerima



Anugerah Khas *Foreign Youth Inventor*.

Menurut Nurul Adilah, hasil kajian ini telah menemui bahan mentah dari kutipan kulit kupang yang terbuang untuk penghasilan pemangkin (*catalyst*) yang mesra alam dalam penghasilan biodiesel yang memenuhi syarat piawai.

Turut merangkul pingat emas, Raguvaran A/L Thillai Nathan yang merupakan, penyelidik muda dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI). Beliau berjaya menghasilkan penelidikan *Biotechnology Uses Of Snake Venom: Novel Protease Source for Converting Milk to Curd in Cheese Making Industry* dan menang Anugerah Khas: Diploma Euroinvent Medal dari Roman Inventors Forum.

Begitu juga dengan Nurul Amira Ahmad Yusof dari FKKSA juga mendapat pingat emas menerusi hasil penelidikan *Blue Pea (Bunga Telang) for Natural Blue Colorant in Food Industry*.

Bagi pingat perak pula dimenangi oleh Afiq Hafizi Azizi dari FKKSA menerusi penelidikan *Photocatalytic Reactor System (Photrecs) for Seawater Desalination*.



Selain beliau yang menerima pingat perak adalah Bastian Wibar Momang dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menerusi produk penelidikan *Portable Checking Fixtures of Automotive Body Part* serta Mohd Irshad Shafiq Md Zamri dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dengan produknya *I-Solat (Interactive Solat Courseware with Augmented Reality Technology)*.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga beliau dengan kejayaan ini yang membuktikan keupayaan penelidikan UMP diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Ujarnya, kejayaan ini akan memberi semangat kepada penyelidik muda lain untuk terus menerokai dunia penelidikan serta menarik minat terhadap semangat berdaya saing pada masa akan datang.

Pameran IWIS 2015 berjaya mempamerkan produk penelidikan dari pelbagai negara. Selain Malaysia beberapa negara yang turut serta termasuk Egypt, Iran, Kanada, Korea, dan United Kingdom.



Pensyarah FKKSA menang Anugerah TESLA IBC Cambridge bagi penerbitan biografi

Pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour menerima Anugerah TESLA dari International Biographical Centre (IBC) di Cambridge, United Kingdom pada 19 Ogos 2015 yang lalu.

Profesor Dr. Abdurahman dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dipilih menerima anugerah antarabangsa ini bagi kategori Komunikasi dalam bidang Pengeluaran Minyak dan Gas hasil penulisan penyelidikan beliau bertajuk *'Water and Alternative Energy and Pollutant Control'*.

Menurutnya, pihak IBC yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 merupakan peneraju terhadap penerbitan buku rujukan biografi. Pusat ini mempunyai koleksi biografi hampir dua juta individu dari seluruh dunia yang telah memberikan sumbangan besar terhadap bidang kepakaran mereka termasuk dalam bidang pendidikan, sains, kejuruteraan, perniagaan, kesihatan, dan lain-lain.

Beliau yang sebelum ini pernah menerima anugerah Doktor Kehormat Persuratan dari IBC berkata, penganugerahan ini hanya diberikan selepas penilaian menyeluruh dibuat terhadap kelayakan calon oleh ahli-ahli Lembaga Penyelidikan dan Penasihat IBC ke atas mana-mana individu yang terpilih dari seluruh dunia bagi mengiktiraf sumbangan kepakaran mereka.

"Biografi di IBC ini mampu menyumbang kepada pembelajaran dan juga sebagai sumber rujukan kepada pihak lain luar negara," katanya. Ini termasuklah hasil penyelidikan dalam pelbagai penerbitan yang disiarkan seperti *Who's Who*, termasuk juga penerbitan 2000 Intelektual Cemerlang Abad ke-21 dan Kamus Biografi Antarabangsa yang kini dalam cetakan bagi edisi ke-36.



UMP terima anugerah CREAM bagi penerbitan Jurnal IJAME

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN



Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbangga apabila International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) terpilih antara 13 jurnal terbaik di negara ini yang menerima Skim Galakan Penerbitan (CREAM) bagi kategori Sains, Teknologi dan Perubatan.

Ketua Editor IJAME, Dr Muhamad Mohd Noor, berkata, pengiktirafan ini adalah kali pertama diterima sejak IJAME diterbitkan pada 2009 dan diindeks SCOPUS pada 2012.

“Ini adalah hasil daripada usaha pasukan IJAME dengan sokongan Penerbit UMP sejak tujuh tahun lalu dan pengiktirafan ini dapat menyuntik semangat kami untuk terus menerbitkan hasil penyelidikan ahli akademik di peringkat antarabangsa.

“Menerusi geran ini juga, kami bercadang untuk menambah baik kualiti jurnal dengan mengadakan bengkel penilaian serta menganjurkan mesyuarat sidang editor setiap tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima watakah Pengiktirafan Program Pemberian Taraf CREAM kepada jurnal tempatan di Langkawi, Kedah pada 7 September 2015 yang lalu.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Seri Ir. Dr Zaini Ujang.

Sementara itu, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengiktirafan itu diberi selepas jurnal terbabit menepati kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Sitasi Malaysia dan antaranya penerbitan telah diindeks dalam MyCite dan pangkalan data SCOPUS dan ISI.

Katanya, daripada jumlah terbabit tiga darinya telah diindeks di dalam World of Science (WoS) (ISI) dan 10 adalah diindeks di dalam SCOPUS.



Al-Majallah menang Anugerah Buku Negara 2015

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Kandungan yang padat, informatif serta penulisan yang berstruktur melayakkan buku Al-Majallah: Panduan Syariah; Institusi Kewangan Islam memenangi Anugerah Buku Negara 2015 bagi Buku Umum Terbaik kategori Undang-Undang.

Buku terakhir yang ditulis oleh mantan Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Allahyarham Profesor Dr. Abd Jalil Borham adalah mengenai peraturan dan undang-undang institusi kewangan Islam yang mematuhi syariah.


Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, buku tersebut diambil dari Panduan Syarak oleh Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMP) dan Majalah Ahkam Johor: Kod Undang-Undang Sivil Islam Kerajaan Johor 1331H/1913M yang telah diselenggarakan oleh Allahyarham.

“Buku ini adalah usaha Allahyarham bagi memudahkan pembaca memahami dengan lebih terperinci isi kandungan yang terdapat dalam buku Majallah al-Ahkam-al `Adliyyah yang ditulis ketika zaman

pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyah.

“Dalam buku ini, Allahyarham merumikan seluruh isi kandungan Al-Majallah daripada tulisan jawi dan mewujudkan tajuk-tajuk kecil pada setiap bilangan bagi memudahkan pembaca memahami kandungan buku tersebut,” katanya.

Menurut beliau lagi, penerbitan buku ini sesuai untuk dijadikan sebagai teks kajian dan rujukan penyelidik, pelajar, institusi perbankan Islam, suruhanjaya sekuriti, dan takaful. Kejayaan ini merupakan bukti keupayaan pensyarah tempatan dalam menghasilkan buku yang berkualiti dan bermanfaat kepada masyarakat umum.





Pelajar UMP harumkan nama universiti di KIDE 2015

Oleh: ABDUL RAHMAN AHMAD

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengharumkan nama universiti di persada dunia apabila membawa pulang tiga pingat emas, tiga perak dan satu anugerah khas dalam Pertandingan Rekacipta *Kaohsiung International Invention & Design Expo* (KIDE 2015) pada 4 Disember 2015 yang lalu di Kaohsiung, Taiwan.

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Chan Han Jie meraih pingat emas dan Anugerah WIPPA Grand dengan projek penyelidikan bertajuk *'Synthesis And Characterization of EFB Clinker Supported Ni and Co Catalysis for Methane Dry Reforming'*.

Kajian beliau ini menyaksikan tindak balas metana dan karbon dioksida menggunakan pemangkin yang berasaskan Ni dan Co dengan disokong oleh klinker tandem buah kelapa sawit.

Pingat emas juga turut dimenangi Farah Ayuni Fauzi dari Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal (FKM) melalui projek *'Joint Angle Measurement Device'* yang merupakan alat pengukur sudut sendi ini boleh memaparkan data gerakan sendi pesakit pada alat peranti mudah alih android melalui *Bluetooth Module*. Alat ini boleh memapar data masa sebenar gerakan sendi pesakit semasa berjalan dan berdiri.

solar Tracking System for Optimum Solar Cell Implementation Using DC Boost Converter Controlled by Fuzzy Logic Controller'.

Begitu juga Mohamed Ashraf Mohamed Noor dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang menggunakan konsep Internet of Things, sistem yang mampu berinteraksi melalui rangkaian internet



Turut menang emas projek penyelidikan pelajar FKKSA, Mahadi Bahari *'Syngas Production From Co₂ Reforming of Methane Over Supported Ni Catalyst'* terhadap penggunaan gas metana (CH₄) dan gas karbon dioksida (Co₂) dalam menghasilkan nisbah produk gas hidrogen (H₂) dan karbon monoksida, (Co) digunakan sebagai bahan mentah dalam proses fishcer-tropsch.

Manakala tiga pelajar lain yang meraih pingat perak adalah Sathis A/L Vatumalai dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan tajuk *'2 Degree of freedom of*

dicipta. Sistem ini boleh meneliti parameter taman seperti suhu, kelembapan udara, kelembapan tanah dan kadar pencahayaan.

Sementara itu, Suguna A/P Jeganathan dari FKKSA berjaya menghasilkan keratin yang diekstrak daripada bulu ayam dihasilkan dalam bentuk krim bagi meluruskan rambut.

Pameran KIDE 2015 pada tahun ini disertai 20 negara seperti China, Kanada, Korea dan Romania dengan mempertandingkan lebih 300 projek penyelidikan.



Penyelidik UMP cemerlang di PECEIPTA 2015

Berita dan foto oleh: ERNIE NURAZLIN LIZAM

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih kejayaan cemerlang dengan meraih lima pingat emas, tiga pingat perak, tiga pingat gangsa dalam Persidangan dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa (PECEIPTA 2015) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat emas diraih Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan tajuk penyelidikan 'Bio Transform'.

Pingat emas kedua diraih Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan tajuk penyelidikan 'Novel Fuel Additive Chemical from Oil Palm Sap'. Turut meraih pihat emas iaitu Profesor Dr. Jose Rajan dengan tajuk penyelidikan 'World First Nanorod based Solar Module: Materials Fancy Goes Reality'.

Begitu juga dengan Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli menerusi penyelidikan 'T-Bat:



A Novel Strategy for Minimization Of T-Way Interaction Test Suite Based On The Particle Swarm Optimization And The Bat Algorithm' dan Dr. Zamzuri Hamedon pula dengan tajuk penyelidikan 'Multi-Axial Clamp Assemble for Compound Fracture Of Bone'.

Manakala bagi pingat perak pula dimenangi oleh Profesor Dr. Abdurhaman Hamid Nour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan tajuk penyelidikan 'A Novel Technique of Ultrasonic Membrane Anaerobic System (UMAS) in Treating Wastewater', Dr. Lakhveer Singh juga menang pingat perak dengan tajuk penyelidikan 'Nanoparticles of metal drivers for conversion of wastewater to electricity in microbial fuel cell' serta Dr. Nina Suhaity Azmi dengan tajuk penyelidikan 'Glycojoint: 'Halal' Relieves of Pain for Exercise Injuries and Age Related Cartilage Degenerations'.

Selain itu bagi pingat gangsa pula disumbangkan menerusi dua produk dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) iaitu Profesor Madya Dr. Jolius Gimbin dengan tajuk penyelidikan 'Functional Food From Orthosiphon Stamineus' dan Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dengan tajuk penyelidikan 'Insoluble Additives for Enhancing the Blood Flow in Clogged Streams'. Manakala Dr. Essam Abdellatif Makky pula menerusi tajuk 'Bioeconomy Of Food Waste For Cancer Control'.



Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Nasir Ibrahim turut melahirkan rasa bangga beliau dengan kejayaan ini yang membuktikan keupayaan penyelidikan UMP yang diiktiraf dan dapat dikomersilkan sebagai contoh produk Dr. Mohd Hasbi telah dikenal pasti dimana produk telah memasuki fasa prapengkomersialan.

Persidangan dan Pameran Reka Cipta Antarabangsa (PECEIPTA 2015) yang berlangsung selama tiga hari itu bermula 5 hingga 7 Disember 2015 dan telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh dengan mempamerkan sebanyak 495 penyertaan produk penyelidikan.





Pensyarah UMP menang Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI

Dua pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengharumkan nama UMP dalam Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI 2015 bagi kategori Institusi Pendidikan Tinggi sempena Majlis Konyensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Hari Inovasi Negeri Pahang yang berlangsung di Dewan Utama, Pahang Skills Development Center (PSDC) Kuantan pada 10 September 2015 yang lalu.

Pensyarah Fakulti Sistem Komputer & kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Mazlina Abdul Majid berjaya memenangi tempat kedua dengan inovasi penyelidikan beliau bertajuk iaitu *Malaysian Text Translator* (MYKod) iaitu Kod Tangan bahasa Melayu.

Menurut Dr. Mazlina, ia merupakan satu aplikasi multimedia dalam meningkatkan kemajuan pembelajaran khususnya kepada pelajar yang mengalami cacat pendengaran untuk subjek bahasa Isyarat yang

dilaksanakan di sekolah pendidikan khas.

Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Ali (FKKSA), Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman pula menang tempat ketiga hasil penyelidikan inovasi beliau bertajuk 'Pengekstrak Mudah Alih'.

Penyelidikan ini dapat membantu golongan petani dan usahawan herba luar bandar dalam meningkatkan produktiviti ekstrak herba dengan pengekstrakan maksimum, mudah alih, singkat berbantuan *ultrasonic*, selamat, mesra alam dan mesra pengguna.

Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Dalam masa yang sama, produk inovasi UMP iaitu *e-Dashboard* yang merupakan Sistem Pengurusan Data Strategik bagi KPI turut meraih hadiah saguhati bagi Anugerah Inovasi kategori IPT. Hadir sama menerima hadiah adalah Timbalan Pengarah ICT, Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK), Wan Azlee Wan Abdullah.

Hadiah telah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Dr. Noorul Ainul Mohd Nur.



FKKSA, Petronas LDPE kongsi kepakaran tangani letupan silo dan elektrostatik

Berita dan foto oleh:
PROFESOR MADYA IR. DR. AHMAD ZIAD
SULAIMAN

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education (UAE) menganjurkan bengkel selama dua hari bagi berkongsi kepakaran berkenaan letupan silo dan elektrostatik bersama pihak Petronas Chemical (LDPE) Sdn. Bhd. di World Resort Hotel Kijal, Terengganu pada 9 September 2015 yang lalu.

Bengkel dihadiri seramai 19 orang pengurusan tertinggi termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dari Petronas Chemical (LDPE) Sdn. Bhd., Haji Hamdan Badli.

Menurut Pensyarah UMP merangkap penganjur program, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, bengkel

ini dapat berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Proses.

“Menerusi bengkel ini juga peserta dapat maklumat yang lebih jelas berkenaan pengenalan, punca-punca letupan dan cara mengatasinya yang sering berlaku di industri petrokimia. Selain itu juga, peserta turut mendapat gambaran yang jelas tentang punca kejadian dari segi teorinya seterusnya dapat memberikan maklumat yang jelas kepada pihak berwajib,” katanya.

Pada asalnya pihak Petronas Chemical (LDPE) Sdn. Bhd. yang mencadangkan agar pelaksanaan bengkel ini bagi mendapatkan maklumat secara teori dan teknikal daripada pakar di UMP susulan susulan kejadian yang berlaku pada 24 Jun lalu apabila salah satu unit silo di plant PCLDPE telah terbakar serta meletup seterusnya mengakibatkan keseluruhan proses dihentikan.

Justeru katanya, menerusi bengkel ini diharapkan pakar-pakar dapat mengulas mengenai kejadian tersebut. Selain beliau, penganjur bengkel juga melibatkan penceramah dari FKKSA iaitu Profesor Dato’ Ir. Dr. Badhrulhisham Abd Aziz, Profesor Dr. Zulkepli Yaacob, dan Dr. Siti Zubaidah Sulaiman.

Lain-lain adalah Dr. Amir Izzani Mohamad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP dan Dr. Siti Ilyani Rani dari Kolej Universiti Terengganu Advanced Technical Institute (TATI), Terengganu.

Tambahnya lagi, pengenalan kepada modeling letupan yang disebabkan oleh partikel sangat membantu industri seperti PCLDPE merancang dan mereka bentuk sistem

di industri tanpa mengganggu keseluruhan operasi di plant.

“Selain itu, hasil kajian ijazah kedoktoran (PhD) oleh Dr. Siti Ilyani Rani itu juga turut membantu PCLDPE dan diaplikasikan bagi mereka bentuk unit-unit operasi dan meminimumkan kejadian letupan hasil daripada partikel (habuk) di industri.

“Begitu juga dengan modul-modul yang disampaikan adalah berdasarkan kepada permintaan industri dan bagi membolehkan peserta memahami antaranya berkenaan analisis dan kajian kes, klasifikasi gangguan (*hazard*), statistik, pengujian, dan memahami peraturan dan penggunaan peralatan.

“Dengan bantuan kepakaran yang ada di universiti terdapat lebih banyak lagi industri petrokimia yang berhampiran dapat bekerjasama dengan universiti di dalam membantu industri menyelesaikan masalah-masalah terutamanya yang melibatkan proses dan keselamatan,” katanya.

Selain itu juga, ia merupakan KPI fakulti dalam memberikan khidmat masyarakat kepada industri melalui kepakaran yang ada di universiti dan memberikan pendedahan kepada staf akademik untuk berinteraksi bersama warga industri.

Bagi Haji Hamdan Badli beliau amat berterima kasih dengan pihak UMP yang sudi berkongsi ilmu dan kepakaran dalam bidang ini untuk dimanfaatkan oleh peserta di tempat kerja nanti.

Beliau mngharapkan kesinambungan daripada bengkel ini pakar-pakar UMP dapat membantu dalam menjalankan verifikasi terhadap plant di PCLDPE dan bersama-sama dalam mereka bentuk plant dan sebagainya.



Perisian Bahasa Isyarat e-MySL & MyKOD diiktiraf

Dua Perisian Bahasa Isyarat Malaysia (eMySL) dan *Malaysian Text Translator for Kod Tangan* bahasa Melayu (MyKOD) yang dibangunkan di bawah projek penyelidikan pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Mazlina Abdul Majid telah diiktiraf oleh Sekolah Pendidikan Khas Indera Mahkota II untuk dijadikan alat bantu mengajar pelajar-pelajar cacat pendengaran di sekolah tersebut.

Upacara penyerahan eMySL dan MyKOD dihadiri oleh Guru Besar Sekolah Pendidikan Khas, Indera Mahkota II, Kamariah M Yusof dan Penolong Pengarah & Ketua Unit Pendidikan Khas Pahang, Ropizalazri Ismail pada 22 Oktober 2015 yang lalu.

Menurut Dr. Mazlina, eMySL dan MyKOD adalah perisian pembelajaran bahasa isyarat berkonsep multimedia yang boleh

dicapai melalui laman sesawang, CD dan *Thumb-drive*.

“Idea ini tercetus kerana pembelajaran secara interaktif masih belum diberi penekanan di kalangan pelajar yang kurang upaya di Malaysia,” katanya.

Katanya, perisian ini adalah alternatif ke arah pembelajaran bahasa Isyarat yang berimpak tinggi kerana ianya berpotensi meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar yang cacat pendengaran dari segi fokus, latihan dan pembelajaran sendiri.

Tambah beliau, perisian ini bukan sahaja sebagai alat bantu mengajar kepada para guru dan pelajar tetapi juga kepada ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak yang cacat pendengaran.

Menurut Ropizalazri, beliau sangat berpuas hati dengan eMySL dan MyKOD kerana ia telah diterima baik oleh pelajar dan guru.

“Keistimewaan kedua-dua perisian ini adalah ia telah dibangunkan mengikut silibus bahasa Isyarat yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM),” katanya.

Beliau berharap usaha UMP dalam memindahkan kepakaran ilmu para pensyarahnya kepada Sekolah Pendidikan

Khas diteruskan bukan hanya di Pahang tetapi di seluruh Malaysia.

Beliau percaya, dengan melihat kepada kejayaan eMySL dan MyKOD dalam beberapa pertandingan di peringkat UMP dan Kebangsaan melayakkan perisian ini diterima pakai di Malaysia dan juga antarabangsa.

Acara berakhir dengan penyerahan tanda penghargaan dari pihak UMP kepada sekolah dan para guru serta pelajar yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan tersebut.





Mahasiswa cipta produk dari bahan kitar semula

Sebanyak 18 produk berjaya dihasilkan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan menggunakan bahan-bahan yang dikitar semula. Pertandingan *Go Green: Build an Ideal L.I.F.E Exhibition* ini diadakan sempena Expokonvo UMP yang berlangsung di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang pada 14 Oktober 2015 yang lalu.

Mahasiswa tahun 3, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Chan Mun Kit berjaya meraih tempat pertama dengan ciptaan produk *Recycle Pipe*. Produk yang dihasilkan dari paip PVC yang dikutip dari tapak pembinaan menjadi ilham baginya

untuk dijadikan sebagai pelapik untuk membaca buku atau ketika menggunakan komputer riba.

Menurutnya, ciptaan ini dapat memperbetulkan tekanan badan ketika aktiviti membaca atau menggunakan komputer riba.

Manakala mahasiswa dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Wong Li Ung mendapat tempat kedua hasil ciptaan *DIY MultiFunction Bag* yang dihasilkan dari majalah yang sudah tidak dibaca.

Katanya, beg yang dihasilkan selama tiga minggu dengan menggunakan 500 helai majalah ini bersamaan enam majalah. Li Ung mempelajari teknik lipatan dari *Youtube* berharap dapat menambahkan beg ini bagi tujuan kalis air memandangkan iadiperbuatkan dari kertas.

Tidak ketinggalan tempat ketiga, Mohd Hafizuddin Khairuddin dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan penghasilan *Magic Apple* iaitu meja belajar yang dalam bentuk buah epal.

Produk ini amat menarik minat juri kerana ia disertakan dengan tempat penyimpanan dan dekorasi berwarna-warni. Selain itu, sebanyak 64 buah botol plastik digunakan sebagai sokongan meja belajar tersebut.

Mohd. Hafizuddin bercita-cita untuk memperbaiki lagi produk beliau dengan bahan yang lebih tahan lama. Pemenang membawa pulang hadiah komputer riba berjenama Acer, *headphone* dan baucar makan sumbangan Lila Wadi.

Pengarah Expoconv015, Poh Yi Fei berkata, pertandingan ini dianjurkan sebagai menyokong usaha universiti dalam aktiviti penghijauan kampus dan memupuk dan memperlihatkan kreativiti mahasiswa universiti dalam menghasilkan pelbagai produk hasil dari bahan kitar semula yang boleh digunakan.

Pada masa yang sama berlangsung pertandingan *Master of Chess* antara salah satu aktiviti sempena Expoconv015. Seramai 50 peserta telah terlibat terdiri daripada orang awam, pelajar UMP dari kampus Gambang dan Pekan yang telah diadakan di Blok W, UMP kampus Gambang.

Bagi peserta luar, Muhd Khairilhelmi Rosseli, 22 penganjuran sebegini adalah menarik untuk membolehkan masyarakat luar untuk turut serta. Beliau yang sedang mengikuti pengajian *Aviation Training Center*, Subang berbangga dapat turut serta.



UMP dan Yayasan Sabah jalin hubungan kerjasama akademik

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Yayasan Sabah (YS) memeterai jalinan kerjasama strategik dalam bidang pembangunan akademik terutamanya melibatkan tiga aspek utama iaitu menubuhkan Pusat Asasi (*Foundation Centre*), penawaran biasiswa dan felo yayasan ini.

Dengan hasrat menubuhkan Pusat Asasi di Kolej Yayasan Sabah, UMP pastinya dapat mempertimbangkan calon-calon yang disyorkan oleh Yayasan Sabah untuk didaftarkan ke program pengajian prasiswazah khususnya tiga program kejuruteraan kerjasama dari Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman yang menawarkan program Dwijjazah.

la melibatkan program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri (FPI) serta Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif

yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Pada masa yang sama juga, kemasukan ke program-program pengajian prasiswazah lain yang turut ditawarkan di semua lapan fakulti yang ada di UMP akan turut dipertimbangkan kepada calon-calon yang disyorkan tersebut.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, UMP juga amat menghargai komitmen pihak Yayasan Sabah untuk mempertimbangkan tajaan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang memenuhi kriteria kelayakan dan ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian di peringkat prasiswazah di universiti ini.

"Selain itu, pertimbangan biasiswa dapat turut diberikan kepada calon-calon cemerlang yang ditawarkan tempat dalam program ijazah di lain-lain fakulti.

"Dalam konteks modal insan pula persefahaman yang dimeterai ini juga membolehkan UMP menilai calon-calon yang bersesuaian dan berkelayakan dari kalangan pelajar *fellowship* Yayasan Sabah untuk dipertimbangkan bagi maksud tawaran pekerjaan, terutamanya sebagai staf akademik di universiti ini, katanya berucap dalam Majlis menandatangani MoU antara UMP dan Yayasan Sabah di Hotel Ancasa Royale Pekan pada 28 November 2015 yang lalu.

Jelasnya, meniti tahun ke-13 penubuhan UMP sebagai sebuah Universiti Awam (UA), UMP kini tercabar untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih kompetitif dengan tidak hanya bergantung kepada sumber-sumber yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan semata-mata.

"Dengan penganugerahan taraf autonomi kepada UMP yang akan disempurnakan esok, maka UMP berupaya mengembangkan lagi keupayaannya dalam bidang-bidang yang berpotensi dan pembentukan perkongsian pintar dengan rakan industri yang berwibawa adalah amat penting dalam konteks tersebut.

"Justeru, tumpuan khusus akan terus diberikan oleh pihak pengurusan universiti ini untuk memastikan UMP menerima manfaat daripada siri kolaborasi yang diwujudkan dengan pelbagai rakan industrinya dan pada masa yang sama memberikan pulangan nilai secara komplementari kepada rakan industri," katanya.

Beliau mengharapkan persefahaman yang dijalinan pada hari ini merupakan satu permulaan strategik yang bakal membuka lebih banyak ruang kerjasama dalam bidang-bidang lain pula selepas ini bagi manfaat kedua-dua pihak.

Majlis menyaksikan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dan Dekan FPI, Dr. Mohd. Ridzuan Darun menandatangani MoU mewakili UMP manakala Yayasan Sabah diwakili Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad dan Pengurus Kumpulan, Bahagian Pembangunan Pendidikan YS, Bahiwata S. Haji Mulia

Hadir sama dalam majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Yayasan Sabah, Datuk Kamal D.E. Quadra, Ketua Eksekutif Kolej Yayasan Sabah, Datin Tarsiah T.Z. Zaman. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunos dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.



UMP meterai kerjasama dengan JKR Malaysia bagi pembangunan BIM dalam industri binaan

Pemeteraian persefahaman Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dalam pembangunan *Building Information Modelling* (BIM) merupakan satu langkah yang konstruktif dalam industri pembinaan di Malaysia.

Kolaborasi ini dapat memanfaatkan kedua-dua pihak yang menggunakan BIM sebagai medium perantara komunikasi antara peneraju industri binaan yang menggunakan model digital 3D berinformasi bagi mereka bentuk, membina dan menguruskan fasiliti bagi sesebuah projek pembinaan.

Ia merupakan satu proses yang memerlukan set kompetensi dan teknologi yang bersesuaian bagi mendapatkan kebaikan yang maksima yang mampu mempercepatkan masa pembinaan, mengoptimumkan penggunaan kos dan kualiti.

Kebajikan ini boleh dicapai melalui BIM dengan penggunaan aplikasi seperti animasi dan visualisasi 3D, analisis pertembungan reka bentuk, simulasi pembinaan, automasi penyediaan lukisan koordinasi dan lukisan siap bina dan sistem pengkalan data bersepadu.

Majlis menyaksikan acara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pascasiswazah), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) mewakili UMP dan Ketua Pengarah Kerja Raya,

Datuk Ir. Haji Adanan Mohamed Hussain dan Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu IPJKR Malaysia, Ir. Haji Mohd Daud Harun yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Building Information Building Nasional.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob dan Dekan FKASA, Dr. Fadzil Mat Yahaya.

Datuk Ir. Haji Adanan berkata, penggunaan IBM yang menyediakan pangkalan data bersepadu berorientasikan model pintar 3D ini sedang berkembang di seluruh dunia bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian di sepanjang kitar hayat pelaksanaan projek.

"Pihak JKR telah mengenal pasti kaedah *Industrialised Building System* (IBS) dan BIM sebagai salah satu strategi transformasi bagi menambah baik proses kerja dan sistem sedia ada dalam memacu produktiviti sektor pembinaan," katanya dalam majlis yang berlangsung di Cyberview Resort & Spa pada 26 November 2015 yang lalu.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, melalui memorandum persefahaman ini, maka jalinan kerjasama yang terjalin antara UMP dan JKR Malaysia sejak lebih empat tahun yang lalu dapat diformalisasikan dalam kerangka strategik yang lebih terstruktur dengan tiga skop utama

kerjasama iaitu akademik, penyelidikan dan perundingan, kini UMP, melalui FKASA dapat merangka inisiatif-inisiatif berkaitan yang mampu memberi nilai tambah kepada ikatan persefahaman ini.

"Melalui persefahaman ini juga, maka aktiviti dan inisiatif yang berkaitan dengan agenda nasional BIM berupaya dipergiat dan dirancarkan lagi.

"Kerangka strategik yang terstruktur hasil pemeteraian persefahaman ini akan membolehkan kita merencana unjuran peningkatan pengguna BIM di seluruh Malaysia, menganjurkan program kesedaran BIM, membangunkan modul latihan BIM dan memperkasa *BIM Support Community Knowledge Hub* dengan pihak JKR Malaysia.

"Pihak UMP juga akan turut merencanakan aktiviti berorientasikan BIM dengan fokus khusus kepada pengajian pascasiswazah, penyelidikan yang berteraskan industri, kajian kes dan perundingan," katanya.

Tambahnya lagi, begitu juga dengan pihak JKR yang akan bekerjasama dalam menyediakan kemudahan latihan praktikal untuk pelajar universiti terutamanya dalam bidang kejuruteraan awam dan mekanikal serta menyediakan projek-projek kajian yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan.

Penyelidik FTeK dan FKASA pantau kualiti udara akibat jerebu

Berita dan foto oleh: EZRIN HANI SUKADARIN

Sekumpulan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan kajian memantau tahap pencemaran udara di sekitar UMP kampus Gambang bermula pada 3 Oktober 2015 yang lalu.

Pemantauan dijalankan dalam kalangan pensyarah program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) dengan bantuan staf teknikal dari fakulti ini.

Penyelidikan itu diketuai Junaidah Zakaria dan diselaras oleh Ketua Program OSH, Ezrin Hani Sukadarin bersama pensyarah lain iaitu Mimi Nabila Mohd Noordin, Dr. Norazura Ismail, Profesor Dr. Abdullah Ibrahim, Ikram Safiee, Mohamad Hafizi Che Mat, Joharizal Johar dan Mohd. Shahril Abu Hanafiah. Manakala pensyarah dari FKASA melibatkan Dr. Edriyana Abd. Aziz, Abdul Syukor Abd. Razak, Suryati Sulaiman dan Dr. Ngien Su Kong.

Dekan FTeK, Profesor Dr. Zularisam Ab. Wahid berkata, pada masa ini UMP menggunakan kepakaran yang sedia ada untuk bersama-sama membantu negara dalam isu jerebu akibat daripada pencemaran udara yang berlaku pada ketika ini.

“Pemantauan ini mengambil kira lima jenis pencemar udara utama yang boleh memberi kesan kepada masalah kesihatan iaitu zarahhan terampai bersaiz kurang daripada 10 mikron (PM₁₀), ozon (O₃), karbon monoksida (CO), nitrogen dioksida (NO₂) dan sulphur dioksida (SO₂) bagi menentukan Indeks Pencemar Udara (IPU).

“Teknik pemantauan dan pengukuran yang digunakan adalah berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (2000). Setelah

mengenal pasti lokasi pemantauan iaitu di padang berhampiran Kolej Kediaman 2, proses pengukuran lima parameter pencemaran udara iaitu PM₁₀, O₃, CO, NO₂ dan SO₂ dilakukan menggunakan pelbagai peralatan sedia ada yang sesuai dalam tempoh antara satu hingga 24 jam.

“Proses tersebut telah mengambil kira langkah-langkah jaminan kualiti dan kawalan kualiti di sepanjang aktiviti pemantauan,” ujar beliau.

Katanya, purata paras kepekatan setiap pencemar udara diperolehi untuk mengira nilai sub-indeks masing-masing berdasarkan formula pengiraan yang telah ditetapkan. Pencemar udara yang mencatatkan nilai sub-indeks paling tinggi akan menentukan bacaan IPU.

“Status bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) kemudiannya dilaporkan mengikut kategori iaitu samada baik (bacaan mulai 0 hingga 50), sederhana (51-100), tidak sihat (101-200), sangat tidak sihat (201-300), atau berbahaya (301-500) berdasarkan sumber Jabatan Alam Sekitar,” ujar beliau.

Berkongsi hasil kajian yang dijalankan pihaknya, kerja pemantauan telah dilakukan selama tiga hari berturut-turut iaitu pada 1 sehingga 3 Oktober lalu untuk mendapatkan bacaan indeks setiap pencemar udara di sekitar kawasan kampus supaya langkah-langkah kawalan yang sewajarnya boleh diambil oleh pihak pengurusan universiti demi menjaga kesihatan para pelajar dan staf.

Hasil penyelidikannya mendapati bacaan IPU di UMP kampus Gambang selama tiga hari tersebut telah mencatatkan IPU ‘sederhana’ pada hari pertama dan kedua dan ‘tidak sihat’ pada hari ketiga iaitu selari

dengan bacaan IPU yang dicatatkan di dua buah stesyen pemantauan udara Alam Sekitar Malaysia (ASMA) iaitu Indera Mahkota dan Balok.

Bacaan IPU yang diperoleh di sekitar UMP khususnya di Gambang menunjukkan udara ambien telah dicemari oleh partikel-partikel halus atau zarahhan terampai yang bersaiz kurang daripada 10 mikron (PM₁₀) memandangkan hasil pemantauan udara yang dibuat ini mencatatkan indeks PM₁₀ yang paling tinggi berbanding pencemar udara yang lain. Ianya adalah disebabkan fenomena jerebu yang masih lagi melanda negara Malaysia pada ketika ini.

Dalam masa yang sama, pihaknya berhasrat untuk bersama-sama membantu pihak JAS dalam membuat garis panduan baharu berkenaan IPU dengan mengambil kira zarahhan terampai yang lebih halus iaitu bersaiz kurang daripada 2.5 mikron (PM_{2.5}) kerana kesannya yang lebih signifikan ke atas masalah kesihatan sistem pernafasan manusia.

Usaha ini juga secara tidak langsung akan dapat membantu pihak ASMA untuk menambah bilangan stesyen pemantauan kualiti udara sedia ada di negeri Pahang pada masa akan datang.

Sementara itu, bagi Ezrin Hani, pihaknya juga berhasrat agar isu jerebu ini dijadikan sebagai salah satu daripada agenda program khidmat sosial bagi program OSH khususnya dan UMP umumnya untuk terus mengambil inisiatif dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang sesuai supaya masalah berkaitan jerebu dapat ditangani dengan baik oleh komuniti.

“Kajian ini juga akan terus dijalankan bagi membantu universiti dan pihak lain dalam





mendapatkan input dalam menangani isu berkaitan jerebu yang melanda di negara kita,” katanya.

Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Bencana turut menyarankan warga UMP memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan diambil kerana udara yang tidak sihat ini boleh menyebabkan gangguan kesihatan dalam kalangan individu yang berisiko tinggi seperti mereka yang mempunyai masalah penyakit jantung dan paru-paru.

“Mereka hendaklah memastikan tidak menjalankan segala aktiviti di luar sehinggalah kualiti udara kembali normal. Begitu juga dengan warga UMP yang lain juga dinasihatkan mengurangkan aktiviti luar sebagai langkah untuk mengelakkan sebarang gejala kesihatan yang tidak diingini,” jelas beliau.



Bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) di UMP Kampus Gambang:

Hari	Tarikh	UMP		Indera Mahkota*		Balok*	
		IPU	Status	IPU	Status	IPU	Status
1	1/10/2015	85	Sederhana	86	Sederhana	104	Sederhana
2	2/10/2015	100	Sederhana	78	Sederhana	99	Sederhana
3	3/10/2015	120	Tidak Sihat	122	Tidak Sihat	106	Tidak Sihat

*ASMA: Alam Sekitar Malaysia (2015)

*Pengiraan berdasarkan 'A Guide to Air Pollutant Index (API) in Malaysia , (Jabatan Alam Sekitar, 2000)'



UMP jalin kerjasama dengan Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (IBV) dalam mewujudkan jaringan kerjasama yang berlangsung di Kompleks Inno Biologics, Nilai, Negeri Sembilan pada 24 November 2015 yang lalu.

Kerjasama dengan IBV ini dapat memberi dorongan kepada UMP dalam pembangunan industri bioteknologi yang memenuhi inspirasi kerajaan untuk menjadikan bioteknologi sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang menandatangani bagi pihak universiti manakala IBV pula diwakili oleh Presidennya, Mohd Yusri Bulat dengan disaksikan Ketua Timbalan Setiausaha (Sains), Kementerian Sains Teknologi Inovasi Malaysia (MOSTI), Dato Dr. Zulkifli Mohamed Hashim. Hadir sama, Dekan Fakulti Teknologi

Kejuruteraan (FTEK), Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid dan Naib Presiden Inno Bio Ventures Sdn. Bhd., Joharizal Mahmud.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr Daing Nasir berkata, UMP sentiasa berusaha untuk meletakkan dirinya sebagai sebuah universiti teknikal pilihan, selaras dengan misi mulia dan visi.

"Sebagai salah satu Universiti Awam (UA), UMP dicabar untuk kekal berdaya saing dan relevan dengan menawarkan program akademik teknikal berkualiti tinggi yang memberi fokus kepada bidang khusus itu.

"Salah satu bidang baharu yang dikenal pasti sebagai teras kejuruteraan yang akan dilaksanakan UMP adalah pembangunan kemudahan GMP untuk farmaseutikal di bawah FTEK.

"Innobiologics Sdn. Bhd. merupakan sebuah organisasi terkemuka pembuatan kontrak (CMO), mampu menghasilkan produk biofarmaseutikal menggunakan sel mamalia yang bukan sahaja selamat dan berkesan tetapi juga berpatutan.

"Kami percaya bahawa perkongsian kepakaran ini akan mendapat hasil berimpak tinggi dari segi penyelidikan dan perundingan, pembangunan produk, rangkaian, perniagaan, kepakaran, pengajaran dan pembelajaran, dan lain-lain," katanya.

Tambahnya lagi, langkah proaktif sebegini pasti akan menyokong pembangunan industri farmaseutikal di Malaysia dengan mengisi tenaga kerja yang kompeten dalam Pharma industri pembuatan dengan gabungan

kepakaran UMP dan IBV ini, katanya.

Kerjasama ini itu akan membantu kami untuk menyelaraskan fokus kerjasama dalam mengukuhkan keupayaan UMP dan Inno Biologics Sdn. Bhd. dalam membangunkan Matter Pakar Subjek (PKS) dalam industri farmaseutikal.

Selain itu, UMP juga berharap melalui kerjasama ini kedua-dua UMP dan Innobiologics boleh mencapai keputusan yang bermanfaat dan mewujudkan rangkaian yang lebih kukuh, lebih tinggi kualiti produk farmaseutikal dan meningkatkan pengeluaran produk yang boleh dipasarkan dan daya saing industri.

Manakala Presiden IBV, Mohd Yusri Bulat mengharapkan dengan kerjasama ini dapat berkongsi kepakaran diantara UMP dan IBV.

"Penubuhan Inno Biologics (Inno Bio) adalah sebagai penggalak kepada perkembangan industri bioteknologi.

"Inno Bio merupakan anak syarikat Inno Bio Ventures yang selama ini bergerak sebagai entiti penyelidikan yang memberi tumpuan kepada biofarmaseutikal dan antibodi monoklonal berasaskan kultur sel mamalia menerusi kerjasama organisasi pembuatan kontrak (CMO).

"CMO merujuk kepada organisasi yang bekerjasama dengan organisasi pembuatan asal menggunakan kepakaran dan fasilitinya bagi menghasilkan produk. Produk tersebut akan dilabelkan dan dipasarkan oleh organisasi pembuatan asal itu sendiri," ujar beliau.



Persidangan COMRET kumpul tenaga pakar kaji nadir bumi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya berjaya mengumpulkan lebih 50 penyelidik dan industri membincangkan mengenai nadir bumi dalam *Conference On Malaysian Rare Earth: From R&D To Production 2015 (Comret15)* yang berlangsung di Bukit Gambang Resort City pada 6 November 2015 yang lalu.

Persidangan yang bertemakan '*Rare Earths Revolution: Emerging Alternatives to Green Technology*' anjuran Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi (RERC) yang merupakan pusat kajian nadir bumi pertama di Malaysia itu ternyata dapat menjalinkan hubungan dengan lebih luas dengan penyelidik dan industri berkaitan.

Hadir merasmikan program, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pengarah RERC, Profesor Dato' Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee Laidin.

Menurut Dato' Rosli, UMP mempunyai satu-satunya pusat penyelidikan yang memfokuskan kajian dalam bidang ini. Peserta dapat mengetahui dan berkongsi maklumat mengenai kajian dan teknologi berkaitan nadir bumi.

"Selain itu, peserta dapat mengetahui isu-isu semasa yang wujud berkaitan nadir bumi dan mengembangkan jaringan sosial sesama penyelidik dari organisasi berbeza," katanya.

Dalam persidangan itu juga peserta berpeluang berkongsi kepakaran Tan Sri Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee dalam membentangkan ucapatama bertajuk '*Blueprint for the Establishment of Rare Earth- Based Industries in Malaysia*'.

Turut berkongsi pengalaman adalah Pengarah Urusan Lynas Corporation, Amanda Lacaze dengan tajuk '*New Technology of Rare Earth Product*'.

Persidangan melibatkan penyertaan lebih 50 orang antaranya dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM).

Selain itu, peserta COMRET juga terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan dan industri yang terlibat secara langsung dengan nadir bumi seperti Jabatan Mineral dan Galian Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia, Aras Kuasa Sdn. Bhd. dan Interscience Sdn. Bhd.

Turut berlangsung pameran melibatkan Interscience Sdn. Bhd., Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.



Kongsi budaya dalam Malam Antarabangsa UMP

Lebih 1,000 orang dalam kalangan pelajar antarabangsa bersama-sama keluarga masing-masing memeriahkan *International Open Day* 2015 yang berlangsung di Dewan Astaka UMP kampus Gambang pada 28 Oktober 2015 yang lalu.

Penganjuran acara tahunan ini merupakan platform terbaik melibatkan penyertaan melibatkan pelajar antarabangsa bersama warga UMP terutamanya dalam mempersembahkan keunikan budaya negara asal mereka melalui pameran kebudayaan, penyediaan juadah yang mempunyai citarasa yang berbeza serta persembahan kebudayaan negara masing-masing.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob berkata, kewujudan Kelab Pelajar Antarabangsa yang diterajui pelajar antarabangsa memperlihatkan penyertaan pelajar dalam komposisi 1 Dunia (*1 World*) berjaya memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan pelajar tempatan dan negara luar.

“Penganjuran program ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan hubungan baik antara pelajar dari negara yang sama malahan melibatkan warga kampus dalam berkongsi budaya dan tradisi pelbagai negara,” katanya.

Sementara itu, bagi Alaudin Mohamad Sidiq 26 tahun, dari Sudan pelajar tahun kedua Kejuruteraan Elektrikal menyifatkan pogram sebegini memberikan peluang untuk mereka para pelajar antarabangsa yang jauh dari kampung halaman untuk bersama-sama merayakan malam yang bermakna bagi mereka yang rindukan kampung masing-masing.

Tidak ketinggalan pelajar pertukaran dari China, Woo Cheng Wei 24 tahun pelajar tahun akhir yang kini menuntut di dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal begitu teruja dengan pengalaman pertama beliau untuk dikongi bersama-sama rakan negara lain.

Pelbagai juadah disediakan oleh pelajar antarabangsa di setiap booth yang mempamerkan masakan negara masing-masing seperti Yaman, China, Nigeria Sudan, Pakistan, Bangladesh, India, dan Iraq.

Persembahan dari Sudan menjuarai pertandingan pameran diikuti dengan Jordan di tempat kedua yang menonjolkan persembahan tradisional dari negara masing-masing.



UMP lancar program RCP bantu pelajar tingkat penguasaan bahasa Inggeris

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan *Reading Circle Programme* (RCP) iaitu satu program pembudayaan Bahasa Inggeris melalui amalan membaca yang bakal dilaksanakan di institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di negeri Pahang.

Pembudayaan amalan membaca ini diadakan bagi menggalakkan semua pihak komited dalam menjayakan hasrat kerajaan memantapkan keilmuan di kalangan pelajar dengan berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman.

Program dianjurkan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) bersempena Persidangan Antarabangsa Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa yang berlangsung di Swiss Garden Beach Resort Kuantan Pahang pada 1 Oktober 2015 yang lalu.

Hadir merasmikan program Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-

tugas Khas Negeri Pahang, Dato' Norol Azali Sulaiman yang hadir mewakili Menteri Besar Pahang. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab, Pengarah Program, Dr. Zuraina Ali.

Profesor Dato' Dr. Rosli berkata, persidangan antarabangsa ini merupakan satu platform bagi pendidik, penyelidik, pentadbir dan individu-individu dari profesion yang berkaitan dari dalam dan luar negara berkongsi ilmu, pandangan dan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dari peringkat awal pembelajaran, sekolah rendah, menengah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Fokus persidangan ini adalah bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan kurikulum bahasa, pengkayaan pembelajaran bahasa dengan menggunakan ICT, strategi transformasi dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa serta pemantapan pembangunan dan profesionalisme graduan," katanya.

Tambah beliau, dengan bertemakan *'Reimagining Innovative Global Trends of The 21st Century Language Education'* bidang-bidang yang diperbincangkan adalah Pembangunan Kurikulum Bahasa, Pembelajaran Bahasa Berasaskan Teknologi, Transformasi Pembelajaran dan Strategi Pengajaran Bahasa serta Memperkasakan Pembangunan Graduan dan Profesionalisme.

Sementara itu, menurut Dr.

Zuraina bersempena dengan persidangan pelancaran RCP juga dilihat mampu mewujudkan satu platform untuk semua pelajar mengambil bahagian dalam berdiskusi tentang buku pilihan dan juga pengalaman membaca. Malahan, pelajar diagihkan dalam kumpulan-kumpulan yang akan membuat pemilihan bahan bacaan mengikut pelbagai minat dan keselesaan.

Katanya, kempen galakan membaca melalui RCP ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pembudayaan membaca melalui aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dari semasa ke semasa dan juga untuk menjadi satu usaha meningkatkan tahap pembacaan di kalangan pelajar.

Lebih 100 peserta hadir dalam program yang menampilkan pembentang kertas kerja yang terdiri daripada Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Profesor Dr. Maya Khemlani David, Profesor Dr. Goh Yeng Seng, Profesor George Robert Maclean dan Dr. Musaev Tailaibek.

Profesor Dr. Maya David Nee Khemlani dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM) pernah dianugerahkan anugerah Linguapax pada 2007 dan juga merupakan Fello Kehormat Chartered Institute of Linguists, United Kingdom dan Ahli Kehormat *Foundation of Endangered Languages*.

Beliau juga mempunyai kepentingan khas dalam analisis wacana, bahasa-bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti Malaysia, dan peranan bahasa dalam mewujudkan dan mengekalkan perpaduan negara di dalam dan merentasi budaya.



Anugerah Pelajaran Diraja hadiah hari jadi istimewa Mohamad Arif

Mohamad Arif Muahzim, bersyukur dan tidak menyangka bakal menerima hadiah hari jadi yang paling istimewa dalam hidupnya sempena Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila dinobatkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Graduan Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian, Fakulti Teknologi Kejuruteraan itu menyambut hari jadinya yang ke-24 sehari lebih awal dari Majlis Konvokesyen UMP yang berlangsung pada 17 dan 18 Oktober 2015 lalu.

Anak kelahiran Johor Bahru itu juga menyifatkan anugerah itu dan ijazah sebagai hadiah pemberian beliau kepada ibu bapanya yang selama ini merupakan pendorong kuat kejayaannya.

“Ayah tiri saya, Majuri Asmion, 49, berkerja sebagai peniaga makanan secara kecil-kecilan manakala ibu, Asmih Mohd Jai, 51, pula seorang suri rumah tangga. Alhamdulillah, berkat usaha yang berterusan diiringi doa kedua ibu bapa, saya berjaya menamatkan pengajian saya sehingga mengenggam segulung ijazah.

“Dalam kita meniti kejayaan, kita seharusnya menjaga hubungan kita dengan Allah S.W.T., ibu bapa, guru, rakan-rakan dan orang sekeliling kita di samping perlu sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T. dalam apa jua keadaan sekalipun.

“Selama empat tahun pengajian saya di UMP, saya juga turut terlibat dengan aktiviti kokurikulum seperti tamat tauliah SISPA sebagai Pegawai Leftenan Muda Pertahanan Awam Malaysia, Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi (yang kini dikenali sebagai Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Pengarah Program peringkat kebangsaan ‘*Developing and Sustaining Safety Culture in Malaysia 2*’ dan sebagainya.

Selain itu, beliau juga merupakan peserta bagi program mobiliti pelajar ke Medan, Thailand dan juga Vietnam.

Anak sulung dari tiga adik-beradik ini, kini berkerja sebagai Penyelia Keselamatan Tapak Bina di Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB).

Mohamad Arif merupakan antara 2,553 graduan dalam pelbagai peringkat pengajian iaitu diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, ijazah kedoktoran dan diploma eksekutif yang diraikan dalam majlis itu.



Ng Teck Huai

terima Anugerah Pelajaran Diraja

Tekun, fokus dan memberi tumpuan yang penuh semasa kuliah adalah merupakan formula utama yang digunakan oleh penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jasa Cemerlang), Ng Tech Hui, 24.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu berkata, penyertaannya dalam aktiviti kokurikulum seperti sebagai Timbalan Presiden, Bab Pelajar UMP, Institut Jurutera Malaysia (IEM), Pengarah Pesta Tanglung 2012, IEM Industrial Sharing Forum-Future Challenges and Role of Young

Engineers 2015 dan lain-lain menyebabkan beliau mempunyai masa yang terhad untuk mengulang kaji pelajaran.

Anak kepada pasangan jurutera, Ng Chee Heong, 55 dan suri rumah, Yee Siew Chin, 50 itu memberitahu bahawa beliau perlu membahagikan masa dengan cekap agar tidak tercicir dalam pelajaran.

“Falsafah hidup yang saya pegang sehingga ke hari ini ialah jangan sekali-kali kita mudah berputus asa apabila menghadapi sebarang masalah,” kata anak kelahiran Johor Bahru ini.

Beliau adalah antara dua graduan yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) yang disampaikan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah pada 17 hingga 18 Oktober 2015 yang lalu.

Beliau yang kini bekerja sebagai Jurutera Proses di Lotte Chemical Titan (M) Sdn. Bhd. itu tidak menyangka akan menerima anugerah tertinggi itu.

“Saya hadiahkan anugerah ini buat kedua ibu bapa saya. UMP mempunyai ramai pensyarah yang berilmu dan fasiliti pembelajaran yang lengkap. UMP juga memberikan fokus terhadap *hands-on* praktikal yang banyak memberi manfaat kepada pelajar terutamanya semasa bekerja di industri,” jelas anak sulung dari tiga beradik ini sambil mengukir senyuman.



Program Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami bantu ibu tunggal dan miskin

Dalam usaha membantu golongan ibu tunggal dan keluarga miskin, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program Penanaman Serai Wangi dan Kraftangan Jerami di Perumahan Bersepadu Bukit Kenau.

Program anjuran Pusat Keusahawan UMP ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Pulau Manis, Dato' Khairuddin Mahmud bertempat di Dewan Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Pekan pada 29 Oktober 2015 yang lalu membabitkan seramai 11 penerima di kampung berkenaan.

Dalam ucapan perasmianya, beliau merakamkan jutaan terima kasih di atas usaha sama UMP menerusi Pusat Keusahawan UMP dengan kerjasama Kelab Enactus dalam memajukan ekonomi penduduk di kampung ini.

Katanya, projek ini dilaksanakan sebagai projek tanaman di persekitaran rumah dan diharapkan projek penanaman serai wangi di kampung ini akan memberikan impak yang besar kepada penduduk mahupun pihak UMP.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob pula, program ini merupakan titik permulaan bagi melahirkan usahawan dikalangan pelajar UMP yang dapat manfaat dari program ini agar dapat dikongsi bersama.

"Program ini merupakan salah satu usaha Pusat Keusahawan UMP dengan kerjasama Kelab Enactus yang akan bertindak sebagai pembimbing untuk golongan sasaran iaitu ibu-ibu tunggal dan orang-orang miskin di kawasan ini bagi aktiviti menanam pokok serai wangi di sekitar kawasan rumah mereka bagi menghasilkan pewangi dan bahan kraftangan jerami," katanya.

Tambah beliau, program ini dijalankan selama tiga bulan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi mereka di samping mempromosikan hasil kraftangan yang dihasilkan.

"Selain itu, dalam program ini ahli kelab Enactus UMP diharapkan dapat membantu masyarakat Bukit Kenau ini agar dapat melahirkan usahawan dengan menyumbangkan ilmu dan pengetahuan keusahawanan yang telah dipelajari oleh mereka di universiti.

"Benih serai wangi yang disumbangkan ini akan menjadi titik permulaan kepada keusahawanan sosial kerana Pusat Keusahawan bercadang untuk memperbesarkan lagi projek ini kerana penggunaan ekstrak serai wangi ini mendapat permintaan yang tinggi di dalam penggunaan racun serangga perosak dan sebagai pewangi," ujarnya lagi.

Susulan program ini Pusat Keusahawan akan cuba untuk menjadikan kraftangan jerami ini sebagai salah satu cenderahati jabatan dalam usaha memberi sokongan terhadap program ini.

Program ini juga bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi penduduk malah juga turut menjalinkan hubungan kerjasama antara Perumahan Bersepadu Bukit Kenau dan melalui program ini. Diharapkan agar kerjasama ini akan berterusan demi pembangunan keusahawanan setempat.

Salah seorang peserta Kamsiah Ismail, 45, berkata beliau amat berterima kasih kepada UMP dalam melaksanakan program ini yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan kami sekeluarga selain cuba buat sebaik mungkin agar dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Pasukan *Elixir Racing* sekolah kluster harumkan UMP

Oleh: ZURYATY ZOL

Hasil jaringan strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan sekolah kluster membuahkan hasil apabila pasukan *Elixir Racing* dari Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom dinobatkan johan setelah mengalahkan 30 buah pasukan dari seluruh Malaysia dengan meraih anugerah Penyelidikan dan Inovasi terbaik, Portfolio Enterprise terbaik dan persembahan terbaik dalam Pertandingan *F1 in Schools Malaysia National Finals 2015* yang diadakan di Dewan Sri Perdana, Kolej Automatif Antarabangsa (ICAM) pada 2 November 2015 yang lalu.

Dengan kejayaan ini, pasukan *Elixir Racing* yang terdiri daripada empat pelajar iaitu Fasya Husna Muhammad Uzir, Nur Nadia Mohamad Ramli, Siti Nadhirah Abdul Riza dan Muhammad Hakim Kamaruzzaman

serta guru pengiring, Abdullah Osman layak menyertai pertandingan *F1 in Schools Technology Challenge World Final 2016* di Austin Texas United States of America.

Menurut Professor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), guru pembimbing bersama pelajar ini kerap mengadakan perundingan berkaitan penggunaan teknologi pembangunan prototaip sebagai persiapan model F1.

“Dengan dibantu Shahandzir Baharom, Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom yang merupakan sekolah angkat atau kluster FKP sejak tahun 2012 ini telah berjaya mengharumkan nama Sekolah serta nama UMP di persada tanah air dan antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, menurut Abdullah banyak pengalaman dan kepakaran diperoleh hasil kerjasama baik UMP dalam usaha membantu pihak sekolah mencipta kejayaan dalam dan luar negara. Malahan, suntikan semangat dari pensyarah FKP menyumbang terhadap kesungguhan pelajar mencapai kecemerlangan.

Katanya, sekolah ini juga berjaya menjadi johan dalam pertandingan *F1 in Schools* Peringkat Zon Timur setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga tahun 2014 termasuk berjaya mewakili Malaysia di *Austin Texas United States Of America* tahun 2013 dan menggondol tempat ketujuh dalam pertandingan kereta terpantas daripada 38 pasukan dalam pertandingan *F1 In School Technology Challenge World Final 2013*.

Hubungan strategik dengan sekolah kluster ini turut memabitkan penawaran perkhidmatan kepakaran staf fakulti serta berjaya menonjolkan identiti UMP di persada antarabangsa.



UMP kongsi amalan terbaik penggunaan teknologi dalam P&P

Oleh: FAISAL JUSOH

Penyertaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam *National University Carnival On E-Learning (NUCeL) 2015* yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertempat di Dewan Sultan Azlan Shah, Proton City, Tanjung Malim pada 15 Disember 2015 yang lalu mampu mengetengahkan mempromosikan e-Pembelajaran sebagai

alternatif kepada kaedah Pengajaran & Pembelajaran (P&P) dalam universiti.

Di samping itu, karnival ini juga dapat berkongsi amalan terbaik tentang penggunaan teknologi dan inovasi terkini dalam era pembelajaran digital dalam kalangan universiti awam dan swasta, pemain industri, komuniti setempat yang diamalkan di agensi masing-masing.

Karnival dua hari itu dirancakkan dengan beberapa aktiviti termasuklah pertandingan *Innovation, Invention & Design in e-Learning (IIDeL)*, *courseware development*, *mobile apps*, *photography* dan *educational blogging*.

Lebih membanggakan UMP berjaya memperoleh empat emas, dua perak dan lapan gangsa dalam pertandingan IIDeL tersebut.

Pingat emas diraih Profesor Kamal Zuhairi Zamli dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dengan tajuk *Lightweight Software Applications for*

Teaching of the Complete Software Testing'.

Penyertaan pensyarah dari FSKKP, Dr. Mazlina Abdul Majid turut menang pingat emas melalui projek *MyKOD*. Begitu juga dengan Abdulrahman Ahmed Mohamed Alsewari dengan tajuk *HS-SET: A Tool for Teaching of Combinatorial Testing*'. Turut menang pingat emas, Imaduddin Abidin dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan tajuk projek *Trans-B: Apps for Youth Sustainability Rural Livelihood*'.

Dalam masa yang sama turut dimeriahkan dengan sesi perkongsian pengalaman bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Openlearning.com Mr. Adam Brimo yang membentangkan tajuk *Creative & Innovation in Technopreneurship*' bersama para pengunjung.

Beliau juga turut berkongsi tentang potensi dan peluang yang perlu diterokai mengenai pembelajaran secara atas talian pada masa hadapan.



UAE anjur Pemantapan Program Profesional bersama 15 rakan strategik

UMP Advanced Education (UAE) mengadakan satu program khusus bagi menerangkan proses kerja program profesional yang melibatkan 15 rakan kerjasama strategik UMP bertempat di Hotel Vistana Kuala Lumpur pada 13 November 2015 yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan berkata, program bertujuan memberi penjelasan tentang proses permohonan program, pengeluaran surat tawaran dan pembiayaan program.

“Program juga membincangkan kerangka kelayakan akademik, peraturan akademik dan jaminan kualiti program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selain memberi penjelasan tentang kualiti akademik.

“Taklimat ini juga sebagai usaha dalam memastikan tahap kualiti akademik program yang ditawarkan oleh rakan kerjasama strategik menepati *standard* yang ditetapkan di samping menyelaraskan proses kerja rakan kerjasama agar menepati kehendak dan keperluan organisasi.

Tambah beliau, pihak UAE sentiasa komited dalam memastikan segala proses kerja yang dilakukan diikuti dan sentiasa difahami oleh rakan kerjasama demi memastikan tahap kualiti pengajian sepanjang

hayat mendapat tempat dalam kalangan golongan yang bekerja khususnya di sektor industri tertentu untuk menyambung pengajian.

Menurutnya, taklimat kepada rakan kerjasama berkaitan program PSH ini akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memperkemas lagi proses kerja yang dilakukan antara UAE dan rakan kerjasama strategik yang lain.

Beliau mengharapkan program ini dapat memperluas akses pendidikan kepada umum dan meningkatkan kualiti program PSH dalam memenuhi Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Hadir sama menyampaikan taklimat Pengurus Besar (Akademik) UAE, Dr Haji Mohd Rashid Ab Hamid dan Penasihat Akademik UAE, Profesor Dr. Abdullah Ibrahim.





FKKSA anjur program QGen bantu remaja

Seramai 40 orang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota mengikuti Program Intensif QGen 2015 bertempat di Agro Semuji Resort, Kuantan pada 15 November 2015 yang lalu.

Program anjuran Kelab Kebajikan & Sukan Staf, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu mendapat kerjasama Persatuan Mahasiswa FKKSA (CHEST) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Program berkonsepkan kemandirian hidup dalam memberikan bimbingan dan meningkatkan ilmu itu dibantu moderator, fasilitator dari pihak UMP dalam memberi kesedaran kepada pelajar menjalani kehidupan seharian berteraskan nilai murni.

Di samping program kerohanian, ianya dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran bimbingan praktikal seperti membaca al-Quran, bersolat, kemahiran menyembelih haiwan ternakan mengikut adab dalam Islam serta kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan Arab.

Hadir merasmikan program, ADUN Pulau Manis, Yang Berhormat Dato' Khairuddin Mahmud Mahmud dan Pengerusi Program, Dr. Fatmawati Adam.

Menurut Dato' Khairuddin, keprihatinan UMP kepada masyarakat wajar dicontohi pihak lain supaya masyarakat sekeliling lebih rapat dengan institusi pengajian tinggi di samping dapat memberikan impak-impak yang positif.

Sementara itu, menurut Dr. Fatmawati, pelbagai aktiviti diadakan seperti *Oh My English*, *Spiritual* dalam Solat (Teori & Praktikal), *Masterchef*, Modul 30 Minit Tiga Qul, *Brave* (Teori dan Praktikal) *Memanah* serta *Future Stars*.

"Program sebegini dapat memberi impak kepada pelajar yang terpilih ekoran gejala sosial kini yang cukup membimbangkan kerana membabitkan remaja seperti kes hamil luar nikah, buang anak, ketagihan dadah, dan lumba haram.

"Usia yang muda sepatutnya dipenuhi dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat, bukannya terjebak dengan masalah-masalah sosial," ujar beliau.

Program diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah mengikut kategori seperti Akhlak Terpuji, Paling Ceria, Kreatif, Disiplin, Tokoh Qari/Qariah, Kepimpinan, Kerjasama, Sukan, Peserta Lelaki/Perempuan Terbaik dan Kumpulan Terbaik.

Hadir sama Timbalan Dekan FKKSA, Dr. Sabri Mahmud dan Pengetua SMK Seri Mahkota, Haji Mohammad Badruddin Yusoff.



18 staf sertai Bengkel Latihan Juruaudit Program Profesional UMP

Seramai 18 orang pensyarah dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Bengkel Latihan Juruaudit Program Profesional UMP yang diadakan di Bilik Seminar Perpustakaan pada 18 November 2015 yang lalu.

Program anjuran UMP Advanced Education (UAE) itu bertujuan memberi latihan berkenaan dengan proses audit kualiti program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) UMP kepada semua juruaudit sedia ada dan yang baharu.

Bengkel dihadiri Timbalan Pengarah, Unit Jaminan Kualiti, Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik, UMP, Dr. Mohd Rusllim Mohamed, Pengarah *Institute Professional Development (IPD) Open University Malaysia (OUM)*, Profesor Madya Yon Rosli Daud dan Pengurus Kanan *Institute Professional Development (IPD) OUM*, Rohaya Ali.

Penasihat Akademik UAE, Profesor Dr. Abdullah Ibrahim berkata, penganjuran bengkel bertujuan memastikan tahap kualiti akademik program yang ditawarkan oleh rakan kerjasama menepati *standard* yang ditetapkan di samping dapat mendedahkan amalan terbaik bagi jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh pihak OUM.

“Aspek jaminan kualiti program PSH akan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti program profesional adalah memenuhi standard yang ditetapkan dan mencapai tahap yang baik dan memuaskan.

“Pihak UAE amat komited dalam melaksanakan beberapa audit iaitu audit akademik, audit pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan audit pengurusan dan pengijazahan. Ini selaras dengan hasrat Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat (MPSH) UMP dalam mengawal kualiti program PSH yang ditawarkan,” katanya.

Tambah beliau, program ini pastinya dapat menyemarakkan lagi program PSH di samping memperluas akses pendidikan kepada umum dan meningkatkan kualiti program PSH.

Ia juga memastikan pelaksanaannya memenuhi Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).





IPS anjur Bengkel Penambahbaikan Polisi dan Garis Panduan Pengajian Siswazah

Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Bengkel Penambahbaikan Polisi dan Garis Panduan Siswazah di Swiss Garden Resort & SPA Kuantan pada 25 Oktober 2015 yang lalu.

Bengkel dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Dekan Institut Pengajian Siswazah, Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr Rosli menyatakan

penambahbaikan terhadap polisi dan garis panduan perlu dilakukan bagi memastikan kualiti dan sistem akademik pengajian siswazah UMP berada di landasan yang efektif serta menghasilkan graduan yang kompeten dan program akademik yang kompetitif dan selaras dengan perkembangan semasa.

"Tujuh isu utama telah dikenal pasti dengan hasil daripada perbincangan yang dilakukan bersama warga IPS dengan pemegang taruh IPS iaitu berkaitan PhD Industri, Sumber Pembiayaan Kewangan dan Anugerah Siswazah, Peraturan dan Garispanduan Kerja Kursus dan Penyelidikan, Viva-Voce dan isu berkaitan laporan kemajuan, syarat Bahasa Inggeris dan Sistem *IPS Online* serta *IMS Akademik*," katanya.

Sementara itu, menurut Profesor Dato' Dr. Hasnah, bengkel mencapai 80 peratus daripada objektif yang telah disasarkan.

"Langkah seterusnya ialah untuk pihak IPS dan kumpulan-kumpulan yang berwajib akan memurnikan hasil perbincangan dalam bentuk dokumen.

"Susulan daripada bengkel ialah perbincangan dengan ketua-ketua kumpulan sebelum rumusan dapatan akan dibawa untuk kelulusan pihak MPSU, UMP tidak lama lagi.

"Saya sangat berpuas hati dengan kesungguhan dan komitmen yang jitu daripada dekan dan timbalan dekan serta lain-lain staf yang terlibat," katanya.



FSKKP rai pelajar pascasiswazah

Dalam usaha meraikan kalangan mahasiswa pascasiswazah, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) buat julung kalinya menganjurkan Majlis Makan Malam Pascasiswazah di Hotel Zenith, Kuantan pada 20 November 2015 yang lalu.

Majlis diserikan dengan kehadiran Dekan FSKKP, Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain.


Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, Dr. Mazlina Abdul Majid, majlis turut memberi penghargaan kepada alumni FSKKP di samping memberi semangat dan inspirasi kepada staf universiti yang sedang mengikuti pengajian bergraduasi dengan mencapai *Graduate On Time*.

“Majlis bertujuan meraikan alumni pascasiswazah yang mengikuti program secara penyelidikan dan kerja kursus yang telah tamat pengajian di fakulti ini serta dimeriahkan dengan kehadiran pelajar bersama pensyarah mereka,” katanya.

Sementara itu, Profesor Dr. Jasni menyarankan agar majlis ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai medium pertemuan semua pelajar pascasiswazah FSKKP.

Program secara tidak langsung dapat memberi ruang kepada pihak fakulti mempromosikan program FSKKP dan menyampaikan hasrat fakulti kepada bakal-bakal graduan dan juga pelajar yang sedang mengikuti pengajian.





CHECK IN.... Naib Canselor merakam waktu kehadiran pada hari pertama memulakan tugas di Kompleks Pentadbiran Utama di UMP Pekan.



WARNA-WARNI.... Antara peserta yang menyertai program UMP Colour Run.



BERGAMBAR.... Naib Canselor dan isteri bergambar bersama graduan sempena Majlis Konvokesyen UMP.



BERKENALAN.... Naib Canselor beramah-mesra dengan pelajar-pelajar baharu UMP sempena Minggu Induksi Siswa (MINDS).





KONVO.... Naib Canselor bergambar sewaktu perarakan keluar dewan setelah selesai Majlis Konvokesyen Ke-10 UMP.



BERJALAN.... Pelajar UMP turut serta menjayakan program Berjalan 10 ribu langkah



MERIAH... Persembahan semasa program *International Open Day* 2016.



BERSAMA MEDIA.... Naib Canselor dan pegawai universiti bergambar bersama pengamal media selepas selesai Program Santai Makan Malam UMP bersama Media.

Klik-Klik Lensa



Warga UMP jayakan Kempen 3R tingkat kesedaran pengurusan sisa pepejal

Hampir 100 staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai Majlis Pelancaran Program Pengurusan Sisa Pepejal dan Kempen 3R bertempat di Perpustakaan UMP Pekan pada 10 Disember 2015 yang lalu.

Majlis perasmian dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff. Hadir sama Yang di-Pertua Majlis Daerah Pekan, Dato' Haji Ahmad Salhi Abdul Latif, Pegawai Daerah Pekan, Dato' Ali Syahbana Sabarudin, Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie, Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee, Ketua Timbalan Pendaftar Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali dan Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti & Penarafan, Kartina Johan.

Menurut Profesor Dr. Mashitah, kadar kitar semula nasional hari ini hanya berada di tahap 10.5 peratus sahaja dari jumlah bahan buangan yang dilupuskan, berbanding negara maju yang melebihi 40 peratus.

"Oleh kerana amaun bahan yang dibuang ke tapak pelupusan setiap tahun pula

dianggarkan sebanyak 2.3 juta tan dengan nilai mencecah RM900 juta, pastinya peningkatan kadar kitar semula akan membawa manfaat besar dari segi penggunaan semula sumber dan peningkatan ekonomi negara," katanya.

Beliau menzahirkan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana Majlis Pelancaran Program Pengurusan Sisa Pepejal (PSP) dan Kempen 3R di atas penganjuran program ini dengan kerjasama pihak SWCorp dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang mengambil bahagian di dalam sesi perkongsian ilmu pada pagi tadi bersama warga UMP.

Katanya, semoga semua pihak mendapat manfaat dan menjadikan ilmu tersebut sebagai panduan untuk kita sama-sama amalkan konsep penghijauan kampus di UMP.

Ujarnya, bermula dari tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 1.2 juta kg barangan kitar semula telah berjaya dikumpulkan dan hasil jualan barangan kitar semula ini berjumlah sekitar RM335,000. Ianya mencerminkan pendapatan boleh dijana melalui amalan kitar semula berkonsepkan *Waste to Wealth*.

Maka dengan itu nyatalah bahawa program PSP dan 3R bukan sahaja selari dengan konsep penghijauan kampus tetapi juga mampu menjana pendapatan.

Selain itu, pada tahun ini, UMP telah menyertai '*UI Green Metric*' iaitu salah satu daripada lima penarafan dunia (*World Ranking*) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terdapat tujuh kluster yang menyokong inisiatif dalam program penghijauan kampus yang menyokong pemperolehan data untuk penarafan '*UI Green Metric*'. Salah satu daripada kluster tersebut adalah kluster Waste (WS) di bawah tanggungjawab Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan (OSH) UMP yang juga merupakan teraju utama Majlis Pelancaran Program Pengurusan Sisa Pepejal dan Kempen 3R.

Penganjuran program sebegini UMP turut menjalankan program-program seperti Program 3R peringkat UMP, Sisa Buangan Terjadual, Zero Polystyrene dan Projek penggunaan semula sisa kumbahan sebagai baja kepada tumbuhan lanskap yang dijadualkan bermula pada Januari 2016 di kawasan antara Blok W dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Tambahnya lagi, pihak pengurusan UMP berharap agar warga UMP bersikap kreatif dan inovatif dalam menjayakan amalan 3R dan PSP ini kerana selain memastikan kehijauan kampus, pendapatan boleh dijana melalui amalan kitar semula berkonsepkan '*Waste to Wealth*'.

Pada masa yang sama turut disampaikan hadiah bagi pertandingan Poster Kempen 3R dan *Candid Contest* Instagram UMP Love 3R. Pertandingan Poster Kempen 3R, tempat pertama telah dimenangi oleh Shahrul Mohamed Salleh dari Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Noor Azhar Abd Rasid dari Pejabat Naib Canselor dan Nur Sufiah Jamaludin dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Manakala Pertandingan *Candid Contest* Instagram tempat pertama dimenangi oleh Muhammad Syarif Al Azim, manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Muhamad Amirul Zikri Musa dan Mohamed Marzuki Abdul Latif. Program turut dimeriahkan dengan kehadiran kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Mewarna.



UMP hargai jasa staf bersara

Universiti Malaysia Pahang (UMP) merayakan tujuh pesara dan tiga waris staf yang telah kembali ke rahmatullah bagi mengenang jasa mereka sepanjang berkhidmat di UMP.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin bertempat di Dewan Bankuet, Canseleri, UMP Pekan pada 22 Disember 2015 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Yuserrie berkata, majlis ini membawa pengertian yang amat mendalam dalam konteks apresiasi sumbangan dan pengekalan keharmonian hubungan antara UMP dengan dua kumpulan yang diraikan pada hari ini iaitu pertama, para pesaranya dan kedua, para waris kakitangannya yang telah kembali ke rahmatullah.

"Majlis ini juga turut mengabadikan penghargaan kepada tujuh orang staf universiti yang bersara bagi tempoh bulan Disember 2014 hinggalah Oktober 2015 yang melibatkan Profesor, Profesor Madya, Jurutera, Pegawai Tadbir, Pegawai Keselamatan dan Pembantu Tadbir," katanya.

Antara staf yang hadir adalah Profesor Dr. Noornina Md Dahlan, Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd, Haji Rosdi Mohamed, Haji Ghazali Hasan, Mohd Samsuddin Ab. Karim, Mohd Sallehon Ismail dan Tuan Zairani Tuan Ab Rahman.

Pada masa yang sama juga, UMP turut mengabadikan kenangan buat tiga orang staf yang telah kembali ke rahmatullah tatkala masih dalam perkhidmatan di universiti iaitu Allahyarham Profesor Dr. Razman Md Tahar dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Allahyarham Hamidi Sudin dari Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) dan Allahyarham Mohd Wazir Samsudin dari Bahagian Keselamatan," katanya.

Ujar beliau lagi, ingatan UMP terhadap mereka tidak pernah luput, malah akan sentiasa segar. Apatah lagi, sekiranya budi dan jasa serta perkhidmatan yang diberikan itu menginspirasi pula orang lain untuk menjadi lebih baik berbanding sebelumnya.

"Begitu juga dengan budi dan jasa yang telah disumbangkan kepada pembangunan, perkembangan dan kemajuan sesuatu organisasi itu adalah ibarat amal jariah yang sentiasa mengalir.

"Sebagai penjawat awam, slogan 'Berkhidmat Untuk Negara' adalah amat sinonim dengan kita sehari-hari. Di mana jua ditempatkan, dengan apa jua jawatan dan gelaran serta sifat tanggungjawab yang diberikan tujuannya adalah semata-mata atas kepentingan perkhidmatan.

"Malahan, konsep perkhidmatan itu sendiri mempunyai konotasi yang amat luas. Perkhidmatan tidaklah semata-mata tertumpu

atas sebab jawatan, tetapi yang lebih utama ialah kerana soal amanah dan ibadah," katanya.

Justeru, beliau percaya mereka yang diraikan ini telah memberikan inspirasi yang bermakna kepada rakan-rakan sekerja dan staf yang lain untuk turut maju dengan cemerlang dalam pekerjaan mereka.

Bagi Tuan Zairani Tuan Ab Rahman melahirkan penghargaan terima kasih kepada UMP atas penghargaan ini apatah lagi dengan pengalaman lebih sedekad dari awal penubuhan UMP hingga kini pastinya tidak dapat dilupakan sepanjang hayatnya.

Hadir sama memeriahkan majlis ini iaitu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkifli Yaacob, Pemangku Pendaftar, Encik Abd. Rahman Safie dan Ketua Pustakawan Haji Ruslan Che Pee.





Anugerah Kokurikulum & Sanjungan iktiraf pencapaian pelajar

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Kokurikulum dan sanjungan bagi menghargai jasa yang disumbangkan mahasiswa UMP dalam berbagai lapangan yang mengharumkan nama universiti.

Majlis menyaksikan seramai 12 orang menerima anugerah yang disampaikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 2 November 2015 yang lalu.

Dalam ucapannya beliau berkata program ini merupakan tanda pengiktirafan UMP untuk diberikan kepada mahasiswa dan pertubuhan pelajar yang terbukti kecemerlangannya dan telah mengharumkan nama universiti di dalam dan luar negara.

"Kita kini berada pada tahap penilaian kesiediaan untuk merencana Pelan Strategik UMP 2016-2020 dengan hasrat untuk menjadikan UMP sebuah universiti yang gemilang. Pada fasa akhir pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini kita bersyukur kerana petunjuk-petunjuk strategik yang ada telah membuktikan bahawa UMP telah pun menjadi antara universiti pilihan utama sebagai mana yang dihasratkan.

"Kini mahasiswa memerlukan satu suntikan kesedaran bahawa kecemerlangan adalah tidak terhad kepada pencapaian akademik semata-mata. Walaupun tanggungjawab utama mahasiswa untuk menuntut ilmu sehingga bergraduat, namun proses penerokaan pengetahuan tidaklah semata-mata terbatas dalam dewan kuliah dan makmal sahaja.

"Penglibatan mereka dalam gerak kerja kemahasiswaan melalui pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar di sini juga merupakan sebahagian daripada proses penerokaan pengetahuan," katanya.

Beliau turut mengharapkan agar keupayaan pertubuhan-pertubuhan mahasiswa di UMP ini dapat menawarkan pakej aktiviti dapat memberi nilai tambah yang tinggi kepada pengayaan (*enrichment*) pengetahuan secara praktikal dan interaktif serta tidak bersifat terlalu akademik mampu menarik minat para mahasiswa untuk bergiat aktif.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) merangkap Pengarah Kampus UMP Gambang, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainudin, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dr. Zulkafli Hassan, Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie dan Pengarah Pusat Kokurikulum, Ramlee Abid.

Sebanyak 12 anugerah yang dipertandingkan termasuk dua anugerah baharu yang diperkenalkan iaitu Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Anugerah Kelab Harapan. Bagi Anugerah Kelab/Persatuan Terbaik telah dimenangi oleh Kelab In-Smartive yang membawa pulang Geran Program Antarabangsa bernilai RM 10,000, wang tunai RM 300, piala pusingan dan sijil penghargaan.

Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni dimenangi Abdul Naem Shuhaime yang merupakan bekas Yang

di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 yang sangat aktif menyertai program kesukarelawanan dalam dan luar negara.

Manakala Anugerah Sanjungan Kategori Kepimpinan telah dimenangi oleh Mohamad Syafiq Ali, Anugerah Sanjungan kategori Pencapaian Awam pula dimenangi oleh Qamaruddin Mohd Fauzi dan Anugerah Sanjungan kategori Keusahawanan pula dimenangi oleh Sofiyuddin Mahmud

Seterusnya bagi Anugerah Sanjungan Kategori Khidmat Komuniti pula dimenangi oleh Mohamad Hafizuddin Rasid dan Kategori Kesukarelawanan dimenangi oleh Mohd Syukran Ab Razak. Bagi Anugerah Sanjungan Kategori Kesukanan pula dimenangi oleh Laylatun Qadrina Amrizar yang banyak meraih pingat emas dalam acara sukan petanque.

Selain itu, Anugerah Sanjungan Kategori Daya Usaha Inovasi pula dimenangi oleh Mohd Irshad Shafiq Md Zamri yang banyak meraih pingat di dalam dan luar negara menerusi projek penyelidikannya iaitu I-Solat dan Kategori Kebudayaan pula dimenangi oleh Muhammad Aizat Azed. Begitu juga dengan Anugerah Kelab/Persatuan Harapan pula telah dimenangi oleh Kelab Keusahawanan yang aktif dalam penganjuran program-program keusahawanan.

Tidak ketinggalan juga Anugerah bagi Penasihat Terbaik telah dimenangi oleh Nasrul Salim Pakheri yang merupakan Penasihat Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 2 (PEKA 2). Kesemua pemenang anugerah tersebut telah membawa pulang hadiah wang tunai RM 200, piala iringan dan sijil penghargaan.



Warga UMP semarakkan kemeriahan Expoconvo 2015

Lebih 1,000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperingati Majlis Pelancaran Expoconvo yang dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato' Ahmad Azmey Haji Abu Talib sempena Majlis Konvokesyen UMP ke-10 di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang, pada 14 Oktober 2015 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie.

Dalam ucapan perasmian beliau berkata amat berbangga dengan pencapaian UMP berbanding 13 tahun dahulu apatah lagi beliau pernah menghadiri Majlis Konvokesyen UMP pada tahun 2006 lalu semasa menjawat jawatan Pengarah Pendidikan Negeri Pahang.

Katanya, pada masa itu Majlis Expoconvo dan Majlis Konvokesyen UMP telah diadakan di luar UMP berbanding kemeriahan

sambutannya pada masa ini.

"Inilah kemajuan dan pembangunan pesat yang telah dicapai oleh UMP dalam tiga belas tahun usia penubuhannya. Bagi melestarikan kecemerlangan UMP, saya percaya bahawa warganya sama ada staf dan pelajar perlu berwatak ideal iaitu mereka yang bersikap bukan biasa-biasa tetapi berani mencabar *status quo* dengan paradigma luar biasa dan terbilang," katanya.

Tambahnya, keberanian tersebut boleh dijelmakan dengan mendakap falsafah kreativiti, inovasi dan keserjanaan secara yang terarah di atas jalan yang rasional, matang, sistematik dan berdisiplin.

Beliau berbangga dengan mahasiswa UMP yang dapat menganjurkan Expoconvo ini dan berharap Expoconvo ini menjadi medan yang amat praktikal di mana asas-asas ilmu ini dapat dipelajari, sekaligus mempertajamkan pengetahuan tambahan sebagai mahasiswa yang kompetitif.

Manakala menurut Pengarah Program Expoconvo 2015, Poh Yi Fei, program yang bertemakan 'Ceriakan Hidup Setempat' ini yang menampilkan pelbagai program menarik antaranya yang dianjurkan Bersama 30 Minit Ustaz Don dengan kerjasama TV Alhijrah, pertandingan *Combat*, *Channel the Workout*, *Minutes to Win*, *Big Stomach Competition* dan *Warriors Night*. *Ladies Day* dengan penampilan Artis Aina Tasneem, *Running Man* dan Program Kalau Dah Jodoh bersama Ustaz Kazim Elias.

Apa yang lebih menariknya Expoconvo pada kali ini iaitu Pertandingan Mewarna, Mini Agro, Mini RTC dan sebanyak 68 gerai jualan dan pameran

Dalam majlis perasmian ini juga dipertontonkan persembahan kebudayaan melibatkan dari pelajar antarabangsa iaitu kumpulan Yaman Dance, Persembahan Gendang dari Kumpulan 24 Season Drum dan yang menarik perhatian adalah persembahan menarikh pancaragam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Dalam majlis itu, Dato' Ahmad Azmey turut menyampaikan hadiah kepada enam pemenang Kongsu dan Menang (*Share and Win*) MyGift UMP di Facebook dan Instagram yang telah dilancarkan sejak bulan lalu. Mereka adalah Ivy Lam Yoke Chin, Wan Mohd. Khairul Azka Razali, Alawiah Mely, Nur Fatin Syafira Rozak, Muhammad Syarif Al'Azmi dan Muhammad Amirul Zikri Musa.

Turut berlangsung pelancaran kempen #RM10 MyGift bagi mengisi tabung bencana sebagai usaha mengumpul dana membantu mangsa bencana banjir pada musim tengkujuh nanti. UMP memperkenalkan program MyGift ini sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.

Tiga endowmen yang diperkenalkan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Basiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan manakala enam tabungan yang akan dilaksanakan adalah Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.



UMP Colour Run meriah

Lebih 1,200 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program UMP Colour Run yang dengan berlari sekitar kampus sambil ditaburi dengan serbuk berwarna hijau, biru dan kuning bagi menceriaan acara.

Program itu turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Pejabat Naib Canselor (PNC), Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Pelajar (PKP).

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut dihadiri Penasihat Expoconvo 2015, Zahiruddin Mohd Zin dan Pengarah Expoconvo 15 UMP, Poh Yi Fei.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Rosli berkata, program adalah sebahagian daripada acara prapelancongan pembukaan Karnival Expoconvo 2015 yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen Ke-10 UMP.

"Program ini juga merupakan amalan gaya hidup sihat yang dipupuk dalam kalangan mahasiswa untuk beriadah dan menyihatkan badan.

"Dengan bertemakan 'Ceriaan Hidup Setempat' program pastinya dapat memperkasakan mahasiswa universiti dalam mengamalkan cara hidup sihat di samping memeriahkan acara sempena Majlis Konvokesyen," katanya.

Ujar beliau lagi, beberapa acara yang diadakan ini juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dengan masyarakat sekitar.

Sementara itu, bagi Pengarah Expokonvo 15, dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) berkata, program ini berjaya menarik ramai

penyertaan mahasiswa untuk sama-sama bergembira meraikan rakan-rakan mahasiswa yang akan bergraduasi nanti.

Katanya, larian hari ini sungguh meriah kerana pertama kalinya diadakan di universiti ini. Selain bersenam acara ini dapat merapatkan hubungan baik antara mahasiswa serta merakamkan momen bersama rakan mahasiswa.

Turut berlangsung sepanjang Expoconvo ialah Karnival Mahabbah yang dimeriahkan dengan program memasak bubur Asyura, 30 minit bersama Ustaz Don, Semanis Kurma dan program bersama Ustaz Kazim Elias (UKE) yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN). Selain itu turut diadakan persembahan rentak lagu menggunakan cawan (*cup song*) yang bakal mencatatkan *Malaysia Book of Record (MBR)* bagi penyertaan seramai 1,500 mahasiswa UMP.

Bagi Ketua Unit Publisiti dan Promosi, Jawatankuasa Expoconvo, Jasmine Ang Peisze dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) berkata pihaknya berpuas hati dengan komitmen mahasiswa UMP yang dapat sama-sama hadir memeriahkan program.

"Hebahan dalam media sosial seperti *Facebook* dan *e-community* banyak membantu pihaknya dalam menyebarkan maklumat kepada umum," katanya.





Konvoi Berbasikal Mahasiswa hangatkan promosi Expoconvo UMP

Seramai 110 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari kedua-dua kampus Pekan dan Gambang menyertai Program Konvoi Berbasikal sempena prapelancaran pembukaan Karnival Expokonvo 2015 pada 12 September 2015 yang lalu sempena Majlis Konvokesyen Ke-10 UMP.

Program yang mendapat kerjasama Bahagian Trafik Cawangan Kuantan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pusat Kesihatan Pelajar UMP itu bertemakan "Ceriaan Hidup Setempat" diadakan bertujuan memperkasakan mahasiswa universiti dalam mengamalkan cara hidup sihat di samping mendekati diri dengan komuniti agar dapat memberikan informasi terkini tentang program universiti kepada masyarakat setempat.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Ketua Pusat Kesihatan Pelajar, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit yang turut menyertai konvoi berbasikal pada kali ini.

Hadir sama Penasihat Expoconvo 2015, Zahiruddin Mohd Zin dan Pegawai Polis Bahagian Trafik Cawangan Kuantan, Koperal Ismail Toha.

Bagi Pengarah Expoconvo 15, Poh Yi Fei dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) berkata, acara dimulakan seawal pagi dengan senaman ringan diikuti dengan aktiviti konvoi berbasikal yang bergerak dari Taman Esplanade Kuantan menuju ke bangunan UTC dan singgah di Kompleks Membeli-belah Berjaya Megamall sejauh lapan km.

"Program ini bertujuan menyampaikan maklumat program karnival Expoconvo yang diadakan selama seminggu bersempena majlis konvokesyen universiti. Banyak program telah dijadualkan akan diadakan seperti program pameran akademik, inovasi, persembahan kebudayaan dan khidmat sosial," katanya.

Sebagai pembuka tirai untuk program Expoconvo ini ianya amat bersesuaian untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti UMP yang akan dijalankan sepanjang karnival berlangsung termasuk mendapatkan penyertaan dalam kalangan pelajar sekolah bagi program *Floating Structure and Frisbee Competition*, pertandingan mewarna kanak-kanak dengan kerjasama Petro Sains dan Utusan Malaysia.

Selain meraikan graduan yang akan menerima ijazah, Expoconvo itu nanti juga diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dan pihak pengurusan universiti dengan masyarakat sekitar.

Lebih menarik seramai 1,500 mahasiswa UMP akan mempersembahkan rentak lagu menggunakan cawan (*cup song*) yang bakal mencatatkan *Malaysia Book of Record (MBR)* bagi penyertaan mahasiswa paling ramai pada kali ini

Bagi peserta konvoi, Wong Qing Hsian, 21, dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berpendapat penyertaannya dapat mendekati masyarakat sekeliling di samping menggalakkan program gaya hidup sihat.



Jejak Asnaf Kembali ke Sekolah Bantu Pelajar Susah

Seramai 34 pelajar sekolah menerima sumbangan kelengkapan sekolah melalui Program Jejak Asnaf: 'Kembali ke Sekolah' anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education (UAE) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) pada 16 Disember 2015 yang lalu.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyudin Ismail berkata, program bantuan persekolahan itu merupakan inisiatif yang memasuki kali kedua pada tahun ini bertujuan untuk meringankan bebanan keluarga asnaf dan fakir miskin yang mempunyai anak yang akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi.

"Program ini adalah lanjutan daripada Jejak Asnaf yang dijalankan pada bulan Ramadan lalu dengan menyampaikan sumbangan kepada penerima yang dikenal pasti sekitar Kuantan dan Pekan.

"Pada masa itu program lebih memfokuskan keperluan kepada keluarga yang memerlukan bagi sambutan hari raya," katanya.

Namun pada kali ini, pihaknya lebih memfokuskan kepada anak-anak Asnaf dan anak yatim di sekolah rendah dan menengah untuk penyediaan keperluan sekolah yang antaranya termasuklah pakaian, kasut sekolah, dan alat tulis.

Beliau mengharapkan menerusi sumbangan ini dapat menyuntik semangat anak-anak ini untuk memulakan sesi persekolahan yang akan

menjelma tidak lama lagi dan dapat belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga meraih kejayaan suatu hari nanti.

Malahan beliau bercadang untuk menganjurkan program sebegini setiap tahun agar dapat membantu golongan yang memerlukan. Menerusi inisiatif MyGift UMP, universiti sentiasa mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni, individu serta badan-badan korporat sama ada dalam mahupun luar negara bagi menyokong pembudayaan aktiviti kesukarelawanan.

MyGift UMP merupakan satu usaha mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi tujuan tajaan pelajaran, peningkatan mutu pelajaran yang sedia ada, memperkasakan program-program Islamik dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan.

Sementara itu, Pengurus Kanan Unit Pembangunan Bisnes, UAE Rosilavi Mat Jusoh berkata, pihaknya sentiasa menyokong inisiatif UMP dalam menjayakan program kesukarelawanan dan menerusi khidmat sosial (CSR).

Selain itu, UAE sebagai anak syarikat UMP dalam membangunkan dan menawarkan program berbentuk professional dan pembelajaran sepanjang hayat turut menyumbang bantuan dalam menjayakan program Jejak Asnaf kembali ke sekolah ini.

Salah seorang penerima sumbangan iaitu Farah Riana Ashila Ahmad Pauzi, 12, yang merupakan anak yatim piatu akibat kehilangan ibunya disebabkan kanser payudara manakala ayahnya meninggal tahun lalu akibat kanser hati tahun lalu turut menerima bantuan.

Beliau yang tinggal bersama abangnya Mohd Ridhwan di Bukit Rangan melahirkan ucapan terima kasih dengan sumbangan yang diberikan oleh UMP. Dalam program ini sukarelawan UMP yang terdiri daripada staf PIMPIN, UAE dan Persatuan Matahari turut berpeluang bermesra dan menjamu selera bersama keluarga dan anak-anak yang menerima manfaat ini.



2,000 hadir Menelusuri Jejak Merdeka

Lebih 2,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Program Jejak Pahlawan Merdeka anjuran UMP dan Radio PahangFM dengan kerjasama beberapa agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Pahang, Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Pahang, Jabatan Penerangan Negeri Pahang serta Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Program yang diadakan bersempena sambutan kemerdekaan Malaysia peringkat universiti bertemakan '#SehatiSejiwa' itu dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 3 September 2015 yang lalu.

Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Yang di-Pertua Persatuan Veteran ATM Negeri Pahang, Kapten (B) Abdul

Latiff Mohd Nor, Timbalan Pengarah Penyiaran Negeri Pahang, Nasrul Hakim Mohamad Nor dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal ATM, Leftenan Kolonel Azhar Hamdan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, sambutan kemerdekaan antara acara tahunan anjuran universiti ini pada setiap saban tahun dengan matlamat untuk menanamkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda serta mengenang jasa perajurit yang banyak berkorban demi mempertahankan negara sehingga mencapai kemerdekaan seperti yang kita dikmati hari ini.

"Program ini juga memupuk semangat patriotisme dan menghargai nilai perpaduan demi membina sebuah negara bangsa yang merdeka. Tambahan pula ia dapat memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai sejarah perjuangan pahlawan yang

telah pergi meninggalkan kita," katanya.

Dalam majlis yang sama turut diadakan majlis sesi berdialog bersama Kapten (B) Abd Latiff yang merupakan pesara tentera yang turut berjuang ketika serangan komunis.

Turut berlangsung deklamasi sajak kemerdekaan yang disampaikan Kapten Zainab Abu Bakar bersama juruhebah Radio PahangFM iaitu Zainordin Mohamad dengan penuh semangat patriotisme.

Sepanjang bulan kemerdekaan, UMP telah menganjurkan pelbagai program seperti pertandingan menghias pejabat dengan jalur gemilang, Kayuhan Merdeka dan Konvoi Merdeka membabitkan lebih 50 pemilik kenderaan Alza dan Proton Saga dari MyAlza Owner's Club dan Proton Saga BLM Owners' Club (PROSBOC) sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-58 peringkat UMP.





UMP anjur Ceramah Kenegaraan

Ketua Penolong Pengarah Bahagian *Counter Terrorism*, Cawangan Khas Bukit Aman SAC Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay menyampaikan Ceramah Kenegaraan kepada kira-kira 300 pelajar dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dewan Kuliah di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP Pekan pada 30 Oktober 2015 yang lalu.

Ceramah bertajuk 'Pengaruh Keganasan Antarabangsa Terhadap Kedaulatan Negara' itu dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI) bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-58 peringkat UMP pada tahun ini.

Dalam ceramahnya selama hampir dua jam itu, beliau berkata, kini unit siber kumpulan militan Negara Islam (IS) mampu mempengaruhi seawal usia kanak-kanak bagi menyertai perjuangan mereka di laman media sosial.

Katanya, perkara ini tidak mustahil kerana

unit siber IS memuat naik kira-kira 100,000 bahan propaganda mereka di Facebook dan Twitter setiap hari.

"Penilaian ini dibuat selepas risikan dan siasatan mendapati semua individu yang mempunyai akses kepada media sosial atau apa sahaja medium perhubungan melalui internet lain terdedah kepada pengaruh kumpulan militan IS.

Terbaharu, pihaknya turut mengesan kini dalam kalangan penyokong kumpulan militan IS akan membawa semua ahli keluarganya ke Syria untuk menyertai kumpulan itu," katanya.

Beliau turut menasihatkan agar orang ramai yang mempunyai maklumat supaya salurkan segera kepada polis dan kami akan pantau individu yang dilihat cenderung menyokong ideologi IS. Ia bagi memudahkan usaha kita membendung penyebaran fahaman yang menyimpang ini daripada berterusan.

Selain itu, beliau turut menasihatkan pelajar agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan ideologi kumpulan militan IS yang cuba merekrut anggota baharu khususnya golongan muda menerusi media sosial.

Malahan pelajar perlu berwaspada dengan pelbagai maklumat di media sosial khususnya yang boleh merosakkan masa hadapan mereka sehingga mengancam keamanan negara.

Menurut Nurul Nabilah Abu Bakar, 19, yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), sesi ceramah ini amat menarik dan banyak memberi pengetahuan mengenai pengaruh kumpulan militan IS.

Hadir sama dalam program, Ketua Pusat Kokurikulum, Ramli Abid, Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI), Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dan Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar UMP Pekan, Zainuddin Mat Husin.





BLPK anjur Program Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja

Berita dan foto oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Lebih 70 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada pelbagai jabatan menyertai Program Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja Menurut Perspektif Islam anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 14 September 2015 yang lalu.

Bagi Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris, program ini dikendalikan oleh

penceramah luar dari Asia Global Marketing & Consultant yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, motivasi dan kerja secara berpasukan.

“Program ini dilengkapi dengan sesi perbincangan dan pembentangan bagi membolehkan peserta program bebas memberikan pandangan dan cadangan terhadap perkara-perkara yang disampaikan oleh penceramah dan para peserta. Ia bertujuan meningkatkan kefahaman kepada warga kerja UMP berkenaan keperluan dalam membudayakan konsep kecemerlangan bekerja melalui penghayatan dan pelaksanaan nilai-nilai murni Islam yang universal,” katanya.

Penceramah, Ustaz Haji Muhammad Mukmin Haji Mukhtaruddin berkata, peserta program telah memberikan komitmen yang sangat baik bagi menjalani program atau kursus selama satu hari kerana mereka sentiasa aktif memberikan pandangan, cadangan dan komen bagi setiap tajuk program yang disampaikan.

Beliau yakin pihak pengurusan universiti sentiasa berusaha dalam menerapkan budaya kerja cemerlang untuk memberikan

perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan dan pemegang taruh di UMP.

Menurut peserta kursus, Mohd Badwi Yunus dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), menerusi program ini kita dapat memahami dengan lebih jelas berkenaan konsep kerja sebagai ibadah dan kaitannya dengan penghasilan prestasi kerja yang cemerlang.

Katanya, selama ini kita melaksanakan tuntutan agama dengan berdisiplin seperti solat fardu lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan sebagainya tetapi kebanyakan kita tidak menterjemahkannya dalam tugas dan kerja yang dilaksanakan.

“Program ini sangat berfaedah dalam memastikan nilai-nilai murni dapat dijadikan amalan berterusan dalam kehidupan seharian dan terhadap pekerjaan yang dilaksanakan,” ujar beliau.

Begitu juga dengan pandangan rakannya, Jasrul Izwan Jaafar Sidek dari FTeK, pencerahan yang disampaikan juga dapat menghayati falsafah dan ajaran Islam yang selari dengan keperluan menjadi insan untuk terus cemerlang.



50 staf baharu sertai Program Transformasi Minda

Oleh: SUHANA MOHD. NOR

Lebih 50 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Transformasi Minda (PTM) yang dianjurkan Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 8 September 2015 yang lalu.

Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris berkata, program merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan kepada semua staf baharu yang berstatus tetap yang menggantikan Kursus Induksi selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012.

"Penganjuran program yang dijalankan selama tujuh hari ini dimuatkan dengan pengisian ilmiah dan interaktif melibatkan penceramah dari dalam universiti serta membabitkan agensi luar yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Keselamatan Pahang yang memberikan pencerahan mengenai pengurusan integriti dan isu keselamatan," katanya.

Manakala topik lain yang juga disampaikan termasuklah pengenalan laluan kerjaya dalam perkhidmatan awam dan

pengenalan organisasi, budaya kerja kelas pertama, pengucapan awam, tanggungjawab dan peranan pegawai awam serta sistem pentadbiran negara.

Bagi staf dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Marlina Yakno berkata, menerusi program ini beliau dapat mengetahui dengan lebih jelas dan mendalam berkenaan peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul serta dilaksanakan sebagai penjawat awam.

Katanya, bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pelanggan yang terdiri daripada pelajar dan ibu bapa terutamanya, maka pemahaman terhadap falsafah penjawat awam amat perlu dan penting agar ia dijadikan budaya kecemerlangan dalam setiap tindakan yang dilaksanakan.

Selain itu, penerangan mengenai laluan kerjaya perkhidmatan awam memberikan maklumat yang jelas berkenaan peluang-peluang pembangunan kerjaya dan karier daripada peringkat permulaan kerja hinggalah ke peringkat prapersaraan dan persaraan kelak.

Program Transformasi Minda merupakan program yang sangat berfaedah bagi memastikan anggota pekerja UMP khususnya dan penjawat awam amnya dapat mengetahui peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan lebih jelas.

Begitu juga dengan staf Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI), Hanafi Anuwar yang menurutnya program ini membentuk sikap staf yang saling membantu dan bertoleransi untuk memastikan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) yang disasarkan dicapai sebaik mungkin.

Program berakhir dengan penilaian kefahaman berkenaan perkara yang telah disampaikan oleh penceramah melalui sesi ujian kefahaman yang perlu diduduki oleh semua peserta dan perlu lulus ujian kefahaman tersebut.



80 staf baharu sertai Program Orientasi

Berita dan foto oleh: SUHANA MOHD. NOR

Lebih 80 orang staf baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Orientasi Staf Baharu atau 'Selamat Datang Ke UMP' anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 29 September 2015 yang lalu.

Program dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator dari kalangan staf UMP sendiri meliputi pembangunan korporat, pengurusan kualiti, sumber manusia, hal-ehwal akademik, pengantarabangsaan, penyelidikan dan sebagainya.

Program bertujuan untuk memberikan input kepada staf baharu UMP berkenaan hasrat pihak pengurusan universiti terhadap peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi sama-sama menjayakan pencapaian visi dan misi UMP.

Dalam sesi sejenak bersama pengurusan universiti, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, kejayaan sesebuah organisasi atau universiti bukan faktor utamanya disebabkan oleh ketua jabatan tetapi disebabkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua lapisan staf di UMP yang mendokong kepada budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Manakala menurut Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, sebagai staf baharu mereka perlu memahami peranan dan tanggungjawab dalam usaha merealisasikan hasrat universiti dalam mencapai visi dan misi UMP.

"Sekiranya mereka memahami dan menghayatinya maka pastinya tidak timbul

isu segelintir staf yang tidak berdisipin dan tidak berintegriti.

"Staf perlu memanfaatkan program ini yang dapat memberi ilmu dan maklumat yang peroleh berkenaan universiti.

"Selain itu juga mereka perlu menghayati konsep kerja sebagai ibadah dalam melaksanakan tugas di tempat kerja masing-masing," katanya.

Peserta program Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Ahmad Fitri Yusop berpendapat menerusi program ini kita dapat memupuk semangat bekerja dengan lebih komited kerana kita mengetahui hasrat pihak pengurusan universiti dan peranan serta tanggungjawab yang perlu dimainkan.

Begitu juga dengan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Institut Pengajian Siswazah (IPS), Aisyatul Hanisah Mazri berkata, mereka berpeluang mengetahui fungsi utama universiti meliputi teras akademik, hal-ehwal pelajar, penyelidikan dan sumber manusia.



UMP bangun model kompetensi dan kepimpinan staf

Seramai 30 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP, Modul 1: Pembangunan Model Kompetensi dan Kepimpinan anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 2 Oktober 2015 yang lalu.

Program diadakan bertujuan mendapatkan input daripada pihak pengurusan universiti dan perwakilan bagi setiap gred perjawatan untuk dibangunkan model kompetensi dan kepimpinan.

Menurut Perunding, Profesor Madya Haji Shoki, model kompetensi dan kepimpinan merupakan perkara asas yang perlu

diwujudkan dalam proses pelaksanaan program pembangunan sumber manusia strategik yang meliputi program pengurusan bakat, pelan penggantian dan pra persaraan.

“Program ini sangat penting dalam proses pelaksanaan pembangunan sumber manusia secara menyeluruh kerana jika perancangan yang dirangka dilaksanakan sepenuhnya akan membolehkan hasrat pihak pengurusan universiti untuk melahirkan staf yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi akan dapat direalisasikan.

“Selain itu, model ini akan dijadikan asas dan panduan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan berkaitan pembangunan sumber manusia agar ianya selari dengan kehendak dan aspirasi pihak pengurusan universiti.

“Peserta ini telah diterapkan dengan pengetahuan keperluan universiti ini mempunyai model yang khusus berkaitan kompetensi dan kepimpinan agar program-program yang dijalankan bagi pembangunan sumber manusia mempunyai pegangan dan sasaran *outcome* yang jelas,” katanya.

Sementara itu, menurut Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie, kejayaan sesebuah organisasi atau universiti bukan

sahaja disebabkan oleh ketua jabatannya tetapi ia melibatkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua lapisan staf yang mendokong kepada budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Peserta program, Penolong Pendaftar Kanan, Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berkata, menerusi program ini kita dapat rasakan kebersamaan kerana turut dilibatkan dalam membangunkan aspek pembangunan sumber manusia yang akan menjadi dan panduan pihak universiti.

Katanya, penglibatan pelbagai pihak dan lapisan staf dalam pembangunan model tersebut akan dapat memastikan ia dapat memenuhi kehendak dan aspirasi bukan sahaja oleh pihak pengurusan universiti tetapi juga oleh semua lapisan staf.

Begitu juga dengan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK), Norfarizan Mohd. Daud, berpendapat pelaksanaan program pengurusan bakat dan pelan penggantian akan lebih efektif dan berkesan dengan mengambil kira pandangan semua pihak untuk kepentingan universiti ini.



50 staf tingkat pengetahuan pengurusan arkib berkesan

Berita dan foto oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Lebih 50 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Pengurusan Arkib (Fail dan Rekod) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) dengan kerjasama Arkib Negara yang diadakan di Dewan Tun Teja, UMP Kampus Gambang pada 29 September 2015 yang lalu.

Program sehari itu dikendalikan oleh Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang, Haji Ahmad Sukri Haji Abdul Kadir yang menyampaikan ceramah berkenaan pengurusan arkib yang meliputi sistem pemfailan dan rekod secara sistematik serta mengikut peraturan dan kaedah yang telah ditetapkan.

Menurut Haji Ahmad, program ini dapat memberikan input kepada staf yang terlibat secara langsung dalam operasi pengurusan fail dan rekod meliputi peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi memastikan fail dan rekod diuruskan dengan efektif dan efisien.

“Peserta telah diterapkan dengan pengetahuan berkenaan keperluan untuk pengurusan arkib meliputi urusan fail dan rekod. Sekiranya staf yang dipertanggungjawabkan berkaitan pengurusan arkib memahami dan mengetahuinya maka pastinya tidak timbul isu pengurusan fail dan rekod yang tidak efektif dan efisien,” katanya.

Tambah beliau, kursus ini merupakan program yang perlu dijalani oleh semua staf terutamanya kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan fail dan rekod.

“Fail dan rekod merupakan asas dalam pentadbiran di pejabat dan organisasi kerana keberkesanannya akan mengakibatkan keberkesanan staf dan jabatan,” ujar beliau.

Menurut seorang peserta, Penolong Pegawai Tadbir di Jabatan Pendaftar, Mohd Hafiz Mamat Izaha, menerusi program ini kita dapat memupuk semangat bekerja dengan lebih komited kerana kita mengetahui dengan lebih jelas dan mendalam berkenaan kaedah pengurusan arkib meliputi fail dan rekod.

Manakala Penolong Pegawai Tadbir, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Finny Mohamed berpendapat peserta dapat memanfaatkan sesi kali ini untuk menimba pengetahuan tentang mengurus fail dan rekod dengan berkesan mengikut peraturan serta pekeliling yang ditetapkan sebagai rujukan.



Program *Leadership Diagnostic* menilai prestasi kepimpinan ketua

Lebih 50 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terlibat secara langsung di bawah penyeliaan beberapa orang pegawai dan ketua jabatan dipilih menyertai Program *Leadership Diagnostic* anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang telah diadakan di Dewan Tun Fatimah dan Dewan Tun Teja, UMP Kampus Gambang pada 12 September 2015 yang lalu.

Menurut Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris, program ini bertujuan untuk mendapatkan input daripada staf yang diselia secara langsung oleh sekumpulan ketua jabatan atau penyelia yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan universiti yang berpotensi bagi menerajui sesebuah jabatan yang strategik.

“Program ini telah dikendalikan oleh fasilitator atau konsultan luar yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan bakat dan pelan penggantian. Program ini bersifat interaktif

dan peserta akan berbincang secara terbuka berdasarkan persepsi corak kepimpinan dan pengurusan organisasi. Semua maklum balas ini akan dianalisa bagi tujuan pembangunan kepimpinan,” katanya.

Bagi peserta program, Penolong Pegawai Tadbir, Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Norzarifah Samin berkata, menerusi program ini staf berpeluang memberikan pandangan dan cadangan secara bebas terhadap pengurusan dan kepimpinan ketua jabatan atau penyelia masing-masing.

“Ini merupakan pertama kali sepanjang bertugas di UMP mereka diberikan ruang dan peluang melalui mekanisme rasmi untuk memberikan pandangan, cadangan, komen dan kritikan terhadap ketua jabatan atau penyelia masing-masing secara ilmiah.

“Selain itu, ia membolehkan ketua jabatan dan penyelia berkenaan memperoleh input secara langsung daripada staf di bawah penyeliaan masing-masing yang boleh digunakan untuk menambah baik kelemahan atau kekurangan terhadap corak kepimpinan mereka.

“Apatah lagi ia sangat bermanfaat untuk universiti dalam memastikan pengurusan bakat dan pelan penggantian dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ia relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa,” ujar beliau.

Sementara itu, Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Shahrol Azmi Amzat berpendapat, program ini juga dapat membantu dalam meningkatkan prestasi pemimpin di jabatan dalam mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan pada peringkat jabatan.



UMP anjur program pengurusan bakat staf bukan akademik

Oleh: HAZMIN ARIS

Seramai 70 orang staf bukan akademik kategori Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional menyertai Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (Modul 2: Tahap Kompetensi dan Diskripsi Perilaku Staf) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang pada 9 Oktober 2015 yang lalu.

Program bertujuan mengumpulkan input daripada pihak pengurusan universiti dan perwakilan bagi setiap gred perjawatan untuk diperincikan Model Kepimpinan dan Kompetensi Staf UMP melalui beberapa siri penambahbaikan yang dijadikan asas dan panduan dalam setiap perancangan dan

pelaksanaan tindakan berkaitan pembangunan sumber manusia.

Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie berkata, peserta program dipilih berdasarkan beberapa kriteria, terutamanya di kalangan mereka yang sentiasa aktif memberikan cadangan, pandangan, syor, komen dan kritikan.

“Maklumat yang diperlukan ini penting bagi memastikan objektif program dapat dicapai dalam usaha mendokong budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

“Komitmen yang diberikan oleh semua ketua atau wakil bagi setiap skim atau gred perjawatan amat positif terutamanya daripada pihak pengurusan tertinggi dan ketua jabatan terutamanya melibatkan Bendahari, Ketua Pustakawan, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Pemangku Pengarah Kerja Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH) dalam sesi memuktamadkan tahap kompetensi jawatan adalah sangat baik,” katanya.

Menurutnya, hasil dapatan daripada program ini bakal digunakan dalam sesi Modul 3 selain merangka soalan-soalan yang akan digunakan dalam sesi penilaian terhadap staf UMP yang bergred 11 dan 32.

“Di samping itu juga melalui program ini peserta dapat memperincikan pembangunan

model yang meliputi klasifikasi, kompetensi, atribut, tahap kompetensi, tahap kompetensi jawatan dan rubrik tahap kompetensi,” ujar beliau.

Sementara itu, bagi perunding berpengalaman dalam bidang ini, Profesor Madya Haji Shoki berkata, pembangunan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP ini meliputi program pengurusan bakat, plan penggantian dan prapersaraan.

Katanya, pembangunan Modul 2 ini memerlukan komitmen dan tumpuan peserta secara maksimum kerana dapatan yang dihasilkan ini sangat penting dalam proses pelaksanaan pembangunan sumber manusia secara menyeluruh.

Bagi Pegawai Latihan Vokasional Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Mohd Badwi Yunus berpendapat penglibatan pelbagai lapisan staf ini dapat memastikan ianya memenuhi kehendak dan aspirasi bukan sahaja oleh pihak pengurusan universiti tetapi juga oleh semua lapisan staf universiti.

Begini juga dengan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Sabri Ahmad Hisham yang menyatakan pelaksanaan pengurusan bakat dan plan penggantian menjadi lebih efektif dan efisien kerana pembentukannya mengambil kira semua pihak yang berkepentingan di universiti ini.



Program TransU perkukuh perasaan sayang kepada universiti

Berita dan foto oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Penganjuran Program 'Transformation for You and UMP' (TransU) anjuran Jabatan Bendahari dengan kerjasama Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menyemai dan memperkukuh perasaan sayang terhadap universiti.

Bertemakan motto 'Menyayangi UMP Seperti Menyayangi Diri Sendiri', program melibatkan lebih 80 orang staf ini dijalankan di Cheringin Hills Convention & Spa Resort Bentong Pahang pada 2 Oktober 2015 yang lalu dengan kendalian penceramah bertauliah dan berpengalaman luas dalam penerapan dan pelaksanaan konsep kerja secara berpasukan, kepimpinan dan komunikasi.

Menurut Bendahari, Zainudin Othman, program yang dirancang bersama dengan pihak BLPK ini adalah selari dengan dasar pihak pengurusan universiti yang tidak lagi membenarkan pelaksanaan program *team building* secara sendiri.

"Semua program sebegini perlu mendapat penilaian daripada BLPK agar modul dan pengisiannya selari dengan yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan universiti.

"Program bertujuan memastikan semua staf di Jabatan Bendahari ini diberikan input berkaitan budaya kerja secara berpasukan, mengamalkan kepimpinan yang berkesan dan menggunakan kaedah komunikasi yang betul.

"Ini adalah sangat penting bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan pada setiap individu, unit dan bahagian di Jabatan Bendahari agar dapat dicapai seperti mana yang telah disasarkan," ujar beliau.

Jelas beliau lagi, bagi mencapai matlamat atau sasaran yang telah ditetapkan, ia

memerlukan gabungan usaha dan tenaga semua staf pelbagai jawatan untuk menyumbangkan idea, cadangan, komen dan seterusnya merangka perancangan serta strategi bagi melaksanakan tindakan yang bersesuaian untuk mencapai sasaran atau objektif tersebut.

"Malahan, ketua jabatan perlu memahami peranan yang perlu dimainkan termasuklah dengan staf jabatannya agar KPI yang telah ditetapkan dapat dicapai bersama.

"Dengan mengandaikan seperti pasukan bola sepak Manchester United yang berjaya menjuarai Kejuaraan Liga Bola Sepak England sejak kebelakangan ini adalah bersandarkan kepada pelaksanaan kerja secara berpasukan di mana setiap pemain memahami peranan dan tanggungjawab yang telah ditetapkan untuk memastikan jaringan gol terhadap pasukan lawan dapat dijayakan dan kekangan asakan pihak lawan dapat dipatahkan bagi menghalang jaring sendiri dibolosi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris berkata, program *team building* telah lama dilaksanakan oleh kebanyakan jabatan menggunakan bajet masing-masing yang diperuntukkan setiap tahun.

"Bagaimanapun, kebanyakan jabatan tidak melaksanakan program tersebut mengikut modul dan pengisian program yang sepatutnya menyebabkan objektif atau sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai.

"Justeru, bagi mengatasi masalah atau isu tersebut maka sudah tiba masanya diselaraskan pelaksanaan program *team building* yang dilaksanakan oleh PTJ agar seragam, mempunyai matlamat yang sama dan mencapai sasaran yang ditetapkan selari dengan motto program iaitu 'Menyayangi UMP Seperti Menyayangi Diri Sendiri'," katanya.

Manakala bagi konsultan atau penceramah yang dilantik, Umar Abu Bakar daripada syarikat perundingan latihan terkenal di Malaysia berkata pelaksanaan program ini telah direka modulnya oleh pihak UMP melalui BLPK yang telah membuat kajian dengan mendalam bagi setiap pengisian program dan *outcome* yang akan dihasilkan.

Tambah beliau lagi, selain itu, ia telah dibangunkan dengan teliti dengan mengambil kira penandaarasan pelaksanaan program yang sama dijalankan di universiti penyelidikan dan beberapa universiti terkemuka di luar negara.

Para peserta diberikan input-input yang terperinci dan jelas berkenaan budaya kerja secara berpasukan, kepentingan kerja secara berpasukan, kaedah kepimpinan yang sesuai digunakan dan metodologi komunikasi yang berkesan.

Bagi peserta, Pegawai Kewangan Kanan, Jabatan Bendahari, Sapri Abdul Kassim @ Hasan berpendapat menerusi program ini dapat memupuk semangat kerja secara berpasukan dengan kaedah yang betul melalui tindakan, komunikasi dan gaya kepimpinan yang bersesuaian selari dengan situasi dan persekitaran kerja yang dilalui.

Begitu juga dengan Penolong Akauntan Kanan, Jabatan Bendahari, Hishamuddin Ishak yang berkongsi pendapat kebanyakan aktiviti yang dijalankan memupuk semangat bekerjasama, bertoleransi dalam mencapai objektif yang sama dalam meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Dalam program ini, peserta turut didedahkan dengan aktiviti dalam dan luar kelas termasuk program kerohanian, berakit, merempuh halangan dan sebagainya.



UMP laksana Program Pengurusan Bakat *ULead*

Seramai 50 orang staf kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih menjalani Sesi Penilaian: Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead* UMP) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan selama tiga hari di Perpustakaan, UMP Kampus Pekan pada mulai 24 November 2015 yang lalu.

Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie berkata, sesi Penilaian Program *ULead* UMP ini bertujuan mengenal pasti bakat dan potensi staf bagi program Pengurusan Bakat dan Himpunan Bakat dan melaksanakan penilaian kompetensi kepimpinan dan teras UMP serta membangunkan profil individu dan membangunkan Pelan Pembangunan Individu (IDP) staf kategori Gred 41.

“Universiti memerlukan staf yang berbakat bagi membangunkan dan memajukan universiti untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Pengesanan bakat staf UMP sukar dilakukan dengan tepat dan berkesan jika pelaksanaan sedia ada diteruskan kerana ia kurang sistematik,” katanya.

Ujar beliau, program mengetengahkan kaedah dan metodologi yang sistematik digunakan bagi memastikan para peserta diuji agar mereka dapat menyerlahkan potensi dan bakat yang diperlukan terutamanya meliputi aspek kepimpinan.

“Para peserta yang terpilih perlu melalui program ini sebaik

mungkin bagi memastikan outputnya nanti akan memastikan mereka terkelompok di dalam Himpunan Bakat yang diperlukan oleh pihak pengurusan universiti,” katanya.

Sementara itu bagi Timbalan Pendaftar, BLPK Hazmin Aris berkata, sesi penilaian ini merupakan paling kritikal dan penting dalam Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead*) meliputi program Pengurusan Bakat, Himpunan Bakat, Pelan Penggantian dan Profil Staf yang menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UMP 2016-2020 ‘Menuju Kegemilangan’.

Katanya, sesi ini merangkumi pengurusan bakat di mana semua staf mempunyai bakat yang perlu dikenal pasti dan dibangunkan dengan matlamat untuk membangunkan mereka yang berpotensi tinggi untuk menduduki jawatan kritikal dan strategik.

“Manakala pelan penggantian adalah perancangan menggunakan kaedah yang sistematik dalam mengenal pasti, menilai dan membangunkan keupayaan staf bagi memenuhi keperluan universiti pada masa kini dan akan datang,” ujarnya.

Manakala menurut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Haji Abdullah Fairuzullah Ahmad, menerusi sesi penilaian ini peserta mengetahui tahap kompetensi kepimpinan meliputi aktiviti dan tugas yang telah ditetapkan meliputi kajian kes, *business/management game*, *Behaviour Event Interview* (BEI), *the pitch* dan *brainstorming*.

Begitu juga dengan staf jabatan Bendahari, Norliza Arshad berkata, melalui program ini para peserta dapat kenalpasti bakat dan potensi kepimpinan mereka kerana program yang telah disusun adalah amat padat dan mencabar keupayaan para peserta.

Mereka telah diberikan tugas dengan peruntukan masa yang terhad selari dengan realiti kerja seharian yang sering berdepan dengan situasi yang mencabar kerana tugas-tugas kerja perlu disiapkan mengikut tarikh akhir yang telah ditetapkan.

Malahan peserta juga perlu memastikan tugas yang diberikan dapat disiapkan dengan segera tetapi berkualiti hasilnya memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh penilai.



60 staf sertai *ULead* UMP tingkat kompetensi kepimpinan staf

Oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Seramai 60 orang staf kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 menghadiri Sesi Taklimat Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead* UMP) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan pada 13 November 2015 yang lalu di Auditorium, Perpustakaan, UMP Kampus Gampang.

Program bertujuan memberi penerangan mengenai proses pelaksanaan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead* UMP) meliputi program Pengurusan Bakat, Pelan Penggantian dan Profil Staf yang menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan 'Menuju Kegemilangan'.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, pelantikan perunding yang berpengalaman luas dalam bidang pembangunan sumber manusia iaitu Profesor Madya Haji Shoki mampu menjayakan program ini.

"Program *ULead* UMP dirangka secara sistematik dan khusus bagi mengenal pasti bakat-bakat yang ada pada staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 yang merupakan barisan pelapis bagi mengambil alih kepimpinan sedia ada di jabatan khususnya dan universiti amnya," katanya.

Beliau berkata, selama ini universiti telah melaksanakan Program

Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian, bagaimanapun melalui program *ULead* UMP ianya akan menjadi lebih sistematik, efektif dan efisien.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Shahrol Azmi Amzat, melalui sesi taklimat ini beliau lebih jelas tentang pelaksanaan program *ULead* UMP dan faedahnya kepada staf dan universiti.

Beliau pada awalnya bimbang dan khuatir untuk menjalani program ini kerana menyangka terpaksa membaca banyak buku dan dokumen sepertimana pelaksanaan Penilaian Tahap Kompetensi (PTK) dulu bagi memastikan saya dapat melalui sesi penilaian dengan lancar dan jaya. Namun sangkaannya meleset kerana input yang diberikan melalui sesi taklimat ini menekankan fokus penilaian program *ULead* UMP berdasarkan kepimpinan.

Begitu juga dengan Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Nurull Syamimi Ahmad Abzan menjelaskan program anjuran universiti ini mampu menjayakan program pengurusan bakat dan pelan penggantian.

Manakala Penolong Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Zahiruddin Mohd. Zain melahirkan rasa berbangga kerana terpilih mengikuti program *ULead* UMP ini bagi mengenal pasti bakat kepimpinan yang ada pada dirinya.

"Melalui program ini staf sendiri akan mengetahui secara sistematik berkenaan gaya kepimpinan yang digunakan dalam melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan kemahiran kepimpinan dapat digunakan dalam menguruskan staf agar Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan dapat dicapai," katanya.

Begitu juga Pegawai Teknologi Maklumat, PTKM, Emmie Sharina Abdul Kadir berpendapat bakat kepimpinan perlu diperingkatkan terutamanya dalam mengendalikan tugas dan projek yang memerlukan pelaksanaan secara berpasukan bagi memandu staf yang lain mencapai matlamat yang ditetapkan.



BLPK anjur program kesiapsiagaan menghadapi banjir

Oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Seramai 100 orang staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Kesiapsiagaan Banjir 2015 anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) dan Jawatankuasa Kerja Sukarelawan Bencana dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam (JPAM).

Program dijalankan serentak di kedua-dua kampus bertempat di Dewan Tun Teja, UMP Gambang dan Dewan Kuliah Utama, PBMSK, UMP Pekan pada 9 Disember 2015 yang lalu.

Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana UMP berkata, semua pihak dalam universiti perlu bersedia untuk menghadapi musim banjir yang kini secara konsisten berlaku setiap tahun antara bulan Disember dan Januari.

“Masalah yang telah menjadi kelaziman perlu ditangani secara lazim dengan sentiasa berusaha untuk menambahbaik setiap aspek pengurusan. Malahan tindakan pencegahan perlu dilakukan lebih awal untuk meminimumkan kerugian, kerosakan, kehilangan harta benda dan sebagainya.

“Melalui program ini semua peserta akan diberikan input secara sistematik berkenaan tindakan persediaan, semasa banjir dan selepas banjir. Ianya akan membolehkan bencana banjir dapat ditangani dengan efektif dan efisien,” katanya.

Menurut beliau, setiap perkara dan tindakan berkenaan banjir perlu diuruskan secara teliti agar tidak berlaku kelemahan atau kecuaihan yang boleh mengakibatkan permasalahan yang besar timbul. Contohnya sebagai tindakan pencegahan, para sukarelawan telah mula digerakkan ke sekolah-sekolah yang berisiko tinggi ditelenggami air banjir dengan tindakan dan gerak kerja memindahkan kerusi, meja dan lain-lain peralatan dan perabot ke tempat atau aras bangunan yang lebih tinggi bagi mengelakkan kerosakan.

“Hasil daripada tindakan tersebut, semua perabot dan peralatan yang berada di tingkat bawah bangunan sekolah telah dipindahkan dan dikosongkan. Sekiranya berlaku banjir maka tiada perabot atau peralatan yang rosak atau musnah. Tambahan pula sekarang ini

telah bermula cuti persekolahan yang mana tindakan tersebut tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran murid sekolah terbabit,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris berkata, penganjuran program ini dapat mendedahkan kepada peserta mengenai operasi pengurusan bencana khususnya banjir sebagai persediaan yang perlu dilakukan secara sistematik ketika berdepan dengan musibah banjir.

Katanya, program ini menekankan kepada aspek tindakan dan pelaksanaan semasa banjir berlaku mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan melalui penyelarasan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dalam program ini Kapten Bersekutu (PA) Mohd Akram Abdul Razak turut berkongsi pengalaman menyertai misi kesukarelawanan semasa banjir melanda Pantai Timur beberapa tahun lalu.

Penganjuran program ini perlu diteruskan dalam meningkatkan usaha menguruskan masalah banjir melibatkan beberapa agensi seperti Polis DiRaja Malaysia, BOMBA, JPAM, Tentera dan sebagainya. Malahan inisiatif yang dilaksanakan oleh UMP ini juga dapat membantu agensi-agensinya yang terlibat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mangsa-mangsa banjir.

Melalui program ini diharapkan para peserta dapat memahami peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi berhadapan dengan bencana banjir yang semakin tahun semakin memburuk selari dengan perubahan cuaca dunia.

Warga UMP perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi dan menangani bencana banjir dengan efektif dan efisien agar pihak yang membantu dan pihak yang dibantu dapat melalui bencana ini dengan lancar serta dapat meminimumkan ketidakcekapan dan ketidakpuashatian.

Begitu juga dengan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Sukarelawan, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais berpendapat, selama ini kemungkinan sebahagian besar warga UMP meliputi staf dan belajar terlibat dengan aktiviti sukarelawan banjir namun kekhuatiran yang timbul adalah sejauhmana mereka memahami dan menghayati peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan.

“Justeru, input yang diperoleh melalui program ini dapat membolehkan para sukarelawan lebih menghayati tugas yang perlu dilaksanakan,” katanya.

Beliau menyeru seluruh warga universiti untuk sama-sama menyumbang tenaga menyertai sukarelawan universiti serta mendaftar sebagai sukarelawan JPAM untuk terus memberi sumbangan dan berbakti kepada negara.



Program Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian, Pemangkin 'Menuju Kegemilangan' UMP

Berita dan foto oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Seramai 50 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44 dan ke atas telah dipilih menyertai Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Modul 3: *Assessment Tools* anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) pada 6 November 2015 yang lalu.

Program ini dikendalikan oleh penceramah atau fasilitator luar yang berwibawa dan sangat kompeten serta berpengalaman luas dalam bidang pembangunan sumber manusia.

Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie berkata, program bertujuan untuk mengenalpasti bakat dan potensi staf bagi program Pengurusan Bakat dan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead*), melaksanakan penilaian kompetensi kepimpinan dan teras UMP serta membangunkan profil individu dan membangunkan Pelan Pembangunan Individu (IDP) staf kategori Gred 41.

"Program mendapat khidmat perunding yang dilantik dalam usaha membangunkan metodologi soalan dan penilaian klasifikasi, kompetensi, atribut, tahap kompetensi, tahap kompetensi jawatan dan rubrik tahap kompetensi dengan penekanan pembangunan dan memuktamadkan soalan-soalan dan penilaian," katanya.

Menurut beliau, peserta yang terlibat telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria, terutamanya dalam kalangan mereka yang sentiasa aktif memberikan cadangan, pandangan, syor, komen dan kritikan kerana input daripada mereka adalah amat diperlukan untuk memperincikan *assessment tools* tersebut.

"Selain itu, kejayaan menyiapkan sesi Modul 3 ini amat bergantung kepada keberkesanan setiap peserta dalam melontarkan idea dan pandangan serta cadangan penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan *outcome* yang disasarkan dapat dicapai.

"Kejayaan melengkapkan perincian *assessment tools* tersebut bukan faktor utamanya disebabkan oleh peranan fasilitator atau perunding yang dilantik tetapi ianya adalah disebabkan oleh peranan dan tanggungjawab serta komitmen yang dimainkan oleh semua peserta dipilih kerana telah membudayakan kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi," katanya.

Ujarnya, komitmen yang diberikan oleh semua peserta dalam

sesi memuktamadkan *assessment tools* adalah sangat baik di mana *outcome* yang diharapkan akan dicapai mengikut perancangan yang telah ditetapkan. *Outcome* tersebut dapat digunakan dalam sesi Modul 4 nanti yang antara aktiviti penting dan utamanya adalah untuk Sesi Penilaian bakat dan potensi staf UMP yang kategori Gred 41.

Manakala menurut Perunding, Profesor Madya Haji Shoki, modul 3 adalah yang paling kritikal dan penting dalam proses pembangunan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead*) meliputi program pengurusan bakat, pelan penggantian dan profil staf yang menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UMP 2016-2020 'Menuju Kegemilangan'.

Katanya, program kali ini sangat memerlukan komitmen dan tumpuan peserta secara maksimum kerana *outcome* yang dihasilkan sangat penting dalam proses pelaksanaan program pembangunan sumber manusia secara menyeluruh kerana jika perancangan yang dirangka dilaksanakan sepenuhnya akan membolehkan hasrat pihak pengurusan universiti untuk melahirkan anggota pekerja yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi akan dapat dicapai.

Bagi Timbalan Pegawai Kewangan, Jabatan Bendahari, Norliza Arshad, program ini membolehkan setiap kumpulan yang telah dibahagikan membincangkan secara terperinci setiap elemen yang terdapat dalam Model 3 ini meliputi Kaedah Penilaian dan Teknik Intervensi.

"Melalui kaedah penilaian ianya meliputi aspek konfrantasi, 'pancung', kajian kes, kajian kes kompleks, *business/management game*, *Behaviour Event Interview* (BEI), pemerhatian, *the pitch* dan *brainstorming*. Manakala Teknik Intervensi meliputi kaedah *spitting in clients soup*, *encouragement*, *reverse* dan *black/white/grey*," katanya.

Begitu juga dengan Timbalan Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti, Haji Abdul Shukur Ishak berkata, program ini memanfaatkan universiti dalam memastikan pelaksanaan program pengurusan bakat dan pelan penggantian lebih efektif dan efisien kmemandangkan pembangunan dan penyediaan *assessment tool* dengan mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan di universiti ini.

Manakala menurut Penasihat Undang-undang, Datin Wan Maizurina Wan Othman, menerusi program ini secara tidak langsung dapat memupuk semangat kerja secara berpasukan dalam menyiapkan tugas bagi penyediaan *assessment tools* yang dipertanggungjawabkan bagi setiap kumpulan.

Katanya, setiap kumpulan dapat membangunkannya dengan kaedah yang betul melalui mekanisme yang terkini dan bersesuaian selari dengan situasi dan persekitaran universiti yang terkini.

Rakannya, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dari Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) berpendapat melalui program ini kita sebagai peserta berasa sangat bangga kerana dapat menyumbang kepada universiti melalui pembangunan Modul 3: *Assessment Tools* yang belum pernah dimiliki oleh universiti bagi melaksanakan Program Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian.



BLPK anjur TransU sasar elemen menuju kegemilangan

Berita foto oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Lebih 50 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program *'Transformation for You and UMP'* (TransU) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Cheringin Hills Janda Baik, Pahang pada 30 Oktober 2015 yang lalu.

Program yang menggunakan motto 'Menyayangi UMP Seperti Menyayangi Diri Sendiri' itu dikendalikan penceramah bertauliah dan berpengalaman luas dalam menerapkan konsep kerja secara berpasukan serta memupuk daya kepimpinan dan komunikasi berkesan.

Program diadakan bertujuan memperkasakan staf bagi mengamalkan budaya kerja secara berpasukan, kepimpinan yang berkesan dan komunikasi yang strategik selari dengan tema Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu 'Menuju Kegemilangan'.

Timbalan Pendaftar BLPK, Hazmin Aris berkata, Naib Canselor UMP dalam Sesi Taklimat Kesediaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah menyatakan staf UMP perlu membudayakan pelaksanaan kerja yang berinovasi dan 'berfikir di luar kotak' bagi memastikan UMP menyaingi malahan melangkaui universiti-universiti penyelidikan (RU) lain.

Justeru, melalui program TransU, para peserta telah disuntik dengan elemen-elemen pembudayaan kerja secara berinovasi dan 'berfikir di luar kotak' melalui input dan aktiviti memupuk kepimpinan, berkomunikasi secara strategik dan kerja secara berpasukan bagi mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.

Bagi konsultan atau penceramah yang dilantik, Umar Aziz Ramli daripada syarikat perundingan latihan terkenal di Malaysia berkata, pelaksanaan program ini telah direka modulnya oleh pihak UMP melalui BLPK yang telah membuat kajian dengan mendalam bagi setiap pengisian program dan *outcome* yang akan dihasilkan.

"Ianya dibangunkan dengan teliti dengan mengambil kira penandaarasan pelaksanaan program yang sama seperti di Universiti Penyelidikan (RU) lain termasuk di universiti terkemuka luar negara.

"Para peserta diberikan input-input yang terperinci dan jelas berkenaan budaya kerja secara berpasukan, kepentingan kerja secara berpasukan, kaedah kepimpinan yang sesuai digunakan dan metodologi komunikasi yang berkesan.

"Komitmen yang ditunjukkan oleh peserta adalah sangat baik di mana sepanjang program berjalan para peserta telah menepati masa yang telah ditetapkan, berdisiplin dan berdedikasi dalam menyempurnakan setiap tugas dan cabaran yang diberikan," katanya.

Menurut peserta Dr. Muhammad Aizzat Zakaria dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), program ini dapat memupuk semangat kerja secara berpasukan dengan kaedah yang betul melalui tindakan, komunikasi dan gaya kepimpinan yang bersesuaian selari dengan situasi dan persekitaran kerja yang dilalui.

Selain itu, menurut Dr. Zuriani Mustaffa pula dari Fakulti Sistem Komputer &

Kejuruteraan Perisian (FSKPP), pembudayaan kerja secara berpasukan, kepimpinan dan komunikasi yang strategik yang diperoleh melalui program ini sangat berfaedah dan membantu bagi meningkatkan kaedah pengurusan dan operasi kerja di jabatan.

"Manakala aktiviti luar yang dijalankan sangat menyeronokkan kerana ia agak mencabar minda dan fizikal serta menguji kesabaran setiap peserta yang terlibat.

"Aktiviti tersebut telah dikupas secara terperinci oleh fasilitator dan para peserta dapat mempelajari aspek-aspek kelemahan dan kekuatan pada diri masing-masing yang tersingkap dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

"Saya menjadi semakin berani dan kreatif menghadapi sebarang cabaran dan permasalahan yang timbul di jabatan dalam pelaksanaan kerja-kerja seharian," ujar beliau.

Begitu juga Dr. Mohd Ashraf Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berpendapat pengisian kerohanian yang diberikan melalui program ini adalah selari dengan Nilai Teras UMP yang pertama iaitu 'Hubungan Yang Erat Dengan Pencipta' kerana penceramah yang dilantik begitu berwibawa kerana dapat memberikan kesedaran tentang keperluan dan tanggungjawab kita semua sebagai staf UMP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

"Ia dapat memastikan segala amalan baik yang dilakukan bagi mematuhi suruhan agama dan menghindari larangan agama dapat dikaitkan dengan kerja-kerja seharian yang dilaksanakan. Ia membolehkan amalan-amalan baik yang dilaksanakan semasa beribadah kepada Tuhan dapat diteruskan dalam menjalankan amanah pelaksanaan peranan dan fungsi sebagai anggota pekerja di UMP bagi mencapai dan merealisasikan Visi dan Misi UMP," katanya.



Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Uji Ketahanan Disiplin dan Mental Peserta

Oleh: KAPT. PROFESOR MADYA IR. DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Kedengaran suara teriakan Ketua Kontinjen Perbarisan memecahkan keheningan suasana pagi di Kem 512 Askar Wataniah (AW) Padang Midin Kuala Terengganu dalam sesi latihan yang berlangsung selama sebulan bermula dari 5 Ogos 2015 sehingga 3 September lalu di Kuala Terengganu.

Begitulah senario yang berlaku apabila seramai 159 orang anggota AW telah berjaya menamatkan latihan Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS) siri 3/2015 yang diadakan bersama anggota AW dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Dalam program ini seramai 52 orang anggota UMP yang bernaung di bawah Batalion Pertama, Rejimen 505 Askar Wataniah, Taman Gelora telah menghadiri kursus ini yang diadakan melalui strategi lautan biru (*Blue Ocean Strategy*) melibatkan UMT dan UNISZA.

Menurut Penasihat Askar Wataniah UMP, Kapt. Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, sepanjang berkursus peserta menjalani latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak, latihan hutan, peperangan konvensional (CW), peperangan hutan (CIW), ilmu medan perang (IMP) dan ikhtiar hidup.

“Objektif kursus ini adalah bertujuan membentuk tahap disiplin yang tinggi dikalangan pelajar-pelajar dan staf UMP, melatih dari segi kekuatan mental dan jasmani serta menjadikan mereka lebih yakin dan berkepercayaan,” katanya.

Tambah beliau, penglibatan staf dalam kursus ini juga merupakan kerjasama strategik di antara Unit Askar Wataniah dan Bahagian

Pembangunan Sumber Manusia UMP di dalam memantapkan organisasi keselamatan dan menjadikan anggota lebih berdisiplin, menepati masa dan berketerampilan.

Pendedahan kepada aktiviti-aktiviti lasak, latihan kawad dan ikhtiar hidup kepada anggota-anggota ini akan menjadikan mereka lebih berkeyakinan dan bijak menguruskan masa mereka dengan lebih berkesan.

Sehingga kini katanya, UMP mempunyai seramai 110 orang anggota wataniah termasuk pelajar dan staf. Bagi aktiviti wataniah, pelajar dan staf perlu menghadiri beberapa siri kursus yang lain bagi peningkatan kerjaya di dalam Perkhidmatan Darat Angkatan Tentera Malaysia.

Sementara itu, perbarisan penutup dirasmikan oleh Timbalan Komander Rejimen 512 AW Kem Padang Midin Kuala Terengganu, Lt. Kol Burhan Sagoni dan Timbalan Komander Rejimen 505 AW Kem Sungai Miang Pekan, Lt. Kol Zaini Mohamed.

Dalam ucapannya, beliau berbangga dengan tahap disiplin dan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh anggota-anggota sepanjang kursus berjalan dan tiada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Dalam majlis ini turut berlangsung penyampaian hadiah kepada para pemenang hadiah kecemerlangan kursus iaitu peserta keseluruhan terbaik, akademik terbaik, menembak, kawad terbaik dan platoon terbaik.

Dalam program ini menyaksikan pelajar Tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, PJM Nurul Asyiqin Ahmad Kabri berjaya merangkul hadiah akademik terbaik bagi kursus yang dijalankan ini.

Bagi staf Bahagian Keselamatan UMP, PJM Shahrizal Ariffin yang menyertai program melahirkan rasa berbangga dapat menyertai program bagi meningkatkan tahap disiplin, ketrampilan dan kepimpinan mereka untuk diaplikasikan dalam kerjaya mereka.

Unit Askar Wataniah UMP turut terlibat dalam penyertaan aktiviti perbarisan perarakan sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang yang berlangsung di Padang kamunting Kuantan memabitkan seramai 78 orang anggota dengan diketuai oleh Kapt. Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) serta dibantu oleh Lt. Hazami Che Husin daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).



Pelajar tunai tanggungjawab pilih perwakilan dalam pilihan raya kampus

Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memilih calon Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2015/2016 yang diadakan pada 7 Oktober 2015 yang lalu berjalan lancar apabila pelajar masing-masing turun padang memilih calon mereka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin yang ditemui selepas mengumumkan keputusan PRK berkata, proses pemilihan kali ini berjalan lancar dengan 27 kerusi dipertandingkan.

Daripada 27 kerusi yang dipertandingkan itu, sebanyak sembilan kerusi adalah kerusi umum dan lapan belas kerusi fakulti. Beliau berkata, 14 calon pelajar diisytiharkan menang tanpa bertanding selepas tiada persaingan bagi merebut kerusi MPP.

"Sesi pemilihan masih menggunakan

e-Voting sepertimana yang telah kita gunakan sejak 2003 sememangnya memudahkan proses pengundian dengan mendapatkan keputusan yang segera.

"Para pelajar yang keluar memilih pencalonan seawal jam 9.00 pagi berakhir jam 5.00 petang dan telah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan," kata Profesor Dato' Dr. Yuserrie.

Antara pemenang iaitu Mohammad Hafizuddin Rasid, Che Abdul Hafiz Che Yahya dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) manakala Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dimenangi Nooratikah Abdul Razak dan Thor Kait Wei.

Bagi Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dimenangi oleh Amalinna Izweena Mohamed Rawi dan Lee KUan Hui serta Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dimenangi oleh Muhammad Ameen Abdul Azis dan Anja Fahsya Nasrun Adil.

Sementara itu bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) dimenangi oleh Nor Adihan Nor Azman dan Nur Nadzirah Ahmad Ridzuan manakala Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pula dimenangi oleh Muhammad Zakuan Abdul Rahman dan Nurul Najihah Najlaa Noor Hamdan dan Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dimenangi oleh Fauziah Abdul Rahman dan Foo Weng Kar.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) pula dimenangi oleh Norhaida Wati Mamat dan Muhammad Izzat

Izzuddin Naïmullah Hassim dan bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dimenangi oleh Che Ahmad Fathi Che Mohamad dan Mohammad Redzud Ras Abdul Rask.

Pilihan raya kampus UMP berlangsung dalam suasana aman dan terkawal apabila seramai 42.6 peratus pelajar hadir mengundi memilih barisan kepimpinan mahasiswa melibatkan dua pusat undian di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan dan Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.





MPP UMP yang baharu angkat sumpah tunai kewajipan

Seramai 27 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Sesi 2015/2016 mengangkat sumpah menunaikan kewajipan dan taat setia di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pada 9 Oktober 2015 yang lalu.

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis mengangkat sumpah jawatan ahli MPP UMP sesi 2015/2016 ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Bankuet Canselori UMP Kampus Gambang.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menasihatkan agar gelanggang MPP itu bukanlah mewakili segala-galanya di dunia ini banyak lagi sebenarnya cabaran yang menanti anda selepas ini, apatah lagi setelah tamat pengajian kelak.

"Gelanggang MPP ini sebagai satu *training ground for statesmanship*, di mana MPP perlu belajar untuk bertanggungjawab (*accountable*) terhadap sebarang keputusan yang diambil.

"Perspektif terhadap gelanggang MPP itu perlu diubah daripada medan perebutan kuasa kepada semainan subur kesjaranaan dan kebijaksanaan yang memberi impak kepada komuniti mahasiswa secara keseluruhannya," katanya.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir turut menyentuh

mengenai Fasa Pelan Strategik UMP 2016-2020 ke arah menjadikan UMP sebuah universiti gemilang pada tahun 2020. Justeru, pemimpin mahasiswa perlu berperanan secara proaktif dan terarah dalam proses reka bentuk Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"Di samping itu juga mahasiswa perlu juga menekuni semangat yang mendasari pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Rancangan Malaysia Ke-11.

Tambahnya, pemahaman terhadap kandungan kedua-dua dokumen dasar tersebut akan membolehkan barisan MPP membentuk gambaran minda yang realistik terhadap apa sebenarnya hala tuju pendidikan tinggi Malaysia pada masa hadapan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan MPM sesi 2014/2015 diketuai Mohammad Syafiq Ali atas sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan sepanjang penggal perkhidmatan mereka.

Sementara itu, Yang di-Pertua MPP yang baharu dilantik, Madyasir Ahmad Basir berazam sentiasa komited dalam membantu pihak universiti untuk memartabatkan kecemerlangan ilmu dan sebuah universiti gemilang.

Bagi jawatan Timbalan Yang di-Pertua di UMP Gambang disandang Oleh Muhammad Nasrullah Mohd Azuan manakala Timbalan Yang Di-Pertua di UMP Pekan pula disandang oleh Muhammad Izzat Izzuddin Na'imullah Hassim.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.



Kembara ASEAN bantu madrasah di Filipina

Berita dan foto oleh: NUR NAJWA FARHANA SAHADAN

Seramai 13 orang mahasiswa dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan dua staf menyertai program Pengembaraan ASEAN di bumi Manila, Filipina pada 12 Oktober 2015 yang lalu.

Program dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMP itu bermula dengan kunjungan mahasiswa melawat *Golden Mosque Cultural Centre* yang terletak di Quiapo yang mempunyai lebih 1,000 penduduk muslim. Pada kesempatan ini mahasiwa berpeluang bermesra dengan masyarakat di sini di samping menghulurkan sumbangan kepada madrasah dan masyarakat Islam di Filipina.

Pengarah Program, NoorHafizah Zainal Abidin dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, mahasiswa dapat menyaksikan sendiri budaya masyarakat di sini dan membuka minda tentang budaya masyarakat di luar negara.

“Sumbangan juga dihulurkan kepada pihak Madrasah Darussalam Lilbanat, Taguing City yang terletak di pertengahan perkampungan Islam di Maharlika Village. Madrasah ini menempatkan hanya seramai 30 orang pelajar perempuan yang ingin menghafal Al-Quran dan

mempelajari bahasa Arab,” katanya.

Pengasas madrasah, Apipah Balindong Alioden berkata, mereka sangat berbesar hati menerima kunjungan daripada mahasiswa UMP dan gembira menerima sumbangan yang dihulurkan.

Selain itu, pihaknya mengharapkan agar mahasiswa universiti dapat membantu usaha madrasah dalam meningkatkan tahap pembelajaran dan kehidupan anak-anak di madrasah ini.

Dalam masa yang sama, sukarelawan UMP turut menghulurkan bantuan dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan pemeriksaan percuma kepada masyarakat setempat.

Sementara itu, mereka juga berpeluang melawat Far Eastern University (FEU) yang terletak di tengah-tengah bandar Manila. Pengalaman bertemu mahasiswa di FEU memberikan mereka peluang bertukar-tukar idea, budaya dan pandangan berkaitan universiti masing-masing. Begitu juga dengan program ‘FEU TOUR’ turut dijalankan bagi melawat sekitar FEU dan diketuai oleh dua orang pelajar daripada ‘*Institute Tourism*’ untuk mewartawakan sekitar universiti.

Manakala peluang mengenal tempat-tempat bersejarah di sekitar Filipina pastinya meninggalkan kenangan antaranya Pako Park, The Fort Strip dan National Museum yang menceritakan kisah Jose Rizal iaitu pejuang yang amat popular dalam kalangan masyarakat setempat dengan sejarahnya.

Turut hadir sepanjang pengembaraan adalah staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Rozana Sahadan dan staf Pusat Kesihatan, Normayati Mohamad dan Nor Hasniza Hamzah.



Projek Kilauan Mutiara manfaatkan pelajar di negeri Perlis dan Thailand

Oleh: ASRAF AHMAD DAN NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN

Seramai 55 pelajar Tahun 6 Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nangka, Kangar, Perlis yang telah menamatkan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 20 September 2015 yang lalu berpeluang menyertai Projek Kilauan Mutiara kelolaan Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sekolah berkenaan. Program mendapat sokongan Pejabat Menteri Besar Perlis dan Jabatan Pendidikan Perlis.

Dengan dikendalikan seramai 25 orang fasilitator mahasiswa UMP tumpuan kali ini memfokuskan terhadap motivasi sendiri dan kesiap-siagaan mentaliti pelajar bagi melangkah ke alam pendidikan menengah pada tahun hadapan.

Menurut Pengurus Projek, Misriyah Helman, 21 yang juga merupakan mahasiswa Tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), program pada kali ini adalah sebagai usaha menyokong universiti dalam merealisasikan agenda Universiti Komuniti.

“Merentasi sempadan, keadaan jarak geografikal yang jauh antara negeri Pahang dan Perlis bukanlah satu halangan bagi Kelab In-Smartive mengembangkan lagi kebitaraannya dalam konteks kesukarelawan pendidikan (*edu-volunteerism*).

“Sebagai tanda sokongan terhadap agenda ini, Pejabat Menteri

Besar Perlis dan Jabatan Pendidikan Perlis telah memperkenalkan dua sekolah rendah kerajaan dari Thailand iaitu Choomchonbanpadang School dan Wat Prathumtayakaram School yang turut mengambil bahagian dalam menjayakan projek ini bersama Kelab In-Smartive pada hari kedua program,” katanya.

Hadir merasmikan majlis penutup projek ini ialah Ahli Dewan Negara, Senator Dato' Bun Som Inong yang mewakili Menteri Besar Perlis.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan komitmen Kerajaan negeri Perlis untuk membantu UMP dalam mengembangkan aktiviti kesukarelawan pendidikan di negeri ini.

Beliau turut menyeru Kelab In-Smartive untuk mengambil peluang berkolaborasi dengan dua sekolah Thailand ini bagi menggalakkan kerjasama bilateral dalam pendidikan dan sosiobudaya antara kedua-dua negara.

Turut hadir Setiausaha Politik Menteri Besar Perlis, Mohd Khalid Ahmad; Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, Hassan Ebau Noi, Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Kebangsaan Guar Nangka, Chatri Sing, Penolong Kanan Kokurikulum SK Kubang Gajah, Mariati Ibrahim, Pengarah Wat Prathumtayakaram School Wichien Phetcharat, Ketua Program Bahasa Inggeris Choomchonbanpadang School, Wan Latifah Wan Ismail, Wakil Penasihat In-Smartive, Asraf Ahmad dan Presiden In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.

Dalam program penutup program menyaksikan dua pelajar yang diumumkan sebagai Peserta Terbaik projek ini, Muhammad Ikhwan Mohd Rizal dan Ainun Nadira Bahanudin.

Bagi Muhammad Ikhwan, 12 melahirkan perasaan gembira dan berkongsi pandangan mengenai kesesuaian pengisian modul kepada peserta, khususnya Timeline dan Hati Ke Hati yang amat membantu dalam proses pemetaan laluan akademik sebaik memasuki sekolah menengah pada tahun hadapan.



Duta Jauhar bantu 15 usahawan wanita Johor

Projek Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertemakan '21st Century Women' meneruskan program yang masuk siri kedua dengan slot *I Am Entrepreneur* bertempat di Bilik Seminar Mawar Kasih Kolej Tun Ghaffar Baba Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Bahru pada 14 November 2015 yang lalu.

Peserta terdiri daripada lima orang usahawan daripada Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang merupakan program kerjasama di bawah Jabatan Pembangunan Wanita Johor.

Pengarah Projek Duta Jauhar UMP dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'zim (ISKANDAR), Siti Norhidayah Samsuri berkata, fokus program ini adalah untuk mendedahkan peserta mengenai pengurusan kewangan, panduan dalam memulakan sesebuah perniagaan dan kepentingan menjaga kesihatan bagi seorang usahawan.

Katanya, slot disampaikan oleh pensyarah UMP, Haji Amiruddin Haji Abdul Kadir, yang juga pakar konsultansi emas dan perak TSMA Mukmin.

"Slot ini terbahagi kepada dua sesi, iaitu sesi pertama dijalankan di sebelah pagi bermula jam sembilan pagi sehingga 12 tengah hari. Sesi ini lebih memfokuskan pengenalan kepada perniagaan dan bahagian pengurusan pinjaman kewangan. Para peserta diberi penerangan dalam skop yang lebih meluas tentang tujuan berniaga serta membuka minda tentang sejauh mana sesuatu jenis perniagaan yang diceburi boleh berkembang," katanya.

Ujar beliau, sesi kedua bermula pada jam 2 petang sehingga jam

4 petang pula mendedahkan peserta berkenaan tips kesihatan dan latihan dalam kumpulan. Malahan terdapat juga beberapa aktiviti yang dijalankan adalah *Money Flow* yang mempunyai pengisian yang membantu usahawan mendapat fahaman yang lebih jelas mengenai pengurusan kewangan.

Seorang seorang pengusaha perniagaan kuih tradisional, Noordiana Samudin berkata, slot ini sedikit sebanyak dapat membantu beliau dan rakan-rakan dalam mengenal pasti potensi perniagaan pada masa akan datang. Pihaknya juga dapat mengetahui pengurusan kewangan yang betul dan kehendak pasaran terhadap produk yang diusahakan.

Begitu juga dengan Norhayati Mohamed yang mengusahakan syarikat Dapur Desa Sinaran bagi menjalankan perniagaan menjual produk makanan dan Wan Rahipah Wan Amin yang menguruskan Nur Humaira Home Craft dengan produk jualan beg kreatif yang dijalankan beberapa tahun lalu.





Mahasiswa UMP dan MBM bersama komuniti Kota Pariaman

Berita dan foto: NURUL AKMA MOHAMAD RANI

Pengembaraan Asean di bumi Sumatera Barat, Indonesia membabitkan sejumlah orang mahasiswa dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama pihak Majlis Belia Malaysia berjaya mendekati masyarakat Kota Pariaman yang pernah menjadi mangsa gempa bumi yang melanda kawasan itu pada tahun 2009.

Program turut dihadiri Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Fara Hazlini Mohd Som, merangkap penasihat program Kembara Asean ke Indonesia dan Ketua Penerangan Majlis Belia Malaysia, Rizan Hassan pada 17 September 2015 yang lalu di Kota Pariaman, Sumatera Barat, Indonesia.

Pengarah Program, Daniel Wu dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, pengembaraan ini memberi mereka peluang bertemu dengan pelajar Sekolah Menengah Kejuruan Global Pariaman dan menyampaikan bantuan kepada pihak sekolah menerusi pembinaan perpustakaan mini di sana.

“Kami difahamkan sekolah ini dibuka semula pada tahun ini dengan menempatkan seramai 24 orang pelajar yang sedang mengikuti kelas kemahiran khususnya dalam bidang pelancongan.

“Kedatangan kami disambut meriah dan berjaya menyampaikan sumbangan seperti kemudahan almari buku, meja, kerusi, karpet, jam, serta bahan bacaan untuk kegunaan pelajar di sini,” katanya.

Kepala Sekolah SMK Global Pariaman, Bapak Eka Putra berkata, bantuan dan usaha yang telah dilakukan ini akan diteruskan lagi dengan menambah keperluan bagi menyediakan kelengkapan yang

lebih baik untuk menampung kemasukan pelajar yang akan bertambah dari semasa ke semasa.

Pihaknya berterima kasih kepada UMP di atas sumbangan dan bantuan yang dapat membantu dalam proses pemulihan sekolah.

Peserta turut berkesempatan berkunjung ke rumah anak yatim Panti Asuhan Aisyiyah. Lebih menyeronokkan mereka berpeluang menaiki keretapi ke Padang bersama 20 orang anak-anak yatim untuk menikmati juadah makan tengah hari di sana.

Turut diadakan program dalam kumpulan yang menyentuh tentang emosi, rohani dan fizikal melalui modul yang dijalankan.

Mahasiswa UMP juga berpeluang merealisasikan program ‘Go Green’ di tapak Orang Pariaman Kreatif (OPC) di Pulau Angso Duo dengan membina monumen dan replika yang dibuat berasaskan dahan pokok, batu karang dan bahan kitar semula.

Usaha kreatif ini menarik minat para pengunjung mencintai alam dengan cara yang lebih menarik. Sebagai simbolik kepada aktiviti ini, mahasiswa UMP berpeluang melepaskan anak penyu di samping melakukan aktiviti pemuliharaan batu karang di sekitar pulau.





2,000 mahasiswa berjalan 10 ribu langkah

Lebih 2,000 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Siswa Sihat (PROSIS) sempena Minggu Induksi Siswa UMP yang diadakan di Dataran Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang pada 6 September 2015 yang lalu.

Program itu mendapat kerjasama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), UMP.

Program yang bertemakan 'Siswa Sihat dan Siswa Cergas' itu bertujuan memperkasakan mahasiswa universiti dalam mengamalkan cara hidup sihat.

Acara bermula seawal pagi dengan senaman ringan dan diteruskan dengan aktiviti berjalan 10,000 langkah.

Peserta bergerak dari Dataran Kompleks Sukan UMP menuju ke Kolej Kediaman 4 sejauh enam kilometer dalam tempoh satu

jam.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin yang turut mengetuai aktiviti ini sebagai acara gaya hidup sihat.

Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Ketua Pusat Kesihatan Pelajar, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit, Penolong Pengarah Kanan (Promosi Kesihatan), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Nor Ayuni Abd Rahman, Penolong Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Azirin Ramli dan Penolong Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Abdul Rahman Ahmad.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, mahasiswa adalah aset penting dalam pembangunan negara dan pewaris kepimpinan masa hadapan.

"Selain pendidikan berkaitan dengan bidang yang bakal diceburi di setiap universiti, pendidikan kesihatan perlu diberikan perhatian dan keutamaan supaya dapat melahirkan mahasiswa yang sihat dan cergas. PROSIS merupakan pemangkin kepada program membentuk generasi muda khususnya para pelajar institusi pengajian tinggi supaya mementingkan kesihatan diri dan juga mengamalkan cara hidup sihat," katanya.

Tambah beliau lagi, PROSIS merupakan program pendidikan kesihatan yang secara

langsung dapat membantu melahirkan mahasiswa yang sihat dan sentiasa peka terhadap penjagaan kesihatan diri.

Menurut seorang peserta, Muhammad Huzaifi Yusniman, 19, dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), menerusi program ini kita dapat pupuk minda sihat selain dapat mengenali rakan lain dengan lebih ramai.

Selain itu juga, menurut rakannya Abu Hurairah Husamudin, 19, dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), program ini dapat memupuk mahasiswa dalam mengamalkan cara hidup sihat khususnya berkaitan aktiviti fizikal, makanan seharian secara sihat, tidak merokok, pupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol.

"Program itu juga boleh memupuk sikap positif masyarakat kampus terhadap amalan gaya hidup sihat," ujar beliau.





1,000 mahasiswa bincang hala tuju cabaran kontemporari

Kira-kira 1,000 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenuhi Dewan Astaka UMP Kampus Gambang untuk bersama-sama mengikuti program Forum 'Apa Kata Gen Y' anjuran Jabatan Penerangan Negeri Pahang dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) pada 30 September 2015 yang lalu.

Barisan panel yang terdiri daripada mahasiswa UMP, Qamaruddin Mohd Fauzi dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Madyasir Ahmad Basir dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Muhammad Ameen Abdul Aziz dari dan Victor M.Jaki dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA). Moderator program adalah Auni Zahraa Ahmad Zubir dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI).

Program dihadiri Pengarah Penerangan Negeri Pahang, Dato' Haji Mohd Sabri Haji Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Turut hadir Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramli Abid, Pengerusi Majlis Pengetua UMP, Nasrul Salim Pakheri dan Timbalan Pengarah Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Jabatan Penerangan Malaysia, Aariah Judah.

Menurut Dato' Haji Mohd Sabri, program merupakan platform bertukar informasi di antara Gen-Y dalam menyemarakkan semangat cintakan negara.

"Ia dapat mewujudkan semangat kekitaan di antara masyarakat dan menasihatkan mahasiswa untuk bersyukur dengan kenikmatan

yang dimiliki kini.

"Perkongsian pendapat dapat mengeratkan hubungan antara agensi kerajaan, pentadbiran universiti dan mahasiswa perlu didedahkan program dalam melahirkan mahasiswa yang matang, sikap bertoleransi dengan minda kelas pertama," katanya.

Dalam forum ini terdapat dua pusingan dalam memberi pendapat dan informasi padat untuk didengari oleh para mahasiswa yang hadir.

Pusingan pertama berlandaskan tema kebangsaan '#SehatiSejiwa' manakala pusingan kedua menjawab persoalan individu dari hadirin.

Mahasiswa dari FPI, Nur Hani Dahlia, 21 berpendapat forum sebegini wajar diadakan setiap tahun bersesuaian dalam kalangan mahasiswa untuk menyuarakan pendapat mereka agar didengari pihak yang bertanggungjawab.

Majlis berakhir dengan sesi cabutan bertuah dan pengumuman Qamaruddin Mohd Fauzi sebagai panel terbaik dalam penganjuran forum pada kali ini.





Mahasiswa bergotong-royong memasak bubur Asyura

Lebih 100 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS), Kelab Sains Kemanusiaan, UMP *Rider Club* (URC), Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (Chest) dan Kelab In-Smartive memasak bubur Asyura beramai-ramai sempena menyambut kedatangan tahun baharu 1437 Hijrah pada 14 Oktober 2015 yang lalu.

Program yang diadakan sempena Expokonvo UMP itu turut dibantu Mazhari Salleh atau Chef Bob dari Hotel Legen dan mendapat kerjasama dengan Kelab Media Pahang.

Acara turut disertai Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr.



Mahyuddin Ismail dan Presiden Kelab Media Pahang, Dato' Nik Naizi Husin.

Menurut Dr. Mahyuddin, Asyura bermaksud hari kesepuluh pada bulan muharram.

"Kita disunatkan berpuasa pada hari Asyura dan biasanya bubur ini dijadikan juadah berbuka puasa. Penyediaan bubur ini menggunakan 35 kg beras, daging, ubi keledak, ubi kentang dan pelbagai jenis kacang serta rempah ratus.

"Memasak bubur pada hari ini (1 Muharram) adalah untuk meraikan sambutan tahun baharu dan PIMPIN juga menganjurkan Karnival Mahabbah sempena Sambutan Tahun Baharu Hijrah dengan menjemput personaliti terkenal seperti Adam AF2, Nassir Bilal Khan



dalam slot ceramah bertemakan Hijrah," katanya.

Sementara itu sempena Karnival Expokonvo ini pelbagai acara menarik turut berlangsung antaranya Pertandingan *Built an Ideal LIFE Competition*, *Floating Structure Competition*, *Open Clash of Buskers* dan Pertandingan Mewarna Knak-kanak. Karnival Mahabbah juga menampilkan Artis Aina Tasneem, Running, dan Konsert Malam Cinta Ilahi bersama Kumpulan InTeam.

Turut diadakan Rakaman TV Al-Hijrah Bersama 30 Minit Ustaz Don dan Kalau Dah Jodoh bersama Ustaz Kazim Elias, Ustazah Dato' Siti Norbahiyah dan Ustaz Akasyah dalam slot Semanis Kurma.



PEKA 2 anjur Kem Kecemerlangan Perintis Muda Pahang

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Perwakilan Kolej Kediaman Kedua (PEKA 2), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kem Kecemerlangan Perintis Muda Pahang Peringkat Parlimen Paya Besar dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Paya Besar dan Yayasan Minda dan Kerajaan Negeri Pahang.

Program yang mendapat kerjasama Pertubuhan Pendidikan Anak Malaysia (MYDIDIK), Pertubuhan Kepemimpinan Makmur Pahang (AKAR Pahang) dan Kelab Mahasiswa Paya itu diadakan pada 15 November 2015 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Program itu telah dirasmikan oleh Pengerusi Yayasan Minda, Senator Tan Sri Dr Ibrahim Shah Abu Shah dengan disertai seramai 93 orang pelajar cemerlang yang dicalonkan oleh setiap sekolah melibatkan sembilan buah sekolah sekitar kawasan Parlimen Paya Besar.

Menurut pengarah program, Ibrahim Adham Mohd Samsudin yang juga merupakan Presiden PEKA 2, program perintis muda ini merupakan sebahagian daripada aktiviti pelajar menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM).

“Program kali ini melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Panching, Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan, Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Garuda.

“Ia dapat mewujudkan kelompok perintis muda dalam kalangan pelajar cemerlang di peringkat menengah agar golongan ini dapat dilatih menjadi pemimpin yang hebat bagi menyediakan barisan pelapis kepimpinan negara di masa akan datang.

“Selain itu, kem ini juga membuka peluang untuk setiap peserta meluaskan jaringan rakan kenalan dalam kalangan mereka. Pengisian yang diterapkan kepada setiap perintis muda berteraskan kepada lima elemen utama iaitu kecemerlangan diri, kepimpinan, kemahiran penyelesaian masalah, pembentukan minda usahawan dan kemahiran kerja berpasukan,” katanya.

Sementara itu, menurut peserta terbaik lelaki iaitu Muhammad Syafiq Burhan Abd Rashid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sagu, setiap perintis muda telah berpeluang mengikuti sesi perkongsian

pengalaman dengan mahasiswa UMP, ceramah kepimpinan, ceramah kecemerlangan diri, modul ikhtiar usahawan muda dan sesi pengucapan awam.

Beliau cukup teruja ketika berkongsi pengalamannya melalui modul ikhtiar usahawan yang mana setiap kumpulan yang terdiri dari sepuluh orang peserta ditinggalkan di bandar Kuantan dengan hanya berbekalkan modal RM10 setiap kumpulan dan tanpa bantuan telefon bimbit.

Pelajar turut berpeluang mengadakan lawatan sekitar kampus, bilik kuliah, makmal dan merasai pengalaman bergelar mahasiswa universiti.



PEKA 5 anjur Klinik Bot Kawalan Jauh

Berita dan foto oleh: MAGHRIBI SELAMAT

Deruan enjin bot-bot kawalan jauh pelbagai bentuk dan warna yang saling meluncur laju memecah ketenangan air tasik di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 28 November 2015 yang lalu sekaligus mencuri perhatian pengunjung yang beriadah di kawasan tasik ini.

Penganjuran Klinik Bot Kawalan Jauh oleh Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 5 (PEKA 5) berjaya memberi pendedahan kepada mahasiswa yang berminat dengan sukan ini untuk mengetahui cara mengawal dan menyelenggara bot kawalan jarak jauh dengan betul.

Program itu merupakan salah satu usaha untuk menarik minat mahasiswa kepada sukan permotoran dan menjadikan mahasiswa lebih kreatif dan proaktif dalam pelbagai lapangan dan minat mereka.

Menurut Penasihat Program, Muhammad Fauzi Ali, terdapat banyak bot kawalan jauh telah dihasilkan oleh buatan sendiri yang menggunakan enjin berkuasa dua lejang.

“Penganjuran klinik ini melibatkan dua slot iaitu slot teori dan slot praktikal yang telah dikendalikan oleh tenaga pengajar bertauliah iaitu Muktiyuddin Musa yang merupakan seorang penggemar sukan bot kawalan jauh yang mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam sukan ini,” katanya.

Sementara itu, pengarah program, Muhammad Maghribi Selamat berkata, hasil penganjuran klinik ini, mahasiswa berpeluang menimba dan berjaya menarik minat mereka dalam bergiat aktif dalam sukan bot kawalan jauh.

Manakala menurut peserta program, Muhammad Al-Kausar Muhaimin, program ini amat bagus dijalankan di UMP kerana klinik ini memberi pendedahan yang amat berguna kepada mahasiswa bagi yang ingin menceburi dalam sukan seperti ini.

Seramai 30 peserta dalam kalangan mahasiswa UMP menyertai klinik ini yang berlangsung selama tiga jam bermula dari pukul tiga petang sehingga enam petang.

Para peserta dan masyarakat luar yang turut hadir tidak melepaskan peluang untuk mencuba mengawal bot kawalan jauh ini serta menyaksikan pelbagai jenis bot yang dipamerkan.





Projek Kilauan Mutiara bantu sekolah kluster kecemerlangan

Oleh: ASRAF AHMAD DAN NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN

Hubungan baik menerusi Inisiatif Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus diperkasa melalui pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara kelolaan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dengan kerjasama membabitkan tenaga fasilitator mahasiswa Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Temerloh, Pahang pada 17 September 2015 yang lalu.

Dengan fokus terhadap pemerkasaan kecemerlangan penguasaan bahasa Melayu, projek sehari itu melibatkan penyertaan 100 pelajar Tahun 5 sekolah tersebut dengan bimbingan 13 fasilitator mahasiswa di bawah seliaan Guru Bahasa Melayu di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP, Jamilah Bebe Mohamad yang berperanan sebagai mentor utama projek.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswa Tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Muhammad Na'im Kamaludin, 19, projek ini merupakan inisiatif sulung kesukarelawan pendidikan (*edu-volunteerism*) In-Smartive sejak Penasihat Kelab ini, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dilantik sebagai Ketua Mentor Kluster

Kemasyarakatan dan Pengantarabangsaan Inisiatif Sekolah Kluster Kecemerlangan-UMP baru-baru ini.

"Walaupun ini merupakan pengalaman pertama kami mengendalikan modul bahasa Melayu, namun para fasilitator telah menjalani program latihan dan simulasi bersama mentor utama sebelum pelaksanaan sebenar bagi memastikan keberkesanannya kepada para penerima manfaat," tambah Muhammad Na'im lagi.

Tambahnya, sebagai sekolah kluster bagi kebitaraan bahasa Melayu, modul yang direka bentuk bagi SK Bandar Temerloh memfokus kepada pendedahan sejarah dan pemupukan minat terhadap bahasa Melayu dengan pelaksanaan modul seperti ialah S.A.L.A.M, Warkah Anakanda dan Kenali Bahasa Kita.

Hadir merasmikan majlis penutup ialah Guru Besar, Sekolah Kebangsaan Bandar Temerloh, Raja Ibrahim Raja Deraman yang berharap supaya kerjasama ini dapat diteruskan secara lestari pada masa akan datang.

Hadir sama ialah Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Rosenariana Ismail, Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Hamzah Mat

Salleh dan Wakil Penasihat In-Smartive, Mohamad Eliyass Jamaruppin.



Kesukarelawan Pendidikan Mahasiswa UMP bersama pelajar SMK Tengku Indra Putra 1

Oleh: ASRAF AHMAD DAN NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN

Seramai 90 pemimpin pelajar sekolah melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Pegawai Sekolah, Pegawai Skim Pinjaman Buku Teks, Exco Asrama dan Pembimbing Rakan Sebaya berpeluang menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indra Putra 1, Gua Musang Kelantan dengan kerjasama Kelab In-Smartive, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 12 September 2015 yang lalu.

Penganjuran kali ini melibatkan seramai 28 mahasiswa dari Kelab In-Smartive yang berperanan sebagai fasilitator sepanjang program berlangsung selama tiga hari.

Menurut Pengurus Projek yang juga merupakan pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Muhamad Farid Sulaiman, 20, melalui pendekatan akal mendahului emosi, modul kepimpinan sepanjang projek ini direkabentuk khas untuk menguji kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah para peserta.

“Bagi mencapai objektif tersebut, para peserta dibimbing melalui modul seperti *Cermin Diri*, *D.I.C.E* dan *S.W.O.T Analysis* yang membantu mereka menjangka risiko, implikasi dan akibat dengan bijaksana sebelum bertindak dan membuat keputusan,” ujar beliau lagi.

Selain menjalani modul kepimpinan dalam program ini, para pelajar Tingkatan 5 sekolah ini juga berpeluang mengikut perkongsian pengalaman bersama pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain yang juga Ketua Penyelidik Naib Canselor dalam slot ‘Anda: Kini dan Masa Hadapan’.

Pada masa yang sama, mahasiswa UMP turut dibawa turun padang bertemu penduduk kampung Limau Kasturi yang merupakan sebuah petempatan pedalaman yang teruk dilanda bencana banjir pada akhir tahun lalu sambil meninjau kerja pemulihan pascabanjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi.

Hadir merasmikan majlis penutup ialah Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Gua Musang, Muhammad Zahari Othman yang menyifatkan kolaborasi ini sebagai satu perkongsian pintar yang boleh dikembangkan lagi.

Beliau turut menyatakan kesediaan pihaknya untuk menjemput Kelab In-Smartive mengendalikan projek akademik di Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi dan Sekolah Kebangsaan Bihai, sebuah sekolah untuk masyarakat Orang Asli selain meneruskan inisiatif sedia ada bersama SMK Tengku Indra Putra 1.

Dalam majlis ini, beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada pelajar Tingkatan 6 Rendah, Nik Zahiruddin Mohd Zamri dan Wan Farrah Hazleen Wan Hassim.

Kedua-duanya menyatakan rasa syukur berpeluang menjalani projek ini yang dapat mengasah bakat kepimpinan mereka sekaligus membantu pihak sekolah mewujudkan iklim disiplin yang berkesan.

Turut hadir ialah Pengetua SMK Tengku Indra Putra 1, Md Rashid Mustafa; Penolong Kanan Pentadbiran, Ummi Mariza Cha Ya, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid; Dayang Asmah Ab. Hamid; Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor, Asraf Ahmad dan Presiden In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.





10 atlet ke Ho Chi Minh, Vietnam

Oleh: AZAZI MAMAT

Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) menghantar seramai sepuluh Mobbiliti Pelajar (Atlet) UMP bagi memberi peluang kepada mahasiswa melawat Ho Chi Minh dan mempelajari sosiobudaya serta aktiviti harian yang dijalankan oleh masyarakat.

Selain itu, objektif program ini adalah menjalinkan hubungan diplomatik menerusi perkongsian idea dan perspektif antara mahasiswa UMP dan pelajar di Ho Chi Minh di samping untuk memberi motivasi serta membuka minda dan pemikiran mahasiswa tentang semangat perjuangan dan kebangkitan Vietnam dengan melawat tempat-tempat bersejarah di Vietnam.

Tambahan pula, program ini juga dapat meningkatkan keterampilan diri dan kemahiran berkomunikasi peserta sejajar dengan aspirasi universiti bagi melahirkan graduan yang berkemahiran, berpengalaman dan mempunyai *soft skills* yang tinggi.

Malah para peserta Program Mobbiliti Pelajar (Atlet) UMP turut berpeluang melawat kawasan-kawasan bersejarah seperti Muzium Perang Vietnam, kawasan peninggalan sejarah perang Cu Chi Tunnel, menyusuri Sungai Mekong serta melawat kawasan perindustrian dan pertanian tradisional di kawasan pendalaman Mekong Delta.

Dengan kerjasama yang erat dengan Kedutaan Besar Malaysia di Ho Chi Minh, peserta berpeluang mengunjungi serta bertukar idea di *Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO RETRAC)*.

Peserta didedahkan dengan sistem pembelajaran pada peringkat rendah sehingga peringkat tertinggi, kebudayaan gaya hidup sihat masyarakat dan pelajar Vietnam serta memberi berpeluang kepada peserta melihat sendiri suasana persekitaran pembelajaran.





Pusat Sukan anjur UMP Pekan *Sports Day* 2015

Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan UMP Pekan *Sports Day* 2015 (UPSD 2015) bagi menyahut seruan dan hasrat negara supaya masyarakat bergiat aktif dalam bidang sukan dan rekreasi pada Hari Sukan Negara 2015 yang disambut pada 10 Oktober 2015.

Program yang melibatkan penyertaan hampir 1,300 orang mahasiswa UMP Pekan itu diadakan pada 9 dan 10 Oktober 2015 yang lalu.

Program ini juga telah dimasukkan ke dalam Tentatif Hari Sukan Negara 2015 peringkat daerah Pekan, Pahang.

Antara acara yang dipertandingkan adalah futsal, bola tampar lelaki dan wanita, bola jaring, sepak takraw dan *night orienteering*.

Bersempena Pelancaran Hari Sukan Negara pada 10 Oktober 2015, acara Senamrobik Perdana UMP Pekan dan UMP Pekan Run 2015 turut dijalankan. Kebanyakan acara sukan yang dipertandingkan pada waktu malam dan memberi kelainan tersendiri.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin, serta Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail turut bersama-sama mahasiswa dan mahasiswi UMP Pekan untuk sesi Senamrobik Perdana UMP Pekan sempena pelancaran Hari Sukan Negara 2015.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Hari Sukan Negara adalah penting dalam usaha bersama menggalakkan semua warga UMP menerapkan amalan budaya hidup sihat, cergas dan aktif serta membantu para pelajar supaya cergas dan cerdas sepanjang berada di UMP.

Majlis Penyampaian hadiah dan penutup dijalankan selepas selesai menyaksikan Perlawanan Akhir Futsal (*night games*) antara pasukan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM A) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE A).

Dalam perlawanan akhir tersebut, kemenangan telah berpihak kepada pasukan FKEE A.



PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Dato' Jeffrey Khor Chooi Beng
Pengarah
Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya,
Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM)
1 September hingga 31 Disember 2015



Encik Zulkafli bin Hassan
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
9 Oktober hingga 31 Disember 2015



46 staf bukan akademik terima surat kenaikan pangkat

Seramai 46 staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan tiga staf akademik menerima surat kenaikan pangkat masing-masing dalam Majlis Penghargaan dan Apresiasi Kenaikan Pangkat anjuran Jabatan Pendaftar di Dewan Bankuet Canseleri UMP Kampus Gambang pada 9 September 2015 yang lalu.

Mereka terdiri daripada Pegawai Tadbir Gred N48 (3) termasuk dua jawatan gred pemangku, Pegawai Tadbir Gred N44 (13), Pegawai Penerbitan Gred N44 (2), seorang Juruukur Bahan Gred J44 dan staf berjawatan Jurutera Gred J44 (2). Turut menerima surat kenaikan pangkat termasuklah Pegawai Latihan Vokasional Gred J44 (16), Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 (2), Pustakawan Gred S44 (3) dan Pegawai Kewangan Gred W44 (4).

Majlis turut meraikan staf akademik yang juga dinaikkan pangkat iaitu Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Profesor Madya Dr. Abu Zaharin Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Hadir dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar

& Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Timbalan Pendaftar Jabatan Pendaftar, Haryani Abdullah.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua staf yang menerima surat kenaikan pangkat ini.

"Universiti sedang melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara fleksi kepada staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional melibatkan beberapa skim perjawatan yang dijalankan secara berperingkat.

Kenaikan pangkat ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan ke atas prestasi dan perkhidmatan cemerlang dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan," katanya.

Beliau mengharapkan usaha ini akan berterusan malah melipat-gandakan usaha ke arah pemantapan serta menunjukkan semangat dedikasi dan meningkatkan produktiviti dengan lebih cemerlang.

Majlis yang kini masuk kali ketiga dianjurkan pada tahun ini bertujuan menghargai dan meraikan staf yang dinaikkan pangkat di universiti.

Khairu Aizam

bawa nama sehingga ke China



Tertarik dengan visi Universiti Malaysia Pahang (UMP), iaitu menjadi universiti teknologi bertaraf dunia merupakan pemangkin utama, Khairu Aizam Ibrahim, 34 memilih UMP bagi melanjutkan pelajaran selain beliau sendiri meminati bidang kejuruteraan kimia.

Anak ketujuh daripada lapan orang adik-beradik ini merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) yang menyambung pelajaran di UMP pada tahun 2003.

Pada ketika itu, kemudahan di UMP masih pada tahap sederhana dari semua aspek termasuklah pembelajaran, tenaga pengajar dan kurikulum.

“Namun, sekarang saya dapat melihat UMP semakin berkembang dengan pertambahan tenaga pengajar dan pelajar, kemudahan pembelajaran yang serba lengkap seperti makmal, perpustakaan dan pusat sukan untuk pelajar beriadah dan bersukan.

Perkembangan inilah yang akhirnya membawa kegemilangan kepada UMP apabila dapat melahirkan graduan yang berdaya saing pada peringkat global,” kata Khairu Aizam yang dilahirkan pada 22 Ogos 1984.

Anak kelahiran Jerneh, Terengganu ini bukan sahaja berjaya dengan cemerlang dalam bidang akademik iaitu dengan memperoleh Anugerah Dekan lima kali berturut-turut, malah, turut cemerlang dalam bidang sukan ragbi.

Selepas bergelar pelajar UMP, beliau menyertai sukan ragbi dan beliau bersama

pasukannya, UMP SHARK telah berjaya menaikkan nama UMP apabila kebanyakan kejohanan yang disertai meraih kemenangan seperti kejohanan ragbi 15 sepasukan peringkat negeri Pahang dan turut menjadi anggota skuad ragbi tujuh sebelah negeri Pahang.

Kini, beliau menyandang jawatan Jurutera Proses di Syarikat Perunding Ranhill Worleyparsons Sdn. Bhd. dan telah berkhidmat selama lapan tahun.

Jelas beliau, silibus yang disediakan UMP sangat membantu untuk diaplikasikan dalam tugas saya yang memerlukan kelayakan kejuruteraan kimia.

“Tugas saya adalah menyediakan reka bentuk untuk kilang ataupun loji dari syarikat seperti Petronas, Exxonmobil dan Shell.

“Pengalaman paling bermakna ketika bekerja adalah apabila dilantik sebagai ketua bagi jabatannya untuk projek BASF Petronas. Projek ini dilaksanakan oleh WorleyParsons China di Chengsu, China.

“Dalam projek ini, saya berpeluang untuk bersama-sama bekerja di China. Kumpulan yang bekerja terdiri daripada pelbagai negara seperti Malaysia, China dan India. Ini secara tidak langsung mencabar kemampuan diri saya untuk menyesuaikan diri bekerja dengan pelbagai bangsa, budaya dan cara kerja,” ujar beliau lagi.

Tambah beliau lagi, cabaran utama graduan UMP bagi menempatkan diri secara kompetitif dalam alam pekerjaan apabila UMP berhadapan dengan stigma ‘universiti

baharu’ adalah lambakan graduan dari luar negara serta universiti tempatan lain sehingga menyebabkan graduan UMP tersisih.

“Ini kerana, universiti-universiti itu telah membina nama dan asas yang kukuh dalam pasaran kerja. Pada pendapat beliau, perkara ini dapat diatasi apabila para graduan membina asas yang kukuh menerusi promosi berterusan supaya dapat menghasilkan graduan yang berdaya saing dan seterusnya memecah monopoli universiti lain dalam pasaran kerja.

“Justeru, pelajar perlulah mengambil segala peluang dan kemudahan yang ada di UMP untuk membentuk diri menjadi seorang graduan yang berdaya saing.

“UMP sentiasa menyediakan platform terbaik seperti latihan menyediakan resume, latihan temu duga, seminar dan hari kerjaya untuk memberi gambaran kepada mahasiswa tentang alam pekerjaan.

“Pasaran pekerjaan dalam industri minyak dan gas amat mencabar ketika ini. Oleh itu, bakal graduan perlulah mencari peluang pekerjaan dan mengambil setiap peluang yang diberikan sebaik-baiknya.

“Semoga saya dapat terus maju dalam alam pekerjaan dan membawa nama baik UMP ke peringkat nasional dan global. Saya berharap UMP dapat terus menyediakan dan meningkatkan kemudahan pembelajaran yang terbaik dan menghasilkan graduan yang berdaya saing pada semua peringkat,” katanya sebelum mengakhiri perbualan.




EASY STEP BY STEP GUIDE TO SHEAR FORCE-BENDING MOMENT: DIAGRAM ANALYSIS

Penulis : Luqman Hakim Ahmad Shah
ISBN : 978-967-0691-51-0
Harga : RM42.00
Muka Surat : 78
Bahasa : Inggeris

Sinopsis:

Modul pembelajaran versi grafik karikatur ini adalah yang pertama diterbitkan oleh Penerbit UMP. Penulisan yang santai dan disusuli dengan imej karikatur, memudahkan pelajar mempelajari mata pelajaran statik, dinamik dan bahan yang menjadi subjek teras kepada mekanikal. Secara umum, buku ini amat mengandungi empat bahagian yang disusun mengikut kesesuaian bacaan.



Estudior Espanol Conmigo (Nivel 2)

Penulis : Azlina Mohd Ariffin
ISBN : 978-967-0691-50-3
Harga : RM25.00
Muka Surat : 61
Bahasa : Sepanyol/Inggeris

Sinopsis:

Modul ini diterbitkan khusus kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa Sepanyol peringkat pertengahan (*intermediate*). Modul ini mengandungi nota dan latihan yang mencukupi bagi membantu pelajar menguasai bahasa Sepanyol dengan lebih mudah dan cepat.



MERUBAH DIRI DALAM 21 MINIT MENGGUNAKAN TEKNIK BIOMAKLUM BALAS

Penulis : Muhammad Nubli Abdul Wahab
ISBN : 978-967-0691-48-0
Harga : RM33.00
Muka surat : 92
Bahasa : Melayu

Sinopsis:

Buku ini ditulis sebagai usaha untuk menambah kefahaman pembaca berkenaan istilah asas dala *biofeedback* dan tatacara pembangunan *protocol biofeedback* yang boleh digunakan dalam permasalahan disiplin pelajar sekolah. Penggunaan kaedah zikir sebagai terapi pemulihan sahsiah diri digabungkan dengan peralatan biofeedback membantu dalam perubahan tingkah laku pelajar yang terlibat dengan pelbagai masalah disiplin.



KIT ZIKIR UNTUK REMAJA CEMERLANG

Penulis : Muhammad Nubli Abdul Wahab
ISBN : 978-967-069-119-0
Harga : RM18.00
Muka surat : 41
Bahasa : Melayu

Sinopsis:

Buku ini sebagai panduan mudah kepada remaja untuk mempraktikkan zikir dalam kehidupan seharian. Buku ini dilengkapi dengan zikir-zikir ringkas untuk diamalkan setiap hari bagi membina kekuatan diri, membuktikan dari segi saintifik, menjadi remaja yang berjaya. Selain itu, buku ini turut dilengkapi dengan doa dan zikir ringkas sebagai amalan harian.

Pendidikan fleksibel mendokong Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran sepanjang telah menjadi satu inisiatif kerajaan dalam mendepani cabaran untuk lanskap pembangunan negara yang utuh. Ia juga merupakan usaha ke arah pendemokrasian pendidikan dalam membentuk rakyat Malaysia yang berpengetahuan menerusi penguasaan ilmu, kemahiran dan keterampilan sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman kerja atau semasa menjalani latihan. Golongan bekerja yang tidak berpeluang sebelumnya dapat meneruskan hasrat mereka untuk belajar dan mendapat pendidikan dengan pelbagai kaedah secara eksekutif, pembelajaran jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja, pembelajaran separuh masa atau mengikuti program pembangunan profesional.

Ini selaras dengan hasrat dalam merealisasikan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kalangan massa dengan mengenengahkan konsep 'pendidikan fleksibel' seperti yang diuar-urkan dalam

Amanat Tahun Baharu 2016 oleh Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini. Kita tidak seharusnya memberikan kongkongan kepada mana-mana pihak dalam menimba ilmu dalam pelbagai cara dan tempat kerana yang paling penting adalah usaha ke arah kebaikan perlu digalakkan apatah lagi dalam aspek mencari ilmu pengetahuan. Bagi golongan pekerja yang telah mempunyai pengalaman, mereka sebenarnya telah memperoleh ilmu yang sangat bernilai disebabkan melalui pengalaman, mereka telah mempelajari sesuatu daripada sekeliling mahupun melalui tugas atau kerja yang dilakukan. Mungkin pada satu ketika dahulu, golongan ini tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran secara formal disebabkan atas faktor desakan hidup, kurangnya pendedahan kepada laluan akademik dan kerjaya dan kesemuanya dapat diatasi dengan menyediakan satu platform pendidikan sepanjang hayat bagi melayakkan mereka untuk mencapai peningkatan sendiri dalam kemajuan kerjaya.

Oleh yang demikian, untuk mencapai hasrat tersebut, konsep pendidikan fleksibel perlu difahami dan diterapkan dalam sistem pendidikan tinggi di samping memperkasa konsep PSH.

Dasar untuk mencari ilmu melalui pelbagai cara perlu dilihat sebagai satu usaha murni yang bukan sahaja manfaatnya dapat diraih oleh individu tersebut semata-mata, malah memberikan impak kepada organisasi itu sendiri, malah masyarakat sekeliling yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Dengan penawaran program-program yang dapat menarik golongan bekerja untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, akses kepada pendidikan dapat diperluaskan dengan mewujudkan program bersifat modular dengan kaedah pengajian yang melibatkan pembelajaran berasaskan kerja.

Kini, era pendidikan tidak boleh dilihat sebagai satu hak eksklusif kepada golongan yang pandai semasa di peringkat

menengah sahaja walhal ia bersifat sejagat dan perlu didemokrasikan kepada semua. Ini tidaklah bermaksud dengan menyediakan laluan pembelajaran fleksibel seumpama ini dengan penawaran program-program akademik PSH, aspek kualiti diabaikan. Malah, aspek kualiti perlu dijaga dan dipertingkatkan lagi agar program akademik yang bercirikan pendidikan fleksibel ini setaraf dengan program akademik perdana yang diambil oleh golongan pelajar sepenuh masa.

Jika kita lihat di luar negara, banyak program-program pembangunan profesional juga dibangunkan khusus untuk memenuhi kehendak pasaran kerja di industri. 'Graduan segar' yang baharu sahaja menamatkan pengajian dalam mana-mana peringkat mungkin berasa diri mereka telah mempunyai banyak ilmu disebabkan segulung ijazah, tetapi sedarkah mereka bahawa keperluan di industri yang mendesak berkemungkinan apa yang mereka pelajari merupakan sebahagian atau sekelumit



Oleh:
Dr. Mohd Rashid Ab Hamid
rashid@ump.edu.my

Penulis merupakan Pengurus Besar (Akademik) UMP Advanced Education (UAE) dan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Industri, UMP.



kecil ilmu yang perlu mereka terokai untuk masa depan yang lebih panjang? Rentetan itu, konsep pembelajaran sambil bekerja yang mana sebahagian tempoh pengajian digunakan sepenuhnya di tempat pengajian dan selebihnya digunakan sepenuhnya untuk menimba pengalaman di industri amat relevan. Di samping itu juga, situasi berbeza pula dengan golongan yang sudah bekerja dan mempunyai pengalaman industri tersendiri tetapi tidak mempunyai segulung kertas yang diiktiraf. Ekoran itu, peluang pendidikan kepada golongan ini perlu disediakan dalam mewujudkan rangka kerja yang mengiktiraf pencapaian terdahulu yang dicapai melalui pembelajaran melalui pengalaman sebelumnya.

Justeru, program-program Eksekutif dan Pembangunan Profesional merupakan inisiatif PSH yang perlu dilihat sebagai satu pelengkap kepada laluan pendidikan sedia ada dan inisiatif pendidikan fleksibel yang dapat menyumbang secara langsung kepada Pelan

Induk Pembudayaan Sepanjang Hayat (PSH) yang dilancarkan pada 2011. Kini, konsep PSH telah diambil perhatian sebagai satu agenda negara yang amat penting yang didokong oleh aspirasi pendidikan fleksibel melalui penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengajian yang bersifat antara bidang yang boleh merentas sempadan antara universiti, malah menjangkau peringkat antarabangsa dengan mengiktiraf kursus atau program yang ditawarkan secara kolektif. Di samping itu, inisiatif untuk mobiliti pelajar dan tenaga pengajar boleh juga menyumbang kepada rancangannya hasrat pendidikan fleksibel ini dengan memanfaatkan inovasi dalam pendidikan serta meningkatkan konsep kesepunyaan dalam atmosfera pendidikan ke arah mencapai keunggulan pengajian tinggi negara di persada antarabangsa.

Natijahnya, negara kita memerlukan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran berkecekapan

dalam memacu pertumbuhan dan kemakmuran dalam mencapai status negara maju. Untuk mencapai hasrat ini, kualiti pendidikan tinggi perlu diambil berat yang dapat menyemarakkan lagi program PSH di samping memperluas akses pendidikan kepada umum dalam memenuhi Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).



Dasar untuk mencari ilmu melalui pelbagai cara perlu dilihat sebagai satu usaha murni yang bukan sahaja manfaatnya dapat diraih oleh individu tersebut semata-mata, malah memberikan impak kepada organisasi itu sendiri, malah masyarakat sekeliling yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Berfikir Secara Kritis dan Kreatif



Dr. Jamal Rizal bin Razali
jamalrizal@ump.edu.my



Kapten Imaduddin bin Abidin
imaduddin@ump.edu.my

Penulis adalah pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP).



Pengenalan

Setiap hari kita berfikir. Proses berfikir atau juga disebut sebagai operasi mental ini tidak pernah berhenti dalam kehidupan kita seharian. Otak akan berhenti bekerja apabila kita mati. Namun demikian, kita juga sering mendengar istilah 'mati otak' yang bermaksud otak tidak mampu digunakan untuk menghasilkan arahan-arahan yang disampaikan melalui urat saraf dalam tubuh badan manusia yang seterusnya mengarahkan otot untuk bertindak. Manakala 'otak beku' pula sering dikaitkan dengan keadaan seseorang yang tidak dapat menghasilkan idea atau juga dikenali sebagai buah fikiran disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti sakit kepala, tiada pengalaman, tidak cukup maklumat dan sebagainya.

Otak yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. merupakan satu organ yang sangat kompleks dan canggih. Otak digunakan untuk membina konsepsi tentang sesuatu dan mencetuskan arahan kepada saraf manusia sehingga otot melakukan pergerakan fizikal. Namun demikian, peranan otak yang paling penting ialah sebagai tempat memproses segala maklumat yang sering diibaratkan sebagai CPU (*Central Processing Unit*) bagi sebuah komputer.

Bagi menjalankan perannya sebagai CPU, otak sering dikaitkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi. Berfikir seperti ini bermaksud melakukan proses pencerapan, pencernaan dan pentaakulan. Melalui proses ini, manusia akan dapat merumus dan membuat pertimbangan yang paling wajar baginya dalam

menangani sesuatu isu atau perkara. Dalam dunia pendidikan, individu memainkan peranannya sebagai pengajar, pendidik dan juga sebagai pelajar. Bagi pendidik atau pengajar, mereka berhasrat untuk menyampaikan sebanyak mungkin maklumat yang dimiliki kepada kumpulan sasarannya iaitu pelajar. Bagi pihak pelajar pula, mereka seboleh mungkin akan berusaha untuk menerima, menganalisis dan menggunakan maklumat tersebut yang disesuaikan dengan keperluan semasa.

Hal ini dapat dirujuk dengan jelas dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Matlamat akhir yang digariskan oleh FPN ialah menghasilkan insan kamil yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya (mungkin boleh dipertimbangkan untuk memasukkan *social* sebagai satu lagi ketrampilan yang wajib dimiliki oleh insan di Malaysia). Melalui pendidikan, individu tersebut akan mengalami perubahan daripada tidak tahu menjadi tahu. Perkara ini juga disebut sebagai proses mentransformasikan manusia daripada semua aspek kehidupannya. Matlamat ini akan tercapai apabila manusia yang melalui sistem tersebut mempunyai kualiti diri dan kemahiran JERI(S). Hal ini akan tercermin melalui tindakan individu tersebut sama ada secara fizikal, mental mahupun kognitif.

Daripada sudut pandang kognitif atau pemikiran, terdapat dua aspek yang menjadi penumpuan dalam sistem pendidikan, sama ada pendidikan formal mahupun tidak formal.

Pendidikan formal bermaksud seseorang itu memasuki sebuah sistem pendidikan yang berstruktur. Sistem pendidikan formal boleh dilihat dilaksanakan di sekolah, institusi pengajian, kolej dan sebagainya. Manakala pendidikan tidak formal pula ialah sistem pendidikan yang bersifat bebas dan lebih bersifat peribadi. Maksudnya di sini ialah individu yang mendapat pendidikan secara tidak formal belajar melalui pemerhatian, pergaulan, pembacaan sendiri, pemindahan ilmu secara peribadi dan sebagainya. Namun demikian, kedua-dua faktor tersebut merupakan sumber ilmu yang penting kerana individu yang melalui kedua-dua kaedah pendidikan tersebut akan dapat melakukan transformasi diri mereka daripada 'tidak tahu' menjadi 'tahu' akan sesuatu perkara.

Dalam kedua-dua sistem itu juga, individu yang terlibat perlu memanfaatkan otak mereka sebagai alat yang paling penting sebagai perakam maklumat atau ilmu, penganalisis sesuatu isu atau masalah, alat yang membuat pertimbangan kepada pelbagai pilihan dan pemutus atau penyelesaian kepada sesuatu masalah. Bagi melaksanakan peranan tersebut, individu perlu berfikir secara kritis dan kreatif. Melalui kedua-dua kemahiran berfikir tersebut, pertimbangan dan keputusan yang dibuat oleh individu tersebut akan lebih efektif dan efisien. Walaupun kedua-dua kemahiran tersebut dimiliki secara semula jadi, namun perlu diasuh dan dipertajam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh individu terbabit.

Berfikir Secara Kritis

Berfikir secara kritis bermaksud mempunyai kemahiran dan kecekapan menggunakan minda untuk menilai kewajaran sesuatu idea, meneliti kelebihan serta kebaikan dan juga kelemahan sesuatu perkara sebelum membuat pertimbangan wajar dengan mengemukakan bukti dan alasan yang benar serta berkaitan (Som Haji Nor dan Dahalan, 2000). Berfikir secara kritis dikaitkan dengan otak sebelah kiri.

Perkataan 'kritis' berkaitan dengan perkataan '*critical*' yang berasal daripada '*kritikos*' yang bermaksud menyoal atau mempertingkatkan pengetahuan. Bloom (1956) mengatakan bahawa pemikiran kritis melibatkan tiga jenis aktiviti minda iaitu analisis, sintesis dan penilaian. Terdapat beberapa tahap yang mesti dilalui dan digunakan oleh individu apabila berfikir secara kritis. Berikut adalah kemahiran atau perkara yang dilakukan:

- Membanding beza
- Membuat kategori
- Meneliti bahagian-bahagian kecil secara bebas dan juga secara keseluruhan
- Menerangkan sebab akibat
- Menyusun mengikut aturan
- Membuat andaian atau ramalan (berdasarkan pola)
- Mempertahankan idea
- Meringkas
- Menghubungkan kronologi sebab-kesan
- Mengusul periksa andaian atau membuat periksa silang dengan maklumat lain bagi mendapat pengesahan



- Membuat inferens
- Membuat generalisasi

Berfikir secara kritis sangat berkaitan dengan kecenderungan atau keperluan dalam bidang Matematik, Kejuruteraan, Sains dan sebagainya yang lebih bertumpu kepada fakta dan logik akal. Namun demikian, perkara tidaklah mutlak kerana bidang-bidang lain juga memerlukan kita berfikir sedemikian.

Berfikir Secara Kreatif

Bagi berfikir secara kreatif pula, bahagian otak yang paling banyak digunakan ialah bahagian kanan. Individu yang mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif menggunakan minda untuk menerokai pelbagai kemungkinan dalam menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli sama ada bersifat konkrit (wujud) mahupun secara abstrak (konseptual atau idea). Dalam hal ini, perkara yang paling penting ialah individu tersebut berkemampuan menghasilkan sesuatu yang baru (*to create*). Berikut adalah perkara atau tahap yang termasuk dalam kemahiran berfikir secara kreatif:

- Penyediaan – fasa asas melibatkan pengumpulan maklumat, membuat kajian, mendapatkan data dan pendapat khusus tentang sesuatu isu atau perkara (contohnya, kaedah mengatasi masalah serangan tikus terhadap tanaman padi)
- Pemeraman – pemikiran separa tidak sedar (*subconscious mind*) mengawal individu dan proses berfikir berlaku secara tidak disedari dan sebagai contoh, individu akan memikirkan atau mendapat imbasan tentang sesuatu perkara yang tidak berkaitan dengan perkara

yang sedang dilakukannya. Hal ini sering kita alami apabila terdapat sesuatu isu yang belum diselesaikan seperti melakukan sesuatu

- Pencetusan – manusia mencetuskan idea atau buah fikiran berdasarkan pemerhatian, analisis dan hubungan sebab dan akibat sesuatu, proses ini juga berkaitan dengan penjaan idea yang bermaksud individu memperluaskan domain pemikirannya kepada perkara-perkara yang difikirkan berkaitan dengan isu sebenar yang dihadapinya (contohnya, masalah banjir difikirkan berkaitan dengan kemusnahan tanaman, penempatan penduduk, binatang ternakan, dan pada masa yang sama juga boleh mendatangkan kebaikan seperti aliran sungai akan menjadi lebih lawas, memperbaharui kadar kesuburan tanah, membekal sumber makanan kepada binatang yang tinggal di sekitar sungai, manusia yang terlibat akan mempertingkatkan hubungan dan ukhuhw sesama sendiri, mereka kembali mengingati bahawa Allah S.W.T. lebih berkuasa mengatur perjalanan hidup manusia, peringatan terhadap pencerobohan alam sekitar, mencetus perkembangan ekonomi dan sebagainya)

- Pengesahan – setelah keputusan dibuat dan tindakan dilakukan, manusia akan membuat penilaian semula adakah keputusan dan tindakan tersebut memberi lebih banyak manfaat atau sebaliknya. Jika tindakan tersebut memberi lebih banyak kebaikan, maka keputusan yang dibuat merupakan keputusan yang tepat

dan begitulah juga sebaliknya.

- Mencipta analogi – persamaan atau perbandingan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain, kias atau perbandingan. Pada tahap ini, individu berkaitan perlu mempunyai banyak maklumat dan pengalaman untuk mencipta analogi kerana analogi merupakan suatu konsep yang membawa banyak makna (contohnya, walaupun ayah seorang petani tetapi tugasnya seperti Perdana Menteri)
- Mencipta metafora – menggunakan sesuatu yang lain (tidak ada kaitan) untuk menyatakan tentang sesuatu, juga disebut sebagai kejanggalan berbahasa, penggunaan sesuatu unsur untuk menggambarkan sesuatu unsur yang lain. Metafora digunakan apabila individu yang berkomunikasi merasakan tidak mempunyai kosa kata yang tepat untuk menggambarkan makna yang dikehendakinya (contoh, 'lembu sungguh budak ini' bermaksud 'budak' yang dirujuk oleh individu tersebut mungkin mempunyai sifat, perangai, pemikiran, fizikal atau apa sahaja yang berkaitan dengan 'lembu').

Daripada kedua-dua kemahiran seperti yang dibincangkan di atas, individu akan menjadi lebih efisien dan efektif dalam menjalankan tugasnya. Hal ini terbukti apabila individu tersebut akan dapat memanfaatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses penyelesaian masalah. Namun demikian, kemahiran-kemahiran tersebut perlu dipelajari dan dilatih supaya individu menjadi seorang yang mahir dan berkeupayaan menggunakannya dalam semua

keadaan.

Selain itu, akhir-akhir ini terdapat pula pandangan yang mengatakan bahawa kita sebaiknya menggabungkan kedua-dua bahagian otak semasa berfikir. Pandangan ini dikaitkan dengan penggunaan 'otak tengah' yang dikatakan mempunyai 300 juta saraf neuron yang memabntu manusia berfikir (Sawiah Omar 2012 dlm Utusan Malaysia). Penggunaan otak tengah akan dapat melipatgandakan keupayaan manusia memproses maklumat dan secara tidak langsung mempertingkatkan IQ. Sama seperti berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menggunakan otak tengah ini juga perlu dipelajari dan diasuh oleh individu yang berminat supaya dapat melipatgandakan kemahiran berfikir.

Individu perlu berfikir secara kritis dan kreatif. Melalui kedua-dua kemahiran berfikir tersebut, pertimbangan dan keputusan yang dibuat oleh individu tersebut akan lebih efektif dan efisien. Walaupun kedua-dua kemahiran tersebut dimiliki secara semula jadi, namun perlu diasuh dan dipertajam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh individu terbabit.



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pejabat Naib Canselor

Kompleks Pentadbiran Utama

26600 Pekan

Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 424 5000

Faks : 09 424 5055

e-Mel : pro@ump.edu.my

   UMPMalaysia